



**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 9**

**Khamis**

**31 Mac 2022**

---

**K A N D U N G A N**

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan  
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 17(1)**

Penjualan Aplikasi mySejahtera Kepada Pihak Ketiga dan  
Jaminan Keselamatan Data Peribadi Jutaan Rakyat Malaysia (Halaman 38/93)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022 (Halaman 39)

Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2022 (Halaman 71)

Rang Undang-undang Akta Perkhidmatan Kewangan  
dan Sekuriti Labuan 2010 (Akta 704) (Halaman 78)

Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan  
dan Sekuriti Islam Labuan (Pindaan) 2022 (Halaman 86)

**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, SSM, DSNS, SUNS, SPMP, SPJK, SSAP, SPDK (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Dato' Sri Dr. Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad, DMSM, SSAP, DIMP (Dilantik)
3. “ Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, SSAP, DPMS, DSAP, DPNS [Menteri Kewangan] (Dilantik)
4. “ Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin, PMW [Menteri Kanan Pendidikan] (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] (Dilantik)
6. “ Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Perpaduan Negara] (Dilantik)
7. “ Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad, DIMP [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi] (Dilantik)
8. “ Datuk Lim Ban Hong, DMSM, BKT [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] (Dilantik)
9. “ Dato' Sri Ti Lian Ker, SSAP, DSAP, DIMP, JMN [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Dilantik)
10. “ Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
11. “ Dato' Haji Ahmad bin Yahaya (Kedah)
12. “ Dato' Ajis bin Sitin, DIMP, AMP (Pahang)
13. “ Tuan Aknan a/l Ehtook, JSM, PSK (Dilantik)
14. “ Dato' Arman Azha Abu Hanifah, DIMP (Dilantik)
15. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin, AMN, BKT, PJB (Perlis)
16. “ Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan JP (Dilantik)
17. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias, DPMS, JMW, AMW (Dilantik / Wilayah Persekutuan Labuan)
18. “ Datuk Bobbey Ahfang bin Suan, PGDK, JSM, ADK, BSK (Sabah)
19. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai, PMW (Dilantik)
20. “ Puan Fadhlina binti Dato' Sidek (Pulau Pinang)
21. “ Dato' Haji Husain bin Awang, DPMT, JP (Terengganu)
22. “ Dato' Isa bin Ab Hamid, DIMP (Dilantik)
23. “ Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid, PWP, DIMP (Perak)

**AHLI HADIR (samb/-)**

24. Yang berhormat Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
25. “ Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, DIMP, AMK, DNS, PJK, PPK (Johor)
26. “ Datuk John Ambrose, PGDK (Dilantik)
27. “ Puan Noraini binti Idris (Sabah)
28. “ Dato’ Juhanis binti Abd Aziz, DIMP, AMP, AMN, PPN. (Pahang)
29. “ Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin (Dilantik)
30. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong, DCSM (Melaka)
31. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim, PPN (Dilantik)
32. “ Datuk Mohan a/l Thangarasu, DPSM, KMN, PMP, PJK (Dilantik)
33. “ Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad, JMK (Kelantan)
34. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya, PMW (Dilantik / Wilayah Persekutuan Putrajaya)
35. “ Tan Sri Dato’ Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad, PSM, SPMP, SSAP, DPMP (Dilantik)
36. “ Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali (Dilantik)
37. “ Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip (Dilantik / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
38. “ Dato’ Nelson a/l Renganathan, DIMP (Dilantik)
39. “ Dato Dr. Nuing Jeluing, PSBS, KMN, PBS, ABS (Sarawak)
40. “ Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh (Terengganu)
41. “ Dato’ Wira Othman bin Aziz, DGMK, DSDK, BKM, ASK (Kedah)
42. “ Datuk Paul Igai, PJN, AMN, PBS, JSM (Dilantik)
43. “ Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi, PMW (Dilantik)
44. “ Datuk Razali bin Idris, DPSM, PJK, BCM (Dilantik)
45. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
46. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
47. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
48. “ Puan Susan Chemerai Anding (Dilantik)
49. Dato’ Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar, DPMP, AMN, KMN (Perak)

**AHLI HADIR (samb/-)**

- |     |                |  |
|-----|----------------|--|
| 50. | Yang Berhormat | Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee, PJN, DIMP, JSM, AMN (Dilantik)     |
| 51. | “              | Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu, SSAP, SMT, JP (Dilantik)    |
| 52. | “              | Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)                          |
| 53. | “              | Dato Zaiedi bin Haji Suhaili, PSBS, KMN, PBS, ABS (Sarawak)          |
| 54. | “              | Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa, SMW, DIMP, KMN, PPN (Dilantik) |
| 55. | “              | Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, PJN, DGPN, PMW (Dilantik)  |

**AHLI TIDAK HADIR  
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

- |    |                |  |
|----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Dato' Dr. Mah Hang Soon, DPMP [Timbalan Menteri Pendidikan I] (Dilantik) |
| 2. | “              | Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad (Dilantik)                                |
| 3. | “              | Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)   |

**HADIR BERSAMA**

- |    |                |   |
|----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Menteri Kesihatan] (Rembau)   |
| 2. | “              | Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Menteri Perpaduan Negara] (Kota Tinggi)   |
| 3. | “              | Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)] (Santubong)           |
| 4. | “              | Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] (Maran)                                  |
| 5. | “              | Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Timbalan Menteri Kewangan I] (Paya Besar)  |
| 6. | “              | Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas)] (Kuala Kangsar)           |
| 7. | “              | Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)] (Masjid Tanah) |

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)

8. Yang Berhormat Dato' Haji Rosol bin Wahid [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna] (Hulu Terengganu)
9. “ Datuk Ali anak Biju [Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli] (Saratok)
10. “ Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @Hashim [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Kuala Terengganu)
11. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Timbalan Menteri Kewangan II] (Sipitang)
12. “ Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh [Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II] (Pasir Puteh)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Nor Yahati binti Awang

**Setiausaha Dewan Negara**  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan  
Azhari bin Hamzah  
Halijah binti Mat Sin  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf  
Siti Norlina binti Ahmad  
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sherliza Maya binti Talkah  
Nor Liyana binti Ahmad  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Herdawati binti Mohd Amir Abbu  
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim  
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Muhamad Fazal bin Mahat  
Nor Aizafasya binti Zainal  
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Hizamihatim Maggisa bin Juara  
Muhammad Firdaus bin Ahmad  
Izzul Syazwan bin Abdul Halim  
Maryam binti Azinuddin  
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili  
Nurul Syakirah binti Ibharim  
Suhaila binti Sariffuddin  
Siti Fatimah Nurain binti Mohamad  
Nor Afina binti Mohamed Rashid  
Nik Muhammad Ismail bin Karim

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA  
Khamis, 31 Mac 2022**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ti Lian Ker]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini dan diputus dan diluluskan serta Urusan Mesyuarat, dan usul-usul lain yang ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan, soalan pertama, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

1. **Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah pekerjaan yang telah ditawarkan di bawah program MySTEP dan PROTEGE.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pada tahun 2021, kerajaan telah berjaya menempatkan lebih daripada 558,000 peluang pekerjaan melalui 27 inisiatif di bawah Majlis Pekerjaan Negara atau NEC jauh melebihi sasaran awal iaitu sebanyak 500 ribu peluang pekerjaan. Daripada pencapaian tersebut, *Malaysia Short-Term Employment Programme (MySTEP)* telah berjaya memberi peluang pekerjaan kepada lebih 63 ribu orang ahli Keluarga Malaysia dan ini juga adalah jauh melebihi sasaran awal sebanyak 50 ribu buah penempatan.

Selain itu, program Penempatan Latihan Kerjaya Graduan Bersama Industri (PROTEGE) di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi turut berjaya menempatkan lebih daripada 4,600 orang ahli Keluarga Malaysia berbanding jumlah sasaran awal ataupun sasaran asal sebanyak 4,527. Pencapaian yang memberangsangkan bagi program-program tersebut telah mendorong kerajaan untuk meneruskannya bagi tahun ini melalui Bajet 2022 di bawah Inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia.

Melalui inisiatif ini dengan mengambil semangat *jobs guarantee*, dengan izin, kerajaan menyasarkan 600 ribu peluang pekerjaan dengan peruntukan berjumlah RM4.8 bilion. Ini termasuklah program MySTEP yang menyasarkan 50 ribu peluang pekerjaan dalam sektor awam dan 30 ribu peluang pekerjaan dalam GLC serta rakan-rakan strategik.

Bagi program PROTEGE pula, kerajaan menyasarkan 4,600 peluang penempatan tahun ini di syarikat dan GLC yang mengambil bahagian. Setakat 15 Mac, MySTEP telah berjaya menempatkan hampir 11 ribu orang pencari kerja dalam pelbagai kementerian dan GLC. Daripada jumlah tersebut, lebih daripada 90 peratus telah ditempatkan di sektor awam dan bagi program PROTEGE pula, sebanyak 507 orang peserta telah berjaya ditempatkan setakat 28 Februari 2022. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Yang Berhormat Menteri, saya ini bertanya apakah status semasa OKU yang telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan kuota khas MySTEP ini yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2022.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.



**Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seajar dengan usaha untuk memastikan golongan OKU tidak dipinggirkan dan turut mendapat peluang untuk menceburi bidang pekerjaan, kerajaan mengumumkan penetapan kuota khas sekurang-kurangnya sebanyak satu peratus kepada golongan OKU bagi program MySTEP 2022.

Selain itu, bagi memastikan kebajikan serta sokongan kepada golongan OKU dalam bidang pekerjaan, kerajaan telah memperuntukkan lebih daripada RM40 juta melalui pelbagai inisiatif di mana antaranya termasuklah penambahbaikan infrastruktur serta menaik taraf bangunan kerajaan agar menjadi lebih mesra OKU.

■1010

Setakat hujung Februari 2022, sebanyak lebih kurang 0.4 peratus daripada jumlah kuota penempatan khas MySTEP bagi golongan OKU telah diisi dan pelaksanaan kuota khas satu peratus ini adalah bergantung kepada jumlah pengambilan yang dibuat oleh kementerian, agensi dan GLC mengikut ketetapan dan prosedur pengambilan masing-masing. Oleh itu, kerajaan menyeru agar semua pihak terus bekerjasama dalam menyediakan peluang pekerjaan yang bersesuaian melalui program MySTEP kepada golongan rentan termasuklah golongan OKU.

Saya juga berharap Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi supaya dapat menguar-uarkan program ini terutamanya kepada NGO-NGO OKU serta kesatuan-kesatuan yang berkaitan. Selain itu, saya juga memohon supaya Yang Berhormat Senator dapat mencadangkan bagaimana program ini dapat diperluaskan dan memanfaatkan lagi lebih ramai golongan OKU serta bagaimana kerajaan boleh menambah baik bantuan yang sedia ada sekarang kepada golongan OKU.

Kerajaan juga berharap agar golongan ini akan terus menyokong institusi kerajaan dengan mengambil bahagian serta menyertai program MySTEP sama ada dalam sektor awam mahupun di sektor GLC. Permohonan ini sebenarnya boleh dibuat melalui portal rasmi MySTEP. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Azam.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Soalan tambahan saya, Boleh? Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya lihat dalam kaedah tatacara pengambilan pekerja melalui MySTEP, mereka tidak tertakluk kepada Peraturan-peraturan Awam 2012 (Perintah-perintah Am) atau peraturan-peraturan yang berkuat kuasa ke atas pegawai-pegawai awam. Adakah ia tidak menimbulkan kecelaruan daripada segi pentadbiran dan menjadikan mereka kurang berdisiplin? Terima kasih.

**Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan melalui program MySTEP bukan merupakan satu pelantikan ke dalam perkhidmatan awam. Pengambilan di bawah program MySTEP ini dilaksanakan melalui kaedah perolehan perkhidmatan berdasarkan, dengan izin, *output* di mana tanpa tertakluk pada waktu atau tempat mahupun jadual petugas seperti yang terpakai kepada pegawai awam. Tempoh perkhidmatan dan kuat kuasa kontrak MySTEP hendaklah tidak melebihi hujung Jun 2023. Oleh itu, mereka tidak tertakluk kepada peraturan-peraturan pegawai awam yang seperti disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Namun demikian, personel MySTEP tetap tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa yang dipanjangkan oleh kerajaan secara khusus kepada mereka ataupun apa-apa pentadbiran lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan. Panduan berkaitan MySTEP ini, Yang Berhormat, telah ditetapkan dalam Garis Panduan Perolehan Perkhidmatan Personel MySTEP di bawah inisiatif MySTEP untuk tahun 2022.

Setakat ini, majoriti personel MySTEP tidak menghadapi kecelaruan dalam memahami peraturan yang ditetapkan. Akan tetapi, jika terdapat sebarang isu berkaitan pemahaman terhadap peraturan, personel MySTEP ini boleh merujuk terus kepada Ketua Jabatan masing-masing atau menghubungi Jabatan Perkhidmatan Awam. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan lain? Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Yang Berhormat Menteri Kewangan atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad.

**2. Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad** minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan, adakah negara kita mempunyai plan komprehensif tentang penggunaan tenaga solar memandangkan negara kita mempunyai sumber cahaya matahari yang tinggi.

**Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Ali anak Biju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad.

Untuk maklumat Yang Berhormat, *Malaysia Renewable Energy Roadmap (MyRER)* yang telah dilancarkan pada 30 Disember 2021 lalu telah mengenal pasti sumber solar sebagai salah satu tenaga boleh baharu (TBB) yang akan dibangunkan bagi meningkatkan campuran kapasiti

terpasang TBB dalam pembekalan elektrik negara kepada 31 peratus menjelang tahun 2025 dan 40 peratus menjelang tahun 2035.

Melalui usaha peralihan tenaga yang dilakukan kerajaan ini, sumber TBB bakal membentuk lebih satu pertiga daripada sumber bahan api dalam penjanaan elektrik negara. Kapasiti solar dijangka akan mencecah 4,796 megawatt berbanding dengan anggaran permintaan puncak berjumlah 20 ribu megawatt menjelang tahun 2025 dan 7,280 megawatt berbanding dengan anggaran puncak berjumlah 24,000 menjelang tahun 2035.

Sumber solar akan menjadi sumber penjanaan TBB utama selepas sumber hidro. Mengambil kira potensi dan faktor limpahan ekonomi, pembangunan sumber solar akan didukung oleh empat strategi pemangkin sebagai pemboleh daya ke arah usaha meningkatkan kapasiti TBB negara serta mengurangkan pelepasan karbon dioksida.

Empat strategi pemangkin tersebut adalah:

- (i) memanfaatkan peluang dalam pasaran bekalan elektrik;
- (ii) menambah baik akses kepada pembiayaan;
- (iii) pembentukan modal insan dan pembangunan infrastruktur; dan
- (iv) meningkatkan keanjalan sistem gred pembekalan elektrik.

Sehingga kini, kapasiti solar sebanyak 1,800 megawatt yang telah ditawarkan dari tahun 2011 sehingga 2020 di bawah program seperti program Solar Berskala Besar (LLS) dan Skim Tarif Galakan (FiT) dan Skim Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) telah pun beroperasi dan menyumbangkan sebanyak 4.6 peratus TBB dalam pembekalan elektrik negara.

Dalam menentukan kapasiti penjanaan elektrik negara termasuk TBB, kerajaan melalui Pelan Pembangunan Penjanaan Elektrik 2020-2039 telah menetapkan pertambahan kapasiti solar sebanyak 1,178 megawatt dari tahun 2020 hingga tahun 2025. Sumbangan sumber solar dalam kapasiti penjanaan elektrik dijangka akan meningkat kira-kira 10 peratus pada tahun 2025 dan kira-kira 15 peratus dalam tahun 2035.

Dalam pembangunan itu, kerajaan telah menawarkan sebanyak 500 megawatt telah ditawarkan melalui program NEM 3.0. Baki sebanyak 400 megawatt akan ditawarkan sehingga tahun 2025 melalui program-program TBB yang lain yang sedang dimuktamadkan oleh Suruhanjaya Tenaga. Manakala bagi kuota solar berjumlah 2,500 megawatt lagi akan ditawarkan sehingga tahun 2035.

Kerajaan sememangnya komited untuk membangunkan industri TBB di Malaysia termasuk sumber solar. Berdasarkan unjuran MyRER, pembangunan industri TBB di negara ini akan menghasilkan limpahan ekonomi dengan mewujudkan potensi nilai pelaburan berjumlah

RM33 bilion serta mewujudkan lebih daripada 46 ribu peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dalam industri TBB negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua ya. Terima kasih atas jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi itu.

Saya dimaklumkan bahawa kita berada dalam tahap ataupun tangga ke-10 di Asia ini daripada segi penggunaan solar. Harapan saya, harapan kita semua moga-moga kita akan meningkat kepada tangga kelima, keempat dan seterusnya.

Akan tetapi, untuk kita menggalakkan pengusaha-pengusaha industri ini, adakah kerajaan menyediakan insentif sebagai satu tarikan, galakan untuk menarik lebih ramai lagi pengusaha-pengusaha industri solar ke negara kita? Nombor satu.

Nombor dua, daripada segi penggunaan. Jadi, pengguna-pengguna iaitu termasuklah kita ini, adakah kerajaan mempunyai program untuk menggalakkan ramai rakyat Malaysia memilih untuk menggunakan panel solar di rumah mereka? Terima kasih.

**Datuk Ali anak Biju:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan tersebut. Sememangnya kerajaan telah menyediakan insentif untuk industri solar atau TBB. Pertamanya dipanggil *Green Investment Tax Allowance* (GITA), serta *Green Income Tax Exemption* (GITE), dengan izin, yang memberikan pengecualian cukai pelaburan kepada syarikat yang melabur, memperoleh peralatan hijau serta pengecualian cukai pendapatan bagi perkhidmatan hijau dan insentif pembiayaan *Green Technology Financing Scheme*, dengan izin, di mana kerajaan memperuntukkan sebanyak RM2 bilion bagi menampung dua peratus daripada kadar faedah pinjaman untuk tujuh tahun pertama pelaksanaan projek-projek TBB dengan 60 peratus jaminan kerajaan bagi pembiayaan.

#### ■1020

Faktor-faktor yang menyumbang kepada harga seliaan yang rendah adalah seperti berikut:

- (i) had kapasiti yang rendah iaitu 100; dan
- (ii) membolehkan ekonomi sekiranya dicapai dalam berdasarkan harga solar panel yang kompetitif;

Untuk menggalakkan rakyat *participate*, ataupun berserta, bersama dalam program solar ini kerajaan telah memperkenalkan Program NEM Rakyat yang diperkenalkan pada tahun Februari 2021. Objektif utama program ini iaitu meluaskan pasaran pemasangan sistem solar *photovoltaics* bagi segmen domestik yang sebelum ini kurang mendapat perhatian daripada pihak

industri disebabkan penggunaan yang lebih rendah berbanding dengan segmen dan komersial lain.

Sebenarnya ramai rakyat tidak sedar akan manfaat program ini yang membolehkan pengguna mempunyai bil elektrik bulanan RM400 ke atas mendapat pengurangan bil elektrik antara 30 peratus dan 80 peratus. Selain itu, pengguna juga boleh membiayai kos pemasangan sistem solar melalui pakej-pakej pembiayaan yang disediakan melalui pembekal perkhidmatan solar termasuk bayaran tunai, bayaran fleksibel tanpa faedah, kad kredit atau pinjaman bank dan kita memang harap dan KeTSA memang akan menaikkan taraf penggunaan sistem solar kita daripada 10 peratus di masa yang akan datang. Ini memang *target* ataupun memang hala tuju yang akan kita capai. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjelaskan dalam kapasiti penggunaan tenaga solar.

Akan tetapi memandangkan kecekapan tenaga solar adalah amat rendah jika berbanding dengan sumber tenaga yang lain. Oleh itu mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh mana kerjasama kementerian dengan kementerian yang lain seperti MOSTI dalam meningkatkan kecekapan tenaga panel suria melalui penyelidikan dan pembangunan seperti dimaklumkan, dengan izin, kecekapan *efficiency* bagi solar 16 peratus sahaja jika berbanding 45 peratus bagi gas semula jadi. Terima kasih.

**Datuk Ali anak Biju:** Kecekapan sistem panel yang kita ada sekarang sememangnya di tahap yang optimum dan sememangnya tujuan SEDA iaitu agensi yang terlibat dalam TBB ini, mereka memang bekerjasama dengan MOSTI atau mana-mana juga agensi kerajaan yang boleh menaikkan lagi taraf kecekapan solar panel tersebut. Akan tetapi yang ada sekarang adalah tahap- yang kita ada adalah yang optimum.

Sebarang teknologi yang baharu atau penemuan yang baharu, kajian baharu memang kita amat alu-alukan dan kita akan membuat kerjasama dengan mana-mana juga kerajaan ataupun agensi yang boleh menaikkan taraf *efficiency* ataupun pengeluaran panel tersebut. Kajian solar panel di Malaysia adalah dibuat dengan sebuah syarikat yang di bawah MOSTI ya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan soalan tambahan.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Laporan media ada menyatakan hampir 3.2 juta hartanah kediaman berbumbung berpotensi untuk memasang sistem tenaga solar pada tahun 2020. Namun begitu, sambutan daripada sektor kediaman sendiri tidak

memberangsangkan. Soalan saya ialah, apa yang menjadi penghalang penduduk negara ini untuk memasang tenaga solar di bumbung mereka. Terima kasih.

**Datuk Ali anak Biju:** Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya sambutan untuk program yang dipanggil NEM Rakyat yang memasang solar di bumbung ini sekarang masih banyak lagi peluang untuk dipohon. Sekarang ini sebanyak 70 megawatt yang masih lagi belum dipohon dan ini boleh menampung lebih kurang kira-kira 7,000 hingga 20 ribu orang pengguna domestik.

Kuota di bawah Program NEM Rakyat ini ditawarkan sehingga 2023 dan kemungkinan besar kenapa solar ini, rakyat ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan mungkin kerana pengguna-pengguna belum sedar ataupun tidak faham akan keuntungan ataupun pengurangan bil elektrik yang boleh dikurangkan sekiranya mendapat memasang solar tersebut. Ini saya rasa lebih kepada kesedaran ataupun *awareness*, dengan izin, kerana sebenarnya dengan pemasangan solar ini kita boleh menjimatkan lagi bil-bil elektrik yang kita bayar setiap bulan.

Juga dengan harga elektrik kita yang masih rendah, mungkin juga pemasangan solar ini tidak mendapat sambutan yang baik di kalangan rakyat kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ali anak Biju, Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

3. **Datuk Razali bin Idris** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, Pelan Jangka Pendek dan Panjang, serta sejauh mana komitmen kerajaan menghalang kepupusan penyu terutama di negeri Terengganu.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan Salam Keluarga Malaysia. Yang dihormati Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian sentiasa komited dalam mengatasi masalah kepupusan penyu melalui kawasan perikanan Malaysia DOF sebagai program pengurusan dan pemuliharaan penyu yang telah dilaksanakan sejak tahun 1990-an.

Sehingga sekarang di Terengganu khususnya Jabatan Perikanan Malaysia telah mewujudkan pusat konservasi dan penerangan penyu di Rantau Abang dan Kemaman di mana pelbagai program telah dijalankan untuk menangani ancaman terhadap penyu. Kerajaan telah menggariskan pelan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi isu kepupusan penyu. Pelan jangka pendek yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) penguatkuasaan enakmen penyu negeri Terengganu mulai 1 Jun 2022 yang akan mengharamkan penjualan telur penyu di semua premis bagi tujuan meningkatkan status populasi penyu;
- (ii) pemasangan alat penyisih penyu adalah wajib ke atas semua vesel penangkapan ikan yang menggunakan pukut tunda, musim tengkujuh di Terengganu sejak tahun 2017 bagi mengelakkan penyu daripada terperangkap;
- (iii) jawatankuasa pasukan kedamparan spesies marin terancam diaktifkan bagi menangani kes-kes kedamparan penyu serta mencari punca sebenar kematian penyu bagi mengurangkan kadar kematian penyu di pantai Terengganu;
- (iv) program pembersihan pantai di tempat pendaratan penyu dilaksanakan secara tahunan di Terengganu sebagai sebelum musim pendaratan penyu bermula pada bulan Mac hingga Oktober setiap tahun; kempen larangan menyentuh dan memberi makanan kepada penyu kepada semua pelancong yang datang ke kawasan Terengganu; dan
- (v) kajian darah penyu sedang dijalankan dengan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi melihat tahap kesihatan penyu.

Antara pelan-pelan jangka panjang:

- (i) Jabatan Perikanan Malaysia telah menyediakan prosedur piawaian pengurusan penyu SOP Semenanjung Malaysia;
- (ii) satu pelan tindakan kebangsaan pengurusan dan pemuliharaan penyu telah diterbitkan;
- (iii) aktiviti pengutipan dan pengeraman telur penyu diteruskan; dan
- (iv) penganjuran seminar bengkel, kursus secara berterusan bagi meningkatkan tahap kesedaran.

Sekian, terima kasih.

#### ■1030

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, silakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya rasa pun anak Terengganu, faham. Di Terengganu ada banyak pulau. Boleh dikatakan semua pulau mempunyai satu NGO untuk menjaga kepupusan penyu. Jadi saya hendak tanya pihak kerajaan, saya difahamkan mereka tidak mempunyai insentif. Apakah kerajaan bercadang untuk memberi

insentif kepada NGO-NGO yang mana hari-hari menjaga kepupusan penyu di pulau-pulau yang berada di negeri Terengganu?

Keduanya, menyentuh Rantau Abang. Satu dunia mengetahui satu ketika dulu Rantau Abang merupakan tempat pendaratan penyu yang paling popular di dunia tetapi hari ini *zero*. Jadi saya hendak tahu, apa tindakan, bukan kajian ini, tindakan kerajaan untuk mengembalikan zaman kegemilangan Rantau Abang di mana Rantau Abang ialah tempat persinggahan penyu di seluruh dunia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, sahabat saya dari negeri Terengganu.

Berkenaan dengan NGO-NGO yang ditubuhkan di merata tempat di dalam negeri Terengganu secara khususnya, sememangnya saya merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak NGO-NGO tersebut. Walaupun mereka ini tidak mendapat apa-apa habuan secara *direct* tetapi sikap dan tanggungjawab rakyat negeri Terengganu secara khususnya untuk melihat negeri Terengganu ini menjadi sebuah negeri pelancongan dan mampu menarik pelaburan yang dalam bentuk pelbagai melalui pelancongan yang ada.

Namun, *insya-Allah* saya akan cuba bawa cadangan untuk kita anugerahkan insentif dan insentif biasanya ada tetapi tidak banyak dan ia bukan melalui kerajaan. Namun, ini merupakan satu cadangan yang amat baik dan bagi NGO-NGO ini pun, mereka sedar bahawa apabila mereka bertindak begitu, ada hasil yang datang. Bila pelancong datang, ini secara bukan *direct*-nya mereka juga akan memperoleh hasil yang sepatutnya.

Kedua, berkenaan dengan Rantau Abang. Memang di Rantau Abang ini, spesies penyu ini kurang masuk bukan 100 peratus tetapi kekurangan penyu yang masuk bertelur di Rantau Abang ini agak ketara dan pernah saya bersungut benda ini tetapi apa yang disebut iaitu perubahan cuaca dan perubahan situasi atau keadaan di dalam laut, koralnya dan macam-macamlah. Ada koral yang mati menyebabkan ia memberi kesan kepada penyu-penyu.

Di samping itu, penyu ini kalau ia tidak naik di Rantau Abang, ia masih tidak tinggalkan Terengganu. Ada yang naik di Pulau Perhentian. Kalau di Pulau Perhentian sebelum daripada ini ia tidak banyak tetapi sekarang ia agak meningkat begitu ketara. Begitu juga dengan Pulau Redang, ia naik lebih baik. Kita harap apa pun situasi Rantau Abang ini menjadi pangkalan penyu yang menarik pelabur, menarik pelancong-pelancong masuk ke negara kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan lain? Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya.



**4. Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, kini program elit di bawah MSN iaitu Majlis Sukan Negara menyenaraikan 288 orang atlet bagi menghadapi Sukan SEA, Sukan Asia dan Sukan Komanwel sepanjang tahun 2022, dan disebabkan atlet elit yang berpotensi memenangi pingat emas amat terhad, adakah wajar KBS mengecilkan kelompok atlet elit agar KBS lebih mudah menampung perbelanjaan membiayai program kejohanan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ti Lian Ker]:** Terima kasih atas soalan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan terima kasih atas Program Podium pertambahan RM60 juta setahun yang telah diluluskan oleh kerajaan di mana kita mempunyai RM240 juta dari tahun 2022 sehingga tahun 2025 yang telah membolehkan dan mengupayakan serta memperluaskan lagi kelompok atlet yang dapat dimasukkan dalam Program Latihan Atlet MSN.

MSN telah membuat penyusunan semula program persediaan atlet yang masih memberikan keutamaan ke temasya Sukan SEA Vietnam 2022, Sukan Komanwel Birmingham 2022 serta Sukan Asia Hangzhou 2022. Pada masa yang sama, tumpuan juga telah turut diberikan kepada atlet-atlet yang mampu memenangi pingat di kejohanan-kejohanan utama dunia. Kejohanan-kejohanan ini merupakan penanda aras bagi setiap atlet untuk mempamerkan prestasi terbaiknya di temasya yang akan mereka sertai nanti.

Dengan suntikan dana bagi Program Podium sebanyak RM60 juta setahun ataupun RM240 juta bagi tempoh empat tahun akan menunjukkan peningkatan bilangan atlet daripada 321 orang atlet kepada 776 orang atlet iaitu peningkatan sebanyak 142 peratus. Jumlah 776 orang atlet ini terdiri daripada 41 jenis sukan. Daripada jumlah tersebut, seramai 346 orang atlet ataupun 262 orang atlet normal dan 84 orang atlet para. Daripada 26 jenis sukan telah menerima tawaran kontrak baharu bagi menjalani program latihan sepenuh masa pada tahun ini.

Manakala seramai 430 orang atlet iaitu terdiri daripada 235 orang atlet normal dan 195 orang atlet para daripada 26 jenis sukan akan menjalani program latihan secara berfasa. Antara kemudahan-kemudahan yang akan disediakan adalah program latihan, jurulatih, kemudahan latihan, penginapan dan makan.

Menerusi kelompok atlet yang telah dikenal pasti ini, kementerian yakin prestasi atlet negara akan dapat dipertingkatkan dan mencapai matlamat yang disasarkan nanti. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan?

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Soalan tambahan. Soalan tambahan saya, menjelang Sukan SEA Vietnam pada bulan Mei nanti, berapakah jumlah pingat emas yang kita sasarkan?

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Terima kasih juga atas soalan tambahan. Bagi Sukan SEA, pengukuhan prestasi kontinjen negara tidak boleh bersandarkan kepada pencapaian pingat yang dipertandingkan kerana setiap tuan rumah Sukan SEA akan menganjurkan sukan acara yang akan memberi pulangan pingat yang terbanyak kepada negara tuan. Oleh itu, akan ada sukan acara yang menjadi kekuatan negara tidak akan kita dipertandingkan. Antaranya ialah sukan dan acara kegemaran Vietnam seperti *finswimming*, *curragh* dan gusti. Manakala sukan dan acara kekuatan Malaysia yang tidak akan dipertandingkan adalah seperti berbasikal trek, boling padang, pelayaran, hoki dan skuasy.

Tahap persediaan kontinjen negara yang terganggu dengan ancaman COVID-19 dan ketidaktentuan beberapa pertandingan pendedahan luar negara yang ditangguhkan dan dibatalkan menyebabkan Program Latihan Atlet Negara turut mengalami gangguan yang amat ketara. Berdasarkan perkembangan semasa dan perbandingan prestasi semasa dengan atlet-atlet negara SEA.

Sasaran awal yang telah ditetapkan bersama Persatuan Sukan Kebangsaan ialah sebanyak 79 buah pingat secara keseluruhannya iaitu Emas sebanyak 31, Perak sebanyak 19, dan Gangsa sebanyak 29. Sasaran ini akan diperhalusi semula pada Bengkel Penetapan Sasaran Akhir yang dijadualkan pada pertengahan bulan April bersama MOM, MSN, ISN, PSK, CDM, DCDM, ketua jurulatih dan pengurus pasukan. Sasaran akhir kontinjen Malaysia di Sukan SEA Vietnam akan diumumkan secara rasmi oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan di Majlis Penyerahan Jalur Gemilang pada 25 April nanti. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Timbalan Menteri Belia dan Sukan atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/ Nachiappan untuk kemukakan soalan lisan.

#### ■1040

**5. Tuan Balasubramaniam a/ Nachiappan** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, apa tindakan pihak kementerian terhadap peniaga yang menyembunyikan stok bekalan seperti minyak paket dan mengapakah perkara ini berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/ Nachiappan yang ingin tahu tentang isu sorok barang dan juga kekurangan minyak masak dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, minyak masak merupakan barang kawalan berjadual di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang mana mana-mana pihak yang berurus niaga dengan komoditi ini wajib mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Justeru itu, mana-mana pihak yang didapati sengaja atau cuba untuk menyorok atau menyembunyikan barang kawalan ini, mereka boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen 15, Akta Kawalan Bekalan dan dendanya mencapai tidak lebih daripada RM1 juta.

Untuk makluman, isu menyorok barang ini tidak berlaku setakat ini kerana tujuan sorokkan barang adalah untuk hendak menunggu harga naik untuk dijual. Akan tetapi, oleh sebab harga ini telah ditentukan RM2.50 satu kilo, ertinya isu ini tidak wujud sekarang.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kenapakah minyak masak satu kilogram ini berkurangan dalam pasaran sekarang? Antara perkara yang dapat dikesan ialah kerana yang pertama harganya yang begitu rendah berbanding dengan harga minyak masak semasa. Saya dimaklumkan harga CP8 hari ini mencapai RM7,000 satu tan. Ertinya satu kilo RM7.00. Kerajaan jual satu kilo RM2.50. Ertinya, kerajaan terpaksa menanggung lebih daripada RM4 untuk setiap kilo yang kita subsidikan itu. Ini beban kepada kerajaan.

Kedua, kekurangan juga berpunca daripada isu penyeludupan. Oleh sebab barang ini murah tempat kita, maka ia ada unsur-unsur menyeludup untuk mendapatkan keuntungan yang lebih. Di samping itu, ia juga disebabkan oleh penggunaan yang tidak sepatutnya membeli minyak ini yang mana minyak satu kilogram pek ini cuma kegunaan domestik sahaja. Akan tetapi, kita dapati pekedai-pekedai dan juga restoran-restoran menggunakan minyak ini. Daripada segi peraturannya tidak boleh tetapi oleh sebab apabila kita berjumpa dengan pekedai, mereka mengatakan bahawa jika mereka beli minyak yang harganya lebih mahal, maka produk yang dijual juga harga akan meningkat. Kesannya kembali kepada pengguna. Pengguna akan terpaksa membayar lebih untuk mendapat barang ataupun apa yang dimasak tersebut. Untuk menangani isu ini, kementerian telah:

- (i) menjalankan pemeriksaan dan pengauditan di setiap peringkat rangkaian pengedaran minyak masak bermula daripada pengilang, pemborong, pengedar dan peruncit. Kita audit semua sekali rangkaian tersebut;
- (ii) menjalankan pemeriksaan pematuhan permit ke atas peniaga-peniaga kecil dan juga pengusaha restoran kerana permit yang diberi kadang-kadang setiap kedai mereka mampu atau mereka dibenarkan menyimpan minyak mungkin 10 kilogram atau 20 kilogram sahaja. Jikalau lebih, ini menjadi satu kesalahan;

- (iii) kita membuat risikan ke atas pengilang, pembungkus, pemborong dan peruncit dengan sasaran terpilih yang disyaki menyeleweng minyak masak bersubsidi ini;
- (iv) menggantung lesen ataupun kuota ke atas syarikat yang didapati menyeleweng;
- (v) meletakkan had pembelian tiga pekot untuk sebuah isi rumah sekali beli; dan
- (vi) mempertingkatkan kerjasama dengan agensi penguat kuasa yang lain seperti Kastam, ATM, Polis Diraja Malaysia, ESSCOM dan sebagainya.

Untuk makluman tambahan Tuan Yang di-Pertua, sehingga 28 Mac, KPDNHEP telah menjalankan 8,843 pemeriksaan ke atas premis yang terbabit dengan urus niaga minyak masak ini, 25 Kertas Siasatan dibuka, 94 buah premis dalam tindakan pengauditan. Setakat ini, 15 buah syarikat pembungkus sudah digantung lesen minyak subsidi ini dan lima buah syarikat digantung lesen urus niaga minyak masak tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Soalan tambahan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya, bagaimana pula dengan pengawalan harga barang seperti minyak masak liter yang hampir mencecah ke RM30 dan barangan asas lain juga seperti telur memandangkan hampir menjelang bulan Ramadan dan Aidilfitri, apakah inisiatif kerajaan terhadap perkara ini? Sekian.

**Dato' Rosol bin Wahid:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan. Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari keadaan ataupun perubahan ekonomi yang berlaku sekarang. Berkaitan dengan isu minyak masak botol, kita beri subsidi dan menjadikan harganya di bawah daripada RM30. Jadi, subsidi tersebut datang daripada MOF. Jika MOF masih bersetuju hendak menyambung subsidi ini dan saya yakin ia bersetuju maka harganya tetap RM22.90. Makna bawah RM30.

Berkaitan dengan barang-barang lain seperti telur, ayam dan sebagainya kita mengadakan libat urus dengan MAFI untuk memastikan yang pertama keberadaan barang dalam market atau pasaran dan yang kedua, harganya tidak melampau.

Oleh sebab itu, apa yang dicadangkan oleh kerajaan iaitu Program Jualan Keluarga Malaysia diteruskan sehingga Jun iaitu selepas puasa dan selepas hari raya. Ia sedikit sebanyak kebimbangan kita Tuan Yang di-Pertua apabila kerajaan mengisytiharkan gaji minimum RM1,500 bermula pada 1 Mei nanti, ia sudah pasti akan menjadi Teori Domino yang akan

memberi kesan kepada pengguna untuk masa hadapan. Itu yang kita *concerned* sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa] Terima kasih pihak kerajaan yang telah memberi jawapan yang meyakinkan dan juga kerana telah memberi subsidi peruntukan tambahan sebanyak RM900 juta lebih pada bulan Disember 2021.

Soalan saya, oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan tentang penggunaannya telah disalah guna oleh beberapa pihak tertentu terutama restoran, berapa *limit*, had yang dibenarkan untuk satu-satu pihak yang hendak membeli minyak paket ini. Apakah kerajaan berpuas hati dalam tempoh enam bulan ini tidak berlaku apa-apa juga yang merugikan pihak kerajaan? *Wallahuaklam. Assalamualaikum.* Terima kasih.

**Dato' Rosol bin Wahid:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad. Sebenarnya CSA kepada setiap mereka yang hendak menyimpan, mengedar dan memborong, mereka perlu ada lesen CSA dan lesen CSA ini had limit minyak masak setiap restoran mesti maksimum 42 kilogram setiap masa. Ertinya, kalau mereka ada lebih daripada 42 kilogram, maka mereka telah menyalahi ataupun mereka mempunyai nawaitu lain terhadap minyak tersebut.

Isu yang kedua berkaitan dengan minyak masak ini juga dikatakan ia berkait dengan *used cooking oil* iaitu minyak masak yang telah digunakan yang mana minyak masak yang telah digunakan ini hari ini cukup meriah. Ertinya suri-suri rumah kalau dahulu minyak yang telah digunakan ini dibuang dalam longkang, tidak mempunyai nilai. Akan tetapi hari ini saya difahamkan harga sekilo *used cooking oil* minyak masak yang telah digunakan ini telah mencapai RM4. Ertinya lebih mahal daripada minyak subsidi kita.

Jadi ini suatu yang kita sedang fikirkan tentang bagaimana cara untuk mengatasinya. Ini kerana ada sebahagiannya dikatakan mencampurkan minyak yang murah ini dengan *used cooking oil* ini untuk dijual dengan harga yang lebih mahal. Bukan dijual kepada pengguna tetapi dijual untuk dibuat biodiesel. Itu kita difahamkan. Akan tetapi *used cooking oil* ini bukan di bawah kementerian kita. Ia di bawah MPOB yang ada kuasa berkaitan dengan *used cooking oil* ini. Saya rasa menjawab apa yang ditanya oleh sahabat kita. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya berkaitan dengan soalan tadi, jawapan tadi itu mengenai *used cooking oil* ini. Saya takut dalam keadaan minyak yang agak mahal mungkin sesetengah orang ataupun mungkin ada syarikat-syarikat

tertentu *recycle* minyak ini dan jual balik. Kalau dijadikan biodiesel itu saya rasa tidak menjadi masalah besar tetapi kalau masuk balik ke pasaran dan menjadi minyak masak, dijual kepada orang ramai, jadi saya rasa itu merosakkan kesihatanlah. Jadi bagaimana tindakan KPDNHEP bagi menangani masalah ini.

**Dato' Rosol bin Wahid:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Kita memang *concerned* perkara ini. Apabila perkara ini berlaku, kita *concerned* dan jika ada laporan berkaitan dengan hal tersebut- kita pernah buat sekali di Penang, kita ambil minyak tersebut untuk di-*test* sebab ada masyarakat *claim* mengatakan bahawa, minyak ini telah dicampurkan dengan *used cooking oil*, berkeladak. Akan tetapi kami bawa ke makmal MPOB bahawa benda ini tidak berlaku. Ertinya setakat ini tidak ada kes mencampurkan *used cooking oil* dengan minyak subsidi untuk dijual kepada market.

#### ■1050

Jadi, setakat ini, tiada isu hal tersebut tetapi kita amat-amat beri perhatian kepada perkara ini supaya tidak berlaku penipuan. Mereka sudahlah dapat *claim* daripada kerajaan berjuta-juta ringgit, kemudian mereka ambil kesempatan. Jadi, ini mereka yang cukup jahatlah, pada kita. Jahat kepada rakyat dan jahat kepada kerajaan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang minyak masak digunakan di bawah tanggungjawab MPOB. Saya hendak bertanya sebab sering berlaku pertindihan tugas. Apakah ada sempadan tugas antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dengan Kementerian Perladangan dan Komoditi? Ini kerana mereka juga berurusan berkaitan dengan minyak masak. Terima kasih.

**Dato' Rosol bin Wahid:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita tidak ada pertindihan. Tugas kita, kita dapat minyak daripada MPOB, kita pastikan minyak tersebut mengikut *specs* ataupun spesifikasi yang dibenarkan untuk kita adakan. Ia ada CP8, CP10, CP6 untuk hendak dijual. Jadi, yang berkaitan dengan komoditi ialah hal buah, kemudian hal isirung. Semua sekali itu di bawah MPOB.

Akan tetapi hal berkaitan dengan minyak yang telah digunakan, itu juga bawah MPOB. Jadi, kita sentiasa mengadakan libat urus dengan kementerian ini untuk berbincang. Contohnya, harga. Harga yang turun naik. Kelmarin, harga RBD kita RM6,000 CPA. Hari ini, saya difahamkan pukul 10 tadi dibuka RM7,000 lebih. Jadi, semua ini ditentukan oleh MPOB ataupun komoditi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Memang isu menyorok stok bekalan itu memang berlaku dan saya hendak merujuk aspek penguat kuasa terhadap isu ini. Apa mekanisme yang digunakan oleh kementerian dalam mendekati pesalah atau pihak yang terbabit selain daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kata menggunakan audit, pemeriksaan?

Apakah pandangan kementerian dalam meningkatkan hukuman denda ke atas peniaga terbabit untuk mengurangkan isu menyorok stok bekalan? Terima kasih.

**Dato' Rosol bin Wahid:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, bahawa setakat ini, isu sorok tidak timbul. Ini kerana tujuan sorok- saya ingat semasa saya kecil-kecil dahulu ada isu sorok sehingga ada lagu dalam RTM untuk cegah sorok ini. Akan tetapi, sekarang ini tidak timbul lagi. Ditambah pula, tujuan menyorok ialah mereka hendak kurangkan bekalan dalam *market*, kemudian bila kurang, dijual dengan harga yang mahal. Tidak berlaku di sini kerana harga kita sudah *pegged* pada RM2.50. Mereka sorok kah tidak sorok kah, harganya telah tentu RM2.50. Jadi, tidak ada isu sorok.

Cuma, apa yang kita buat selain daripada apa yang saya kata tadi, denda yang maksimum dan sebagainya. Kadang-kadang denda juga tidak menghalang seseorang itu untuk terus melakukan kejahatan ataupun jenayah. Contohnya, macam dadah. Walaupun denda sehingga mati tetapi masih ada lagi kes-kes pengedar-pengedar dadah yang berani untuk mengedar dadah walaupun dendanya begitu tinggi.

Jadi, apa yang diberi ataupun yang kita buat ialah di samping pengintipan, kemudian kita buat *ambush* mana-mana tempat yang kita rasakan kritikal, terutamanya di sempadan Thailand, sempadan Indonesia dan sebagainya.

Kita juga memberi sedikit imbuhan kepada pemberi-pemberi maklumat untuk hendak beri inisiatif kepada mereka agar mereka melaporkan berlaku penyelewengan, membazir ataupun menyeleweng harta ataupun hak rakyat ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Rosol bin Wahid, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris.

**6. Puan Noraini binti Idris** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, dasar serta elemen baharu yang diterapkan dalam pembelajaran dan pengajaran di institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sebagai inisiatif bagi meningkatkan kematangan serta literasi demokrasi dalam kalangan penuntut universiti, khususnya yang terdiri daripada pengundi baharu dalam Pilihan raya Umum Ke-15 kelak.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris kerana bertanyakan soalan hari ini. Ini soalan pertama saya dapat daripada Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris. Soalan yang cukup menarik, mencabar kepada saya dan juga *team* saya untuk menyediakan soalan jawapan kepada soalan ini.

Suka saya nyatakan secara sepintas lalu bahawasanya dalam konteks pendidikan di pengajian tinggi ini, pembelajaran pelajar-pelajar seperti mana kita faham dan kita telah pun melalui pembelajaran di universiti, ia ada yang bersifat formal dan ada juga bersifat informal.

Dalam konteks formal ini, ingin saya nyatakan di sini kepada semua Yang Berhormat dalam sidang Dewan bahawasanya inisiatif bagi meningkatkan kematangan serta literasi demokrasi dalam kalangan penuntut universiti dilaksanakan dalam pembelajaran dan pengajaran secara formal melalui Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU). Ini dilaksanakan melalui satu kursus yang namanya ialah Kursus Peringatan Etika dan Peradaban, yang mana kursus ini telah diperkenalkan pada tahun 2019 dan bertujuan untuk meneguhkan pemikiran kritikal dan *analytical* pelajar melalui penghayatan kepada etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

Silibus kursus ini juga meliputi termasuk literasi demokrasi, di mana ia merupakan sebahagian daripada perkara yang disentuh di bawah satu modul dalam kursus ini yang dipanggil sebagai Modul Perlembagaan sebagai asas integrasi dan juga wahana etika dan peradaban di Malaysia. Semua pelajar yang mengikuti pengajian di IPTA wajib mengikuti kursus ini.

Selain daripada itu, suka saya nyatakan bahawasanya kita juga di Kementerian Pengajian Tinggi berusaha menerapkan elemen demokrasi melalui beberapa aktiviti pembelajaran dan pengajaran di IPT KPT sendiri dengan kerjasama universiti awam dan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia yang juga dilaksanakan dalam beberapa program, termasuklah Program Pendidikan Pengundi. Ini penting untuk kita tahu.

Bagi tujuan ini, program-program yang dilaksanakan tujuannya untuk memastikan bahawasanya kita mampu meningkatkan kematangan serta memperkasakan literasi mahasiswa berhubung sistem demokrasi pilihan raya dan politik negara di samping meningkatkan kesedaran mereka terhadap kepentingan menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi.

Saya suka nyatakan di sini, antara program-program yang dirancang- saya ingat masa saya sudah lebih sedikit ini. Antara program-program yang sedang dirancang seperti:



- (i) konvensyen pemeraksanaan undi 18 tahun;
- (ii) penerapan pendidikan pengundi dalam silibus universiti sama ada melalui subjek elektif sedia ada ataupun subjek elektif baharu;
- (iii) penubuhan kelab pendidikan pengundi; dan
- (iv) program mahasiswa cakna undi 18 tahun.

Bagi memastikan pelaksanaan program ini dapat diselaraskan di semua peringkat nasional, memorandum persefahaman (MOU) mengenai perkara ini sedang dalam peringkat untuk ditandatangani antara pihak SPR dan juga setiap universiti awam. Dalam hal ini, saya mengucapkan syabas pada Universiti Teknologi Malaysia kerana telah menjadi universiti perintis yang pertama yang menandatangani MOU bersama SPR pada 27 Januari baru-baru ini, yang kemudiannya akan disusuli dengan universiti-universiti awam yang lain.

Selain daripada itu, KPT dengan kerjasama Majlis Tatatertib dan Disiplin Universiti Awam (MATDUM) juga kini sedang menyediakan dua garis panduan berkaitan dengan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Awam dan juga garis panduan penyertaan mahasiswa dalam kegiatan politik di dalam dan di luar kampus.

Untuk pengetahuan semua, AUKU telah dibuat pindaan bermula pada tahun 2019, di mana parti-parti politik mula boleh bergiat ataupun berpartisipasi dengan aktif dalam kampus. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Puan Noraini binti Idris:** Soalan tambahan juga, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang begitu jelas dan terperinci.

Soalan tambahan saya. Program Felo Perdana dan Parlimen Belia yang diadakan sebelum ini turut disertai oleh golongan mahasiswa dan graduan baharu. Kedua-dua program tersebut telah berupaya mewujudkan ruang partisipasi buat anak-anak mahasiswa untuk mendalami proses urus tadbir kerajaan serta demokrasi berparlimen.

Soalan saya, apakah kesinambungan kepada kedua-dua program tersebut yang difikirkan relevan untuk dilaksanakan secara praktikal di IPTA seluruh negara yang boleh meningkatkan intelektual demokrasi dalam kalangan mahasiswa yang kebanyakannya masih kurang pemahaman tentang proses demokrasi negara? Terima kasih.

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Terima kasih. Saya fikir Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris orang yang memang betul-betul mengetahui perjalanan tentang pembangunan politik kepimpinan orang-orang muda dalam negara.

Akan tetapi, betul, Program Felo Perdana, Program Mantap adalah antara program yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Program ini telah memberikan satu

impak yang besar kepada mahasiswa ataupun kepada orang-orang muda yang terlibat sama, yang dipilih dalam program ini.

Sayangnya, bermula pada tahun 2018 selepas Barisan Nasional kalah, program ini tidak ada lagi.

■1100

Jadi saya fikir untuk makluman Yang Berhormat Puan Noraini, saya akan angkat balik cadangan ini kerana saya lihat program ini satu program yang baik dan kita akan pastikan bahawasanya kepimpinan negara ini akan dibentuk oleh mereka yang berkualiti yang terhasil daripada- bagaimana mahasiswa ini faham tentang polisi negara bila mereka berada dalam kluster ataupun dalam kepimpinan kumpulan seperti mana Kumpulan Felo Perdana dan sebagainya. Ia memberikan *benefit* yang cukup besar, kita kekurangan daripada segi itu. Terima kasih.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Fadhlina.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya , PRU baru-baru ini menunjukkan bahawa tiada parti yang dapat merangkul sokongan anak muda sepenuhnya. Lonjakan undian anak muda tidak kelihatan dalam pilihan raya yang lepas. Jadi soalan saya, apa program kesedaran Yang Berhormat sebut tadi juga melibatkan tumpuan kepada apakah minat mereka ataupun apakah mereka sebenarnya memang tidak berminat langsung dengan pesta demokrasi ini dan juga hak mereka sebagai rakyat Malaysia untuk mengundi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Okey Yang Berhormat Senator Fadhlina. Terima kasih soalan itu. Saya juga sebenarnya amat sensitif dengan soalan begini sebab kita tahu dalam pilihan raya yang baru-baru ini, pilihan raya kecil sama ada di Melaka, di Sarawak ataupun di Johor telah menunjukkan bahawasanya impak daripada golongan orang muda ini agak sikit, kecil.

Dalam konteks ini, apabila pihak Kementerian Pengajian Tinggi cuba membuat kolaborasi secara langsung dengan SPR, menunjukkan kita ada komitmen untuk membantu meningkatkan kesedaran dengan harapan mereka akan berpartisipasi dalam politik negara secara langsung dan secara tuntas melalui pilihan raya dan sebagainya, kita harapkan begitu. *But and the end of the day, it depends to the person itself*-lah.

Kita hanya mampu memberikan ruang dan memberikan peluang kepada mereka, tetapi saya fikir dalam masa yang sama juga, selain daripada Kementerian Pengajian Tinggi, pihak parti-parti politik dalam negara juga sebenarnya perlu mengambil tindakan yang sewajarnya,

mempromosikan agenda untuk pendemokrasian dalam politik dan sebagainya secara tuntas kepada orang-orang muda termasuk golongan mahasiswa.

Yang Berhormat Senator Fadhlina, saya daripada KPT hanya mampu mencorakkan apa yang boleh kita buat dalam kerangka parameter saya di Kementerian Pengajian Tinggi, di universiti awam dan sebagainya, itu sahaja. Akan tetapi, yang lebih itu kita serah kepada parti politik masing-masing.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit sebab saya rasa KPT mempunyai ruang yang lebih besar kerana di KPT merupakan ruang pendidikan intelektual. Jadi, saya bimbang kalau kita tidak dapat gunakan ruang pendidikan intelektual untuk meyakinkan mahasiswa bahawa demokrasi ini penting dan hak mereka sebagai warganegara untuk mengundi itu penting kerana mereka berada di institusi pengajian tinggi.

Saya bimbang jawapan Yang Berhormat ini tidak mencerminkan komitmen dan iltizam untuk memastikan anak-anak muda kita ini keluar mengundi dan memastikan hak mereka untuk menjadi rakyat Malaysia untuk mengundi. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Soal komitmen, ada beberapa bentuk komitmen okey. Pihak saya ada membuat komitmen dari sudut dasar, polisi di mana universiti awam selepas ini kita akan buat kolaborasi dengan SPR untuk menguar-uarkan tentang kepentingan untuk keluar mengundi.

Soal untuk *persuading*, itu soal lain. Itu soal memujuk mereka keluar mengundi itu soal lain. Kita ada parti-parti politik, PKR, kita ada PAS, kita ada UMNO, kita ada Barisan Nasional, MCA, MIC dan sebagainya. Gunalah peluang masing-masing. Sayap parti ada kenapa kita berdiam diri. Dalam hal ini, Akta AUKU yang telah pun dibuat pindaan itu mencukupkan benda ini untuk membolehkan kita membuat satu gerakan besar-besaran, kalau kita mahu. Soalnya sekarang ini, orang muda bukan boleh dibuat sembarangan sekarang ini. Orang muda begitu cakna tentang keadaan dan *very unpredictable. So, we must very strategic when it's come to this matter.* Terima kasih YB.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan. Bagaimana dilaporkan, kaedah pemilihan majlis perwakilan pelajar di IPTA tidak seragam di seluruh negara. Soalan saya yang pertama ialah, adakah kementerian bercadang untuk menyelaras konsep berpolitik di IPTS selaras sepertimana realiti yang ada di Malaysia melalui konsep Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Kedua, berdasarkan kepada peruntukan yang ada di dalam AUKU, adakah IPTA dalam negara ini dibenarkan untuk menjemput wakil-wakil parti politik untuk memperkenalkan dasar perjuangan parti mereka melalui program rasmi kampus. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan soalan ini, berkenaan dengan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar yang berbeza antara universiti dengan universiti, betul? Itu soalan pertama yang diajukan kepada saya.

Sebenarnya dalam konteks ini, untuk bercakap soal pemilihan pelajar ataupun MPP ini, saya tengok tidak ada beza dengan pemilihan atau pilihan raya di luar kampus sebenarnya, tidak ada beza. Semuanya berlangsung dalam keadaan yang hampir sama. Cuma tinggal lagi yang berbeza iaitu dari sudut waktu dan sebagainya. Dari sudut pendemokrasian memilih, saya tidak ada masalah, saya nampak tidak ada satu perkara yang luar biasa, perbezaan. Mereka memilih wakil mereka daripada peringkat fakulti ataupun di peringkat- kita ada ahli mesyuarat pelajar di peringkat fakulti dan juga di peringkat umum sebagai contoh.

Sama juga, DUN dan juga di peringkat Parlimen. Cuma tinggal lagi kalau dari sudut kaedah, saya fikir tidak ada perbezaan kerana mereka mengundi dengan cara yang sama. Kalau ada perbezaan sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu, saya fikir, saya perlukan input yang lebih *detail* untuk saya melihat perkara ini dengan lebih teliti lagi dan dibawa kepada pihak di peringkat lebih tinggi.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, boleh atau tidak parti politik berpartisipasi secara langsung di dalam kampus. AUKU telah pun dipinda sebanyak dua kali, pindaan pertama dibuat pada ketika- kalau tidak silap saya- maaf, saya sudah lupa tarikhnya, tetapi sebelum dari tahun 2018 kalau tidak silap saya kita buat perubahan AUKU yang membenarkan pelajar-pelajar berpartisipasi politik, boleh, tetapi tidak di dalam kampus, di luar kampus. Maknanya pelajar boleh berpartisipasi di luar, tidak boleh orang politik masuk dalam kampus.

Akan tetapi, pindaan pada tahun 2019, kalau tidak silap saya membenarkan bahawasanya parti-parti politik untuk bermula bercakap tentang ideologi masing-masing di dalam kampus. Tinggal lagi dalam hal ini dan soal ini saya fikir bagaimana kita mahu masuk ke dalam kampus, itu persoalan yang kedua. Akan tetapi, persoalan dari sudut pendemokrasian, sudah pun ada. Persoalan dari sudut untuk memberikan ruang, sudah pun ada, terbuka. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee.

**7. Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, bagaimana kementerian membantu pengusaha perniagaan yang terjejas akibat sempadan yang ditutup di antara Johor dan Singapura disebabkan oleh pandemik COVID-19.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]:**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Teo atas keprihatinan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta agensi-agensi di bawah MITI sentiasa menyokong pembangunan industri dan membantu pengusaha perniagaan yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Ini termasuklah pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga yang terjejas akibat penutupan sempadan di antara Johor dan Singapura.

Pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut. Pertama, walaupun pergerakan keluar masuk di semua sempadan negara dikawal dan disekat dalam mengekang penularan wabak COVID-19, operasi dan pergerakan kargo barangan melalui jalan darat termasuk operasi pelabuhan dibenarkan. Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan dengan Singapura berjumlah RM23.8 bilion pada Januari 2022 iaitu kenaikan sebanyak 18.2 peratus berbanding RM20.15 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Bagi tahun 2021, perdagangan antara kedua-dua buah negara berjumlah RM267.11 bilion iaitu kenaikan sebanyak 23.8 peratus berbanding tahun 2020. Ini menunjukkan aktiviti perdagangan di antara kedua-dua buah negara terus berjalan lancar dalam tempoh tersebut.

Kedua, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah menubuhkan Pusat Sehenti (OSC) pada 2 Oktober 2020 untuk memudahkan kemasukan pelawat perniagaan ke Malaysia ketika sempadan negara ditutup akibat pandemik. Platform OSC ini telah memudah cara sejumlah RM169.47 bilion pelaburan berpotensi daripada kalangan pelabur asing semasa tempoh sempadan ditutup.

#### ■1110

Selain itu, pelaksanaan *Vaccinated Travel Lane* (VTL), dengan izin, darat di antara Malaysia dan Singapura yang bermula pada 29 November 2021 di mana pengembara yang telah di vaksin sepenuhnya dari Malaysia atau Singapura dibenarkan untuk menyeberangi sempadan tanpa kuarantin. Setakat 10 Mac 2022, seramai 124,955 orang pengembara telah menerima manfaat daripada pelaksanaan VTL darat dan ini sekali gus membantu pemulihan ekonomi dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah mengumumkan lapan bentuk pakej bantuan dan rangsangan ekonomi dengan nilai keseluruhan berjumlah RM530 bilion. Pakej-pakej ini tidak hanya menumpukan kepada bantuan langsung kepada rakyat, malah turut menyokong kelangsungan perniagaan dan pengukuhan kepada sektor ekonomi. Menurut maklumat Kementerian Kewangan, setakat 28 Februari 2022, sejumlah RM365 bilion telah pun disalurkan dan memanfaatkan lebih 20 juta orang rakyat dan 2.4 juta perniagaan. Selain itu, pelbagai *indicator* ekonomi untuk tahun 2021 turut mencerminkan bahawa ekonomi negara kita kekal di landasan pemulihan yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, MITI komited untuk terus berganding bahu dengan semua pihak dalam memastikan ekonomi negara kekal cerdas khususnya semasa fasa peralihan endemik dan pembukaan sempadan negara yang akan bermula pada 1 April 2022. Saya yakin dengan sokongan dan komitmen Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara akan meningkatkan lagi kesejahteraan Keluarga Malaysia secara inklusif dan menyeluruh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan tambahan? Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad. Sila.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya agak keliru sebentar tadi kerana daripada sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee mengatakan ada perniagaan terjejas.

Akan tetapi, daripada info-info yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri menampakkan kenaikan sama ada Januari 2022 berbanding Januari 2021 dan juga sepanjang tahun 2021. Jadi, daripada pengamatan kementerian, sektor mana yang dikatakan terjejas akibat daripada COVID-19 ini antara perdagangan Malaysia dengan Singapura? Mohon penjelasan.

**Datuk Lim Ban Hong:** Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang saya berikan tadi sebenarnya menjelaskan bahawa ini merupakan pendekatan yang kita ambil apabila kadar vaksinasi telah meningkat, bertambah dan ekonomi telah dibuka secara beransur-ansur dan berperingkat. Kita nampak pendekatan yang seperti yang saya katakan tadi.

Walaupun sempadan dikawal tetapi apabila kita membenarkan pergerakan keluar masuk kargo barangan melalui operasi pelabuhan dan juga darat ia sebenarnya membantu kesemua sektor perniagaan di Malaysia ini untuk terus bergerak kerana kita faham ramai di antara peniaga-peniaga ataupun entiti perniagaan di Malaysia sama ada mereka berorientasikan eksport ataupun mereka sebenarnya merupakan salah satu entiti di dalam rantai bekalan global yang juga menyumbang kepada eksport. Apabila kita membenarkan pergerakan kargo barangan ini, maka kesemua perniagaan yang terlibat dalam rantai bekalan global ini akan mendapat faedahnya.

Jadi, angka kenaikan ini sebenarnya menunjukkan bahawa setelah kadar vaksinasi kita bertambah dan ekonomi dibuka secara berperingkat dan beransur-ansur, pemulihan ekonomi sedang dalam arah dan hala tuju yang telah dirancang dan telah ditetapkan. Dengan pembukaan pada 1 April 2022 ini iaitu hari esok, kita nampak ia akan membantu negara kita mencapai unjuran pertumbuhan GDP yang disebut sebelum ini iaitu 5.5 ke-6.5 peratus. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan?

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bagikan sebarang subsidi atau bantuan untuk membantu peniaga yang terjejas akibat penutupan sempadan?

**Datuk Lim Ban Hong:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang tadi saya sebutkan. Sebenarnya apabila kerajaan mengumumkan lapan bentuk pakej bantuan rangsangan ekonomi iaitu PRIHATIN, PRIHATIN Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Tambahan, PENJANA, Kita Prihatin, PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA Tambahan dan juga PEMULIH yang jumlah nilainya RM530 bilion. Kesemua pakej ini sebenarnya membantu rakyat dan juga membantu para peniaga seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @Teo Kok Chee.

Jadi, kesemua pakej ini sebenarnya bukan sahaja melalui MITI. Ia juga melalui kementerian-kementerian lain dan saya nampak sebenarnya impaknya ia telah membantu peniaga-peniaga termasuk peniaga kecil yang terjejas akibat penutupan sempadan Singapura dan juga Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Lim Ban Hong, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri atas jawapan yang telah diberikan. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin.

**Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada semua. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor lapan.

**8. Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, bagaimanakah peruntukan dana RM123 juta bagi membantu pembangunan perkembangan perniagaan syarikat pemula tahun ini akan dibahagikan dan adakah kementerian akan memudahkan proses permohonan ini?

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya pantun sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim :**

*Menjelang Ramadhan tengok anak bulan;  
Amalan kebajikan menyucikan hati.  
Terima kasih Yang Berhormat atas soalan.  
Membantu syarikat pemula komitmen MOSTI.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan jawapan saya pada hari ini dengan menyatakan kesyukuran atas kejayaan penglibatan kita di *Expo Dubai 2020* yang turut disertai oleh syarikat-syarikat pemula tempatan.

Semalam, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Malaysia telah melebihi sasaran potensi nilai perdagangan, pelaburan dan *business leads*, dengan izin, berjumlah RM70 bilion secara keseluruhan bagi 26 program mingguan di *Expo Dubai 2020*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, minggu kedua *Expo Dubai 2020* yang diterajui MOSTI telah disertai sebanyak 17 buah syarikat pemula. Antara syarikat yang terlibat iaitu *Aerodyne, MoneyMatch, MyEG, Euro-Circuit Technology Sdn. Berhad, dan GK Aqua Sdn. Berhad*. Hasil penyertaan syarikat-syarikat pemula ini, 11 MOU berjaya dimeterai dengan potensi nilai transaksi pelaburan dan perdagangan sebanyak RM1.2 bilion. Semua syarikat ini menerima sokongan dan pembiayaan daripada MOSTI melalui agensi-agensi pembiaya di bawahnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui agensi pembiaya di bawahnya menawarkan pelbagai bentuk program pembiayaan kepada syarikat pemula. MOSTI telah menerima peruntukkan khas untuk program pembiayaan pelaburan kepada syarikat pemula berjumlah RM123 juta pada tahun 2021 dengan pecahan pembahagian-pembahagian seperti berikut.

Pertama, sebanyak RM19 juta melalui Cradle Fund Sdn. Berhad. Sepanjang tahun 2021, Cradle telah meluluskan program pembiayaan *CIP Ignite* dan *CIP Accelerate* dalam bentuk geran kepada 30 buah syarikat pemula. Bagi tahun ini 2022, Cradle akan menawarkan geran *pre-seed* dan *seed* iaitu *CIP Spark* dan *CIP Sprint* yang telah dilancarkan pada 10 Mac 2022 bagi menggantikan program pembiayaan *CIP Ignite* dan *CIP Accelerate*. Kini, Cradle menyasarkan 52 buah lagi syarikat pemula yang akan menerima pembiayaan geran dengan peruntukkan sebanyak RM14 juta.

Kedua, RM8 juta melalui Kumpulan Modal Perdana. Pada tahun 2021, dua buah syarikat pemula berpotensi tinggi telah diluluskan pelaburan berjumlah RM8 juta. Seterusnya, bagi tahun



2022, KMP akan menyasarkan tiga buah syarikat yang akan menerima pelaburan ekuiti dengan peruntukkan berjumlah RM15 juta.

Ketiga, RM45 juta melalui Malaysia Venture Capital Management Berhad yakni melibatkan RM20 juta di dalam tahun 2021 dalam tujuh buah syarikat pemula. Bagi tahun ini, sebanyak lapan buah syarikat pemula sebanyak RM25 juta.

Keempat, sebanyak RM13 juta melalui *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC).

Pada tahun lepas 2021, pembiayaan sebanyak dua buah syarikat dengan dana permulaan berperuntukan berjumlah RM8 juta dan dua buah syarikat bagi program *Halal Technology Development Fund* (HTDF) dengan peruntukkan berjumlah RM5 juta. Bagi tahun ini, MTDC menyasarkan untuk meluluskan pembiayaan kepada tiga buah syarikat SME Halal di bawah program HTDF dengan peruntukkan RM5 juta.

#### ■1120

Kelima sebanyak RM38 juta melalui MDV pada tahun 2021 13 buah syarikat pemula telah menerima dan pada tahun 2022 MDV menyasarkan lima buah syarikat yang akan menerima peruntukan yang disediakan sebanyak RM10.5 juta.

Bagi menambah baik mutu perkhidmatan serta proses permohonan pembiayaan dengan agensi pembiaya telah mendigitalkan infrastruktur permohonan agar di bolehkan semua permohonan di laksanakan secara atas talian dan sesi *pitching* di adakan secara maya. Terima kasih.

**Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dimaklumkan tentang satu inisiatif ini di bawah oleh MOSTI yang dinamakan sebagai MYhackathon yang dimulai pada tahun 2020 yang di mana tujuannya adalah untuk mencipta penyelesaian digital bagi membantu meningkatkan penyampaian kerajaan dan juga perkhidmatan awam.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana Program MYhackathon ini dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat dan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kerajaan dan beberapa buah syarikat yang telah berjaya dibantu oleh Program MYhackathon ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim:** Ya. Terima kasih, betul. Program MYhackathon ini merupakan satu usaha untuk kita melibatkan keseluruhan rakyat di dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dibuat pernyataan masalahnya dan dipelawa rakyat untuk menyertai mencadangkan penyelesaian digital bagi permasalahan yang ketengahkan untuk golongan yang disasarkan.

Program MYhackathon ini bersifat konklusif dan untuk memanfaatkan kuasa kolektif rakyat, ahli akademik dan komuniti syarikat pemula tempatan bagi memastikan gabungan kapasiti idea, sumber dan kepakaran yang terbaik. Pertandingan Program MYhackathon yang telah dilaksanakan setakat ini telah menobatkan seramai 18 buah syarikat berasaskan teknologi sebagai pemenang pada tahun 2020.

Daripada bilangan tersebut sebanyak tiga buah syarikat pemenang telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

- (i) syarikat NEUON AI Sendirian Berhad dengan Projek RoadPlus iaitu suatu sistem dan aplikasi bagi penyelenggaraan jalan raya melalui teknologi internet kebendaan dan kecerdasan buatan. Projek rintis dilaksanakan bersama Jabatan Kerja Raya di Sarawak;
- (ii) Syarikat HAVVA Agrotech Sendirian Berhad yang telah membangunkan Sistem *MyTech Farm* iaitu aplikasi untuk Pembangunan Kebun Bandar atau *Urban Farming*, dengan izin. Projek rintis sebagai aplikasi ini dilaksanakan dengan Projek Perumahan Rakyat Lembah Subang dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
- (iii) syarikat Exponential Digital Technologies Sendirian Berhad yang telah membangunkan sistem eLancar iaitu sistem *analytic* bagi pencari kerja di dalam Portal *HRDF Placement Center*. Pihak HRDF di bawah Kementerian Sumber Manusia terpilih sebagai agensi pelaksana dan pengaplikasian sistem ini.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

**9. Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta Perdana Menteri menyatakan, apa perancangan kerajaan untuk memastikan kos ibadah haji yang akan ditanggung bakal jemaah tidak bertambah meskipun terdapat kebarangkalian kos keseluruhan meningkat berikutan Arab Saudi telah menaikkan Cukai Nilai Tambah (VAT) daripada lima peratus kepada lima belas peratus.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos untuk seorang Jemaah Haji Muassasah menunaikan haji iaitu kos haji telah meningkat 139 peratus daripada RM9,578 seorang pada tahun 2001 kepada RM22,900 seorang pada tahun 2019. Kenaikan ini disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan seperti kadar inflasi, pergerakan kadar mata wang asing dan pengenalan caj dan percukaian baru seperti *Value-Added Tax* (VAT) termasuk projek pembangunan semula Kota Suci Mekah dan Madinah.

Walaupun kos haji semakin bertambah, Jemaah Haji Muassasah hanya membayar RM9,980 seorang untuk menunaikan ibadah haji dan bayaran haji ini tidak pernah berubah sejak 2009. Perbezaan jumlah ini ditanggung sepenuhnya oleh Tabung Haji sebagai sebuah institusi Islam yang komited dalam memastikan kebajikan jemaah haji terpelihara.

Lembaga Tabung Haji akan terus memberi bantuan kewangan untuk Jemaah Haji Muassasah yang layak. Kos haji, kadar bayaran haji dan bantuan kewangan haji akan diumumkan setelah perbincangan secara menyeluruh dibuat dengan mengambil kira keupayaan dan kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji dan keadaan kos-kos semasa berkaitan dengan haji. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Soalan tambahan saya bagaimanakah pihak kementerian mengawal atau memantau ejen-ejen swasta di bawah Tabung Haji yang turut menguruskan jemaah haji yang mana terdapat kos-kos berbeza di antara ejen dengan ejen yang lain. Terima kasih.

**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz. Mengenai hal berkenaan dengan kos ini kita sudah pun ada satu harga yang telah pun ditetapkan iaitu harga yang mereka perlu bayar melalui Tabung Haji ialah RM9,980.

Mengenai kos yang lain seperti mana kedudukan hotel, kedudukan servis yang ada di Mekah dan Madinah itu yang membezakan antara pakej dengan pakej yang tertentu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan lain. Saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) atas jawapan yang telah diberikan. Seterusnya, saya menjemput Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah.

**Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Pagi Khamis pergi ke Dewan;  
Kayuh basikal sehingga berpeluh.  
Minggu hadapan masuk Ramadhan;  
Soalan saya nombor sepuluh.*

**10. Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) kajian-kajian yang telah dilakukan untuk meneroka potensi-potensi dalam bidang aliran e-sukan di Malaysia yang mampu menjana ekonomi negara dan juga rakyat; dan
- (b) usaha-usaha untuk menjadikan e-sukan sebagai salah satu kerjaya masa depan anak muda di Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ti Lian Ker]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

E-sukan sememangnya membuka pelbagai ruang dan potensi yang memberi manfaat kepada sosioekonomi negara. Dalam hal tersebut pihak kementerian menerusi *Esports Integrated* (ESI) dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah memulakan gerak kerja dengan fasa penetapan skop kajian yang khusus bagi industri sukan elektronik. Peruntukan khusus sedang dimuktamadkan untuk matlamat kajian ini, tidak dinafikan e-sukan merupakan salah satu prospek kerjaya yang mula meniti di bibir para belia.

Kementerian berterusan merangka program pembangunan kapasiti belia bagi membolehkan menjana pendapatan sendiri bukan sahaja sebagai pemain profesional dan menerusi penyertaan dan kejohanan e-sukan kompetitif bahkan juga menerusi penganjuran acara dan pengstriman langsung ataupun *live stream*, dengan izin. Latihan secara maya diberikan oleh pelatih-pelatih profesional untuk membantu para belia tidak kira di bandar mahupun di luar bandar untuk menceburi bidang e-sukan ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya ekosistem sukan elektronik yang lebih kukuh dan transformasi digital yang menyeluruh pendedahan potensi e-sukan kepada kalangan belia khususnya di luar bandar dapat disegerakan. *Esports integrated* (ESI) hab di Puchong, Selangor telah dijangka akan menjadi pusat utama pembangunan e-sukan negara yang sedang rancak membangunkan dan akan dijangka siap pada April 2022. Pusat ini dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan e-sukan. Pusat dan boleh digunakan untuk penganjuran kejohanan, kempen kesedaran, pusat latihan atlet profesional dan program pembangunan kapasiti kepada belia massa.

Manakala persatuan-persatuan sukan elektronik negeri dengan bantuan Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara dalam proses menaik taraf e-sport studio setiap negeri. Dengan adanya e-sport studio di negeri ia akan dijadikan tempat untuk penganjuran kejohanan e-sport yang bersifat terbuka dan juga sebagai *production studio* ataupun produksi studio, dengan izin, untuk penganjuran kejohanan dalam talian. Dengan secara tidak langsung memberikan pekerjaan bagi belia yang berminat untuk berkecimpung di dalam bidang e-sukan.

■1130

Dengan meningkatkan lagi akses kepada kemudahan dan mempelbagaikan lagi program pembangunan kapasiti belia dalam e-sukan, adalah diharapkan ia mampu memberikan para belia pilihan dalam mencorakkan kerjaya masing-masing pada masa depan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Arman Azha Abu Hanifah:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya merupakan Presiden *Malaysia Cyber Games*. Menurut kajian *Hitmarker Jobs*, dengan izin, bilangan pekerjaan dalam *e-sports* meningkat sebanyak 185 peratus pada separuh masa pertama tahun 2019 berbanding separuh pertama tahun 2018 dan dijangka terus meningkat dari tahun ke tahun. Industri ini tidak terkesan dalam situasi pandemik COVID-19.

Dengan penambahan pemain yang ada, apakah peraturan dan akta sedia ada sudah memadai dan melindungi semua pemain dan industri ini? Adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan satu akta baharu khusus untuk industri e-sukan?

Pasaran e-sukan ini sememangnya sebuah industri yang progresif dan dinamik menjadi pesaing yang kuat dalam pasaran global. Saya melihat golongan belia dalam industri ini kian bertambah. Apakah langkah-langkah dan inisiatif yang diambil dalam kementerian untuk mengawal selia industri e-sukan dan sukan elektronik ini yang semakin mendapat tempat di kalangan golongan belia di negara ini?

Untuk makluman Timbalan Menteri, saya sudah dua kali masuk *Malaysian Book of Record* tetapi selepas tahun 2018 sehingga hari ini, industri e-sukan dalam negara kita dilihat kian suram. Sekian, terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Terima kasih atas soalan tambahan yang panjang. Dalam usaha mewujudkan satu persekitaran yang lebih selamat dan sihat kepada penggiat sukan elektronik, KBS sedang dalam usaha untuk membangunkan garis panduan pengawalseliaan sukan elektronik yang kami jangka akan dapat dilancarkan pada tahun ini.

Garis panduan yang sedang dibangunkan oleh KBS ini sedang dirangka bersama dengan agensi yang berkaitan dan sesi libat urus bersama beberapa kementerian dan semua pemegang taruh termasuklah pemain dan juga pasukan profesional, pembangunan pemain ataupun *games developer* dan penganjur acara, *even organizer* dan persatuan-persatuan berkenaan.

Menerusi garis panduan berkenaan, KBS bermatlamat bagi melahirkan pemain sukan elektronik yang lebih bertanggungjawab dan lebih beretika; mewujudkan program-program pengukuhan, undang-undang dan tadbir urus yang baik bagi semua peringkat pengurusan mahupun pertandingan.

Usaha mewujudkan garis panduan ini merupakan satu permulaan kepada penggubalan khusus kepada sistem pentadbiran, sistem peraturan dan juga pengawalseliaan industri *e-sport* yang lebih mampan nanti. Sekian, terima kasih.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Tuan Yang di-Pertua, boleh satu lagi soalan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok kesungguhan Menteri Belia dan Sukan untuk membangunkan e-sukan ini. Adakah tidak rancangan kerajaan untuk memperjuangkan e-sukan ini dipertandingkan di peringkat Olimpik? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Ini melibatkan Majlis Olimpik. Saya rasa perkembangan masa akan datang mungkin satu hari nanti, kita akan lihat e-sukan dipertandingkan di peringkat Olimpik nanti. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita boleh pergi kepada satu lagi iaitu Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

**11. Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, pandangan kementerian terhadap pertanian menegak- *vertical farming*, di kawasan perumahan seperti apartmen dan kondominium dalam memastikan jaminan makanan- *food security* yang lestari, mengambil contoh bagaimana negara jiran kita yang telah melaksanakan program perintis tanaman padi di perumahan HDB.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa menggalakkan penggunaan teknologi dalam aktiviti pertanian bagi meningkatkan hasil pengeluaran sekali gus mencapai tahap sara diri bagi menjamin keselamatan makanan negara. Ia kerana teknologi merupakan antara langkah penyelesaian bagi menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh sektor agromakanan di peringkat global dan juga di Malaysia seperti kekurangan sumber tanah bagi aktiviti pertanian, kebergantungan kepada tenaga buruh asing dan perubahan iklim.

Dalam konteks ini, kementerian melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah menjalankan aktiviti penyelidikan dan membuktikan bahawa sistem tanaman menegak atau *vertical farming*, dengan izin, dapat meningkatkan produktiviti tanaman. Ia juga didapati lebih praktikal untuk dilaksanakan di kawasan berkeluasan terhad seperti di bandar termasuk di apartmen dan juga kondominium.

Kementerian berpandangan bahawa sistem tanaman menegak ini boleh diperluaskan lagi seperti di aras bumbung bangunan kediaman serta komersial. Namun, daripada segi pelaksanaan, reka bentuk sistem tanaman menegak ini perlu disesuaikan dengan keadaan bangunan serta mengambil kira faktor persekitaran di kawasan tersebut seperti kelajuan angin bagi menggiatkan pertumbuhan aktiviti pertanian menegak di pangsapuri dan kondominium pada masa hadapan.

Pihak berkuasa tempatan dan pihak pemaju perumahan juga perlu turut memainkan peranan dalam memastikan reka bentuk bangunan turut mengambil kira kriteria pelaksanaan sistem tanaman menegak. Dengan ini, barulah persaingan antara sektor hartanah dan sektor pertanian daripada segi aspek guna tanah dapat diseimbangkan di samping meningkatkan hasil pengeluaran tanaman negara. Ekosistem yang sihat ini perlu diwujudkan bagi menyokong perkembangan sektor pertanian di kawasan bandar khususnya yang melibatkan teknologi pertanian menegak.

Buat masa ini, *vertical farming* di Malaysia lebih tertumpu kepada buah-buahan dan sayur-sayuran berdaun yang bernilai tinggi seperti *melon* dan salad berbanding tanaman padi kerana pelaksanaan yang lebih praktikal daripada segi kos operasi.

Sebaliknya, usaha sedang dipergiatkan untuk meningkatkan produktiviti tanaman padi di kawasan jelapang padi daripada 3.5 tan metrik kepada tujuh tan metrik per hektar menerusi

inisiatif SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Selain Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan MARDI mengadakan untuk menggalakkan pertanian menegak itu, saya hendak minta pandangan daripada kementerian, adakah terdapat cadangan untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa antara kementerian dan agensi untuk usaha menggalakkan, memperbanyakkan, mengkaji potensi pelaksanaan pertanian menegak pada masa yang terdekat? Seperti katakan contoh kementerian itu kemungkinan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

Berkenaan dengan tindakan dalam jangka masa terdekat yang dikendalikan oleh agensi-agensi yang ada di bawah MAFI. Pertamanya, kita sentiasa merancang secara bersama yakni libat urus secara bersama di antara agensi-agensi ini untuk kita jadikan tanaman ataupun *vertical farming* ini berjalan lebih teratur dan lebih mendapat sambutan terutamanya dalam kalangan penduduk di bandar.

Dalam masa yang sama juga, penglibatan libat urus bersama dengan kementerian-kementerian yang lain terutamanya kerajaan tempatan, kita sering libatkan. Ia untuk memastikan terutamanya *target* generasi muda yang berminat untuk pertanian sebab generasi muda ini kalau kita sebut pertanian di atas tanah, kalau padi, dalam sawah padi, dia rasa satu yang memberi cabaran ataupun kotor yang tidak berapa sesuai dengan generasi muda.

#### ■1140

Akan tetapi bila kita sebut *vertical farming*, apabila kita sebut SMART SBB, apabila kita sebut pertanian-pertanian yang kita gabung jalinkan di sudut nama dengan teknologi-teknologi moden yang ada ini, *alhamdulillah*, ternyata generasi muda ini, mereka libatkan diri untuk bidang pertanian ini. Saya ucapkan syabas kepada generasi muda kerana telah membantu kerajaan untuk kerajaan capai SSL ini dengan cepat dan memberi kesan yang sangat positif. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi.

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 12.



**12. Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, jumlah mahasiswa OKU di setiap universiti awam, politeknik dan kolej komuniti, serta apa tindakan kementerian terhadap IPT yang mendiskriminasikan OKU, dan yang tidak mempunyai kemudahan mesra OKU.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan dan juga saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Untuk makluman sidang Dewan sekalian, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa prihatin dan sebenarnya peka terhadap kebajikan dan kesejahteraan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi termasuklah kepada pelajar golongan orang kurang upaya (OKU) ini. Berdasarkan kepada sistem MyMOHE Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), pada tahun 2021, sebenarnya terdapat seramai 1,106 orang pelajar OKU dengan pecahan seramai 847 orang pelajar OKU di universiti awam, 148 orang pelajar OKU di politeknik serta 111 orang pelajar OKU di kolej komuniti. Bilangan ini saya fikir kita kena tambah lagi pada masa akan datang dan kita kena seru dan uar-uarkan kepada semua bahawasanya pendidikan ini merentasi semua keadaan. Tidak ada sebarang pengecualian kepada semua pelajar asalkan mereka merupakan warganegara Malaysia.

Dalam konteks ini juga ingin saya nyatakan secara jelas di sini bahawasanya pihak kerajaan tidak pernah membuat sebarang diskriminasi melalui Kementerian Pengajian Tinggi ataupun universiti terhadap orang kurang upaya. Malah KPT sebenarnya telah melaksanakan beberapa kaedah dan langkah dalam usaha untuk memastikan bahawasanya pelajar-pelajar kurang upaya ini diberikan perhatian yang sebaik mungkin. Antaranya;

Pertama, pihak KPT telah menubuhkan Jawatankuasa Hal Ehwal Kebajikan Mahasiswa OKU di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi sendiri. Dalam peringkat ini kita akan memastikan bahawasanya wakil-wakil Unit Perkhidmatan dan Sokongan OKU daripada semua universiti awam serta persatuan dan NGO OKU akan berada di dalam jawatankuasa ini. Ia bertujuan untuk meneliti dan membincangkan isu-isu berbangkit berkenaan dengan kemasukan pelajar OKU ke IPT.

Kedua ialah KPT juga telah menubuhkan Unit Khidmat dan Sokongan OKU di universiti awam, untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba. Bermakna, ada satu unit khas yang menguruskan persoalan yang berkaitan dengan orang-orang kurang upaya ini. Jadi, kita kena maklumkan kepada semua pelajar kurang upaya dengan dibantu- saya mohon bantuan daripada kita bahawasanya jika ada sebarang masalah, maka boleh merujuk kepada Unit Khidmat dan Sokongan OKU di UA ini. Unit ini sebenarnya bernaung secara langsung di bawah seliaan Naib-naib Canselor Universiti. Bermakna, kita anggap martabat maruah mereka, bukan hanya di

peringkat picisan di kalangan pelajar *office* biasa tetapi di bawah naungan daripada Naib Canselor sendiri.

Ketiga, kita telah pun membangunkan satu garis panduan untuk memastikan bahawasanya pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di IPT ini dilaksanakan pada tahun 2019. Ini adalah penting pada pandangan saya kerana itu menunjukkan komitmen dasar daripada pihak kementerian.

Keempat, kita juga membangunkan semula sistem berasaskan web yang dinamakan Projek Kerangka Kampus Inklusif untuk meningkatkan kemasukan pelajar OKU di universiti awam di Malaysia ini.

Selain daripada itu- Tuan Yang di-Pertua, izinkan sedikit masa lagi. Bagi konteks di kolej komuniti dan juga politeknik, kita juga telah melaksanakan beberapa aktiviti untuk memastikan orang kurang upaya ini diberikan bantuan ataupun perhatian sewajarnya. Antaranya ialah kita melaksanakan satu program yang dipanggil sebagai MyJJ. MyJJ ini bukan 'Jamaluddin Jarjis' ya. MyJJ, bukan arwah. MyJJ ini 'Anda Tanya, Kami Jawab'. Itu perkara yang penting yang mana mereka akan boleh berurusan langsung dengan pihak kita. sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Sesi soal jawab terpaksa dihentikan kecuali penyoal utama ingin menambah satu lagi.

Saya cadangkan kepada pentadbiran Dewan agar penilaian lutsinar ini dibuat segera supaya kita lebih mudah melihat kawan-kawan, rakan-rakan yang hendak berucap. Daripada segi tinjauan tampak sebagai menyorok. Silakan Yang Berhormat... *[Ketawa]*

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya satu soalan. Yang Berhormat Senator, terima kasih kerana memberikan saya pemahaman mengenai langkah-langkah yang tadi telah diajukan.

Saya ingin bertanya, apakah jumlah laluan khas yang disediakan untuk mahasiswa OKU di IPT selari dengan Dasar Pendidikan Inklusif serta adakah kementerian akan menaikkan jumlah bantuan mahasiswa OKU dengan mengambil kira kos perubatan serta kesihatan kami? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan sekali lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan juga sidang Dewan, sebenarnya pihak Kementerian Pengajian Tinggi ada menyediakan laluan-laluan khas di universiti yang melibatkan empat kumpulan sasar. Laluan ini dibina berdasarkan kumpulan sasar.

Pertama, golongan sasarnya ialah golongan yang dikatakan berpendapatan 40 peratus terendah ataupun golongan B40. Kedua, orang kurang upaya sendiri, Orang Asli dan juga atlet.

Laluan khas ini merupakan kemasukan yang tidak perlu bersaing dengan kumpulan arus perdana untuk melanjutkan pengajian masing-masing. Calon hanya perlu memenuhi syarat am dan juga syarat khas yang ditetapkan oleh IPTA dan juga ILKA.

Dalam konteks ini, data-data berkaitan laluan khas ini diperoleh dengan kerjasama strategik melalui agensi-agensi yang bertanggungjawab iaitu Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk data B40, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawasanya kita akan berusaha untuk memastikan mereka diberikan laluan khas dan sebagainya.

Dalam tempoh tiga tahun, terdapat peningkatan terhadap permohonan layak kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam dan institusi latihan kemahiran awam (ILKA) daripada kategori OKU sebanyak 1,073 orang pada tahun 2021 secara statistiknya berbanding dengan permohonan layak pada tahun 2020, hanya sebanyak 226 orang dan tahun 2019, hanya sebanyak 847 orang. Bermakna, sudah ada satu peningkatan kesedaran untuk memasuki institut pengajian tinggi dan juga untuk memasuki institusi latihan kemahiran awam, *alhamdulillah*.

Dalam konteks ini juga, sebenarnya berlaku peningkatan penawaran pada tahun 2021 ini kalau dilihat dari sudut angkanya, sebanyak 660 orang sebenarnya dan purata kejayaan bagi tempoh tiga tahun ini- ini penting ya. Purata kejayaan bagi tempoh tiga tahun penawaran kepada kategori OKU merupakan sebanyak 63.63 peratus... *[Tepuk]* Ini sesuatu yang membanggakan bagi saya kerana melepasi tahap 50 peratus, *alhamdulillah... [Tepuk]*

Peningkatan ini menunjukkan bahawa kementerian sebenarnya secara langsung begitu cakna dan menyedari bahawa penyediaan keperluan meliputi kemudahan-kemudahan peralatan dan juga perkhidmatan untuk OKU bukan lagi satu pilihan ataupun berasaskan kebajikan tetapi ia merupakan satu hak yang perlu dipenuhi. *It is not an option, it is priority. Alhamdulillah*. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Keutamaan.

**Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad:** *[Ketawa]* Keutamaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita akhiri sesi soal jawab dan kita beralih kepada Setiausaha Dewan untuk menguruskan seterusnya.

***[Masa Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]***

**USUL****MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 17(1)****Penjualan Aplikasi MySejahtera Kepada Pihak Ketiga  
dan Jaminan Keselamatan Data Peribadi Jutaan Rakyat Malaysia****11.49 pg.**

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Tuan Yang di-Pertua, dengan hormat dan takzimnya, saya mohon izin selaras dengan Peraturan Mesyuarat 17(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara agar Majlis Mesyuarat ditangguhkan bagi membincangkan perkara berikut iaitu membahaskan berkenaan kontroversi keselamatan data peribadi rakyat Malaysia dalam aplikasi MySejahtera susulan langkah memilih sebuah syarikat swasta iaitu MySJ Sdn. Berhad untuk meneruskan pengurusan aplikasi MySejahtera yang mana beberapa orang individu penting di dalam syarikat swasta ini mempunyai hubungan serta kaitan secara langsung dengan syarikat KPISoft Malaysia Sdn. Berhad, iaitu syarikat yang membangunkan aplikasi MySejahtera.

**■1150**

Usul ini juga ialah usul yang berkehendakkan disegerakan kerana wujud kekhawatiran dalam kalangan rakyat bahawa kemungkinan data-data peribadi mereka boleh disalahgunakan. Jika itu berlaku, ia hanya akan mencetuskan kemarahan rakyat kepada kerajaan. Selain itu, usul yang saya kemukakan ini juga melibatkan kepentingan orang ramai yakni kepentingan awam yang memerlukan penjelasan segera secara terperinci oleh Kementerian Kesihatan kerana MySejahtera ialah aplikasi tunggal yang diwajibkan penggunaannya ke atas rakyat.

Sebarang kegagalan untuk kerajaan tampil menjawab persepsi dakwaan serta tuduhan mengenai kontroversi MySejahtera ini hanya akan memberi mesej yang salah kepada rakyat dan akan merencatkan serta mencacatkan usaha memerangi pandemik COVID-19. Sehubungan itu, saya dengan rendah diri memohon usul ini dibenarkan supaya Majlis Mesyuarat dapat ditangguhkan agar Dewan yang mulia ini dapat membincangkan serta membahaskan perkara-perkara yang berbangkit. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip pada Selasa, 29 Mac 2022.

Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi dan ia seharusnya mendapat pemerhatian dan perhatian.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, sebagai Yang di-Pertua, saya hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat, iaitu:

- (i) bahawa perkara itu bersifat tertentu;
- (ii) ia adalah bersifat berkepentingan orang ramai; dan
- (iii) ialah ia berkehendakkan disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan mengambil kira perkembangan isu tersebut secara menyeluruh dan didapati bahawa ia adalah tertentu dan perkara ini merupakan sesuatu yang harus diberi perhatian khusus.

Kedua, kepentingan orang ramai terlibat dalam isu ini oleh sebab data-data berjuta-juta warga Malaysia sedia tersimpan dalam sistem yang dikendalikan tersebut. Justeru, ia adalah bagi kepentingan orang ramai.

Ketiga, ia memerlukan tindakan yang disegerakan. Saya puas hati bahawa perkara ini juga perlu disegerakan dan oleh yang demikian saya membenarkan Usul ini untuk dibahaskan.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 17(3), Usul ini akan dibahaskan pada petang ini, Khamis 31 Mac 2022 di dalam Dewan ini. Saya membenarkan pihak pencadang untuk berbahas selama 30 minit dan selepas itu, pihak kerajaan akan menjawab selama 30 minit. Tertakluk kepada permohonan dan pernyataan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, bolehlah menyertai perbahasan itu mengikut kadar dapat kita berikan pada ketika itu petang ini. Sekian, demikianlah pengumuman dan keputusan.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2022**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.54 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mohon menanggalkan pelitup muka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun dah tanggal Yang Berhormat, sebab jelas kita bercakap.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta Perlembagaan (Pindaan) 2022 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bentang ialah Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022 ini bertujuan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mengecualikan pendaftaran pemilih secara automatik kepada raja-raja pemerintah dan pasangan, Yang di-Pertua Negeri dan pasangan, bakal raja, waris ganti dan waris lain Raja dan pasangan dan mana-mana orang lain.

Sebelum rang undang-undang di bentang, cadangan pindaan ini terlebih dahulu telah disetujui bersama antara semua kerajaan negeri. Cadangan pindaan ini juga telah dipersetujui di peringkat Jemaah Menteri pada 4 Mac 2022 dan juga telah di bentang dan dimuktamadkan dalam Majlis Raja-Raja pada 8 hingga 12 Mac 2022. Sesi pembentangan juga telah diadakan di Dewan Rakyat pada 24 Mac yang lalu dan mendapat sokongan majoriti dua pertiga Ahli Dewan Rakyat, di mana seramai 178 daripada 222 orang Ahli Dewan Rakyat telah bersetuju terhadap pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Peguam Negara mencadangkan agar pindaan rang undang-undang sahaja dibentangkan kepada Jemaah Menteri, Majlis Raja-Raja dan Parlimen. Senarai pengecualian setiap negeri akan dibawa melalui suatu perintah yang akan diwartakan kemudian selepas mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022 digubal bertujuan untuk meminda Perlembagaan melalui penambahan Perkara baharu 119A, selepas Perkara 119.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Pada 4 September 2021, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan atas Rang Undang-undang (Pindaan) 2019. Ia seterusnya telah diwartakan sebagai Akta Perlembagaan (Pindaan) 2019 sebagai Akta A1603 pada 10 September 2019 dan pindaan kepada Perkara 47, Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan telah dikuatkuasakan pada 11 September 2019.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah berkenan untuk menguatkuasakan pindaan kepada Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan pelaksanaan kelayakan untuk mengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik pada 15 Disember 2021.

Seterusnya, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) (Pindaan) 2021 dan Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2021 telah diwartakan pada 30 November 2021 dan telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 8 Disember 2021 bagi membolehkan prosedur baharu pendaftaran pemilih dilaksanakan bermula 15 Disember 2021.

Penambahan Perkara baharu 119A Perlembagaan Persekutuan, lanjutan daripada pelaksanaan kelayakan umur mengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.

#### ■1200

Setiap warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas yang memenuhi syarat kelayakan akan didaftar secara automatik tanpa sebarang pengecualian. Perkara itu turut merangkumi Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu, dan pasangan, pewaris dan pasangan serta Yang di-Pertua Negeri dan pasangan.

Perkara ini telah menimbulkan persoalan mengenai keperluan pengecualian untuk Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dan pasangan, pewaris dan pasangan serta Yang di-Pertua Negeri dan pasangan daripada didaftar sebagai pemilih secara automatik supaya kekal berkecuali dan tidak memihak kepada mana-mana parti politik, dengan izin, *above politic*.

Bagi maksud pengecualian tersebut satu pindaan kepada Perlembagaan perlu dilaksanakan dan perkara ini telah dimaklumkan kepada Jemaah Menteri pada 12 November 2021. Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) JPM telah mengadakan beberapa siri libat urus dengan pelbagai pihak seperti berikut;

- (i) surat permohonan maklumat tambahan berkaitan cadangan pengecualian pelaksanaan pengundi 18 tahun dan pendaftar pemilih secara automatik melibatkan Raja-Raja Melayu telah dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang berkaitan untuk mendapat pandangan perundangan setiap negeri pada 8 November 2021; dan
- (ii) Mesyuarat Penyelarasan Pindaan Penggubalan Perundangan Statutori berhubung dengan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan bersama Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, wakil semua Kerajaan Negeri, wakil Suruhanjaya Pilihan raya (SPR), wakil Bahagian Kabinet Perlembagaan Persekutuan, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan serta wakil Jabatan Peguam Negara diadakan pada 26 Januari 2022.

Pada dasarnya semua kerajaan negeri bersetuju dengan cadangan pindaan ini dan telah mengemukakan input masing-masing. Oleh yang demikian, pindaan rang undang-undang yang dicadangkan melalui Perkara Baharu 119(A) adalah seperti berikut. Ketidapkakaian Perkara 119 kepada Raja-Raja dan yang lain-lain melalui perintah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, perkataan yang diguna pakai dalam Perkara 119(A) berbunyi demikian ini, "*Walau apa pun Perkara 119, Yang di-Pertuan Agong boleh dengan persetujuan Majlis Raja-raja melalui perintah yang disiarkan dalam warta menetapkan suatu pengecualian kepada mana-mana Raja dan isterinya, mana-mana Yang di-Pertuan Negeri dan isterinya dan*

*mana-mana bakal Raja pewaris ganti dan pewaris lain Raja-Raja dan isteri mereka dan mana-mana orang lain daripada pemakaian Perkara 119 dan mana-mana undang-undang berhubung dengan pendaftaran pemilih.”*

Secara dasarnya pengecualian pendaftar pemilih secara automatik kepada Raja Pemerintah dan pasangan, Yang di-Pertuan Negeri dan pasangan, bakal Raja, waris ganti dan waris selain Raja dan pasangan, dan mana-mana orang lain adalah perlu bagi memastikan Raja Pemerintah dan pasangan, Yang di-Pertuan Negeri dan pasangan, bakal Raja waris ganti dan waris lain Raja dan pasangan dan mana-mana orang lain kekal berkecuali dan, dengan izin, *above politic*.

Perkara ini juga selaras dengan keistimewaan dan kewibawaan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu dan kedudukan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertuan Negeri seperti yang termaktub dalam peruntukan Perlembagaan atau Undang-undang Tubuh Negeri. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas pembentangan alasan bagi pindaan tersebut. Sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ketika ini ialah suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Dijemput Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff, masih bersedia?

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Sudah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**12.06 tgh .**

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas ruang dan peluang... [Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Diperingatkan tidak lebih 10 minit sebab ramai yang hendak berbahas. Silakan.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022.



Tahniah kepada kerajaan kerana rang undang-undang ini telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat. Izinkan saya membaca maksud firman Allah daripada surah Al-Maidah, ayat yang kelapan yang berbunyi, *“Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan kebenaran kerana Allah. Menjadi saksi dengan adil dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”*

Allah memberi arahan kepada seluruh umah Islam supaya sentiasa berlaku adil kepada semua tanpa mengira perbezaan agama, ideologi atau bahasa sehingga kepada orang yang kita benci sekalipun. Kita tidak boleh memihak kepada sesiapa pun dalam menentukan hukum atau dalam menegakkan keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah untuk memasukkan perkara baharu 119(A) ke dalam Perlembagaan Persekutuan untuk mengadakan peruntukan khusus bagi ketidakpakaian Perkara 119 kepada Raja-Raja. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara adalah amat penting kita terus memartabatkan institusi Raja-Raja sesuai dengan kedudukan pada tempat yang tertinggi.

Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Utama Negara bagi Persekutuan. Oleh itu adalah tepat kedudukan Raja-Raja dimartabatkan di tempat tertinggi dengan kekal berkecuali dan tidak terlibat dengan mana-mana parti politik.

Tuan Yang di-Pertua, firman Allah dalam surah Al-Hujrat ayat kesembilan yang bermaksud, *“Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya. Jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah. Jika ia kembali patuh maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil menurut hukum Allah serta berlaku adillah kamu dalam segala perkara sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”*

Kita telah menyaksikan penyatuan dua buah parti Melayu dalam Muafakat Nasional dan telah berjaya membentuk kerajaan Perikatan Nasional dengan gabungan beberapa buah parti. Namun, akhir-akhir ini sudah nampak jelas bibit-bibit perpecahan mula berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakaman di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin berkongsi betapa besarnya pengorbanan perasaan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan rakyat Kelantan untuk menerima UMNO sebagai sebahagian dalam Kerajaan Negeri setelah sekian lama kami dianaktirikan oleh Kerajaan Pusat sebelum ini demi melihat

penyatuan ummah. Peruntukan-peruntukan Kerajaan Negeri disalurkan kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dari UMNO sama seperti Wakil Rakyat dari PAS.

■1210

Secara peribadi, saya melihat betapa besar pengorbanan perasaan pergerakan ini di peringkat akar umbi untuk menerima keadaan ini dengan mengetepikan rasa kecil hati dan dendam kami atas layanan Kerajaan Pusat pada kami sebelum ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa kaitan dengan pindaan Perlembagaan, Yang Berhormat?

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Ada kaitannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silalah, sila... *[Ketawa]*

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Saya rakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dan semua pimpinan Kerajaan Negeri Kelantan yang berjiwa besar menerima UMNO sebagai sebahagian daripada kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, amatlah penting institusi Raja-Raja kekal berkecuali dengan institusi yang dapat menyatukan ummah kaum terbesar di negara kita. Kerajaan dan dasar boleh bertukar setiap lima tahun sekali. Namun, Yang di-Pertuan Agong perlu kekal sebagai ketua negara yang berkecuali sebagai tempat rakyat bernaung dan berlindung.

Menjadi harapan rakyat kepada institusi Raja-Raja Melayu sebagai sebuah institusi yang dapat menyatukan ummah dan sebagai institusi semak imbang terakhir kepada kuasa kerajaan dan Perdana Menteri. Oleh itu, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022 memasukkan perkara baharu 119 perlu disokong.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang telah berkuasa bermula 15 Disember 2022 telah menyaksikan penglibatan pengundi muda kali pertama pada Pilihanraya Negeri Johor pada 12 Mac yang lalu. Peratus pengundi muda keluar mengundi adalah rendah. Ada dua kemungkinan sama ada mereka tidak sedar sama ada mereka sudah layak untuk mengundi atau mereka tidak merasakan bahawa mengundi itu untuk memilih pemimpin itu penting.

Peratusan keluar mengundi yang rendah ini juga berlaku di Amerika Syarikat semasa pilihan raya memilih Presiden. Mengikut kajian yang telah dijalankan oleh pihak *Center for Information and Research on Civic Learning and Engagement USA*, peratus keluar mengundi untuk orang muda berumur antara 18 sehingga 29 tahun pada tahun 2020 adalah antara 52 sehingga 55 peratus. Manakala pada tahun 2016 antara 42 sehingga 44 peratus. Ada sedikit peningkatan setelah empat tahun.

Perubahan kerajaan dan Perdana Menteri yang sudah bertukar tiga kali dalam suasana rakyat tertekan akibat pandemik COVID-19 telah menjadikan rakyat muak dan bosan kepada

politik yang juga telah mempengaruhi persepsi anak muda terhadap politik. Generasi muda hanya mahu melihat kerajaan yang stabil dan ekonomi yang stabil.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memetik sebuah tulisan Buya Hamka dalam buku *“Dari Lembah Cita-cita”* yang berbunyi, *“Supaya pemuda peroleh kemenangan dalam cita-citanya, hendaklah ia mempunyai dada lebar dan kefahaman yang luas dan memandang dunia jangan daripada segi buruknya sahaja. Hendaklah dipandang dari baiknya juga.”*

Kerajaan bertanggungjawab memberi kesedaran dan kefahaman kepada orang muda supaya celik politik. Pendidikan politik adalah luas. Anak muda perlu diberi maklumat dan pengetahuan merangkumi pengetahuan tentang Perlembagaan Persekutuan, sistem pentadbiran negara dan negeri, hak dan tanggungjawab seorang warganegara, parti politik, sistem dan proses pilihan raya, kedaulatan undang-undang, polisi-polisi kerajaan serta perkara-perkara yang berkaitan.

Persoalan saya, apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan kesedaran pengundi muda? Adakah kerajaan berhasrat untuk memasukkan *syllabus* kenegaraan dan politik pada pelajar-pelajar sekolah menengah?

Demi masa depan negara, kerajaan perlu mendidik generasi muda supaya lebih matang dalam membuat keputusan untuk memilih pemimpin yang menentukan dasar dalam sesebuah kerajaan. Proses pilihan raya merupakan proses membuat keputusan. Oleh itu, generasi muda perlu bijak dalam membuat keputusan untuk masa hadapan mereka dan juga negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini sebagai akhirnya untuk mengucapkan selamat menyambut Ramadhan Al-Mubarak dan memohon maaf sekiranya ada kesilapan dalam berbicara atau dalam tingkah laku sepanjang tempoh persidangan penggal ini.

Jadi, saya sudahkan dengan doa. Ya Allah, sejahterakanlah kami sehingga datangnya Ramadan, sejahterakanlah Ramadan bagi kami dan terimalah ibadat daripada kami pada bulan ini. Amin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022. Sekian, terima kasih. *Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato Zaiedi bin Haji Suhaili.

12.15 tgh.

**Dato Zaidi bin Haji Suhaili:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk tidak pakai *mask* semasa berbahas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato Zaidi bin Haji Suhaili:** Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama terlibat dalam perbahasan satu rang undang-undang yang ada kaitan dengan pindaan Perlembagaan ini yang mana kita hendak memasukkan satu perkara baharu di bawah peruntukan 119 yang disebut sebagai 119A yang mana kita memohon pengecualian Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, dan juga Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri serta juga waris-waris Raja-Raja daripada dimasukkan dalam Senarai Pemilih yang ada di negara kita. Ini ekoran daripada kelulusan kita untuk, satu, untuk membuat pendaftaran pengundi secara automatik dan kedua ialah kita melakukan undi 18.

Apabila kita tidak memasukkan Perkara 119 ini, tidaklah berertinya bahawa mereka yang terkecuali daripada memilih itu tidak terlibat dalam demokrasi Parlimen. Bahkan Raja-raja Melayu dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri merupakan tonggak kepada Demokrasi Berparlimen di negara kita kerana di akhir pemilihan pilihan raya umum, Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Sultan-sultan, Yang di-Pertuan Agong dan Yang di-Pertua Negeri merupakan pihak yang berkenan untuk melantik seorang Wakil Rakyat yang dipercayai boleh memegang kuasa di dalam Dewan Parlimen ataupun di Dewan Undangan Negeri untuk dilantik sebagai Perdana Menteri, sebagai Ketua Menteri ataupun dalam konteksnya Sarawak *Premier*. Maka dengan perkenan pihak-pihak ini, barulah sebuah kerajaan yang sah ditubuhkan selepas kita mengadakan pilihan raya.

Walau apa pun, Tuan Yang di-Pertua, dalam politik ini ia macam-macam kemungkinan boleh berlaku. Walaupun kita sudah ada Artikel 119A ini, saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah, dengan izin, *exit clause* ataupun satu klausa untuk keluar?

Katakanlah di dalam susur galur kesultanan seseorang, sesebuah negeri itu, ada waris-waris sultan, raja-raja yang ingin hendak berminat aktif dalam politik dan ingin menjadi seorang pemilih dan hendak bertanding dalam pilihan raya. Apakah dalam klausa 119A ada menyebut bagaimana untuk pengecualian kepada perkara ini? Kerana dalam kita katakan dalam politik ini, kemungkinan-kemungkinan seperti itu akan berlaku pada masa hadapan.

Juga di bawah konteks ini juga, kalau di dalam sesebuah negeri itu, misalnya di negeri Sarawak, ada peruntukan dalam perlembagaan negeri sekiranya dengan ketiadaan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri di dalam negara, dia ada kuasa di bawah perlembagaan negeri untuk pelantikan pemangku Yang di-Pertua Negeri. Adakah *terms* Yang di-Pertua Negeri itu

termasuk juga pemangku Yang di-Pertua Negeri? Ini kerana pemangku Yang di-Pertua Negeri ini mungkin dia menjalankan tugas dengan tempoh masa yang tertentu tetapi sekiranya berlaku pilihan raya di mana wujudnya jawatan pemangku Yang di-Pertua Negeri, adakah dia juga tergolong di dalam Artikel 119A ini?

■1220

Juga satu perkara lagi yang saya hendak mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adalah adakah di negeri-negeri di dalam negara kita adakah mereka juga perlu meminda Perlembagaan negeri masing-masing untuk serupa dengan Artikel 119A ini?

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah saya hendak perbincangkan ini saya mengambil peluang di sini ialah untuk melihat bagaimana kita boleh menambah bilangan pengundi dalam pilihan raya kita? Ini kerana apabila kita pilihan raya sekarang ini kita meminda Perlembagaan, pengundi-pengundi umur 18 tahun sudah boleh menjadi pengundi dan boleh mengundi dalam pilihan raya.

Kalau kita lihat daripada Pilihanraya Negeri Johor, peratusan turun mengundi itu tidaklah begitu tinggi atas sebab-sebab tertentu termasuk juga di kalangan pengundi-pengundi 18 tahun. Jadi, saya mencadangkan di sini supaya kerajaan melihat dengan lebih luas lagi sistem undi pos yang kita jalankan. Kalau mengikut kajian, undi pos apabila dilaksanakan, dibesarkan lagi kategori mereka yang layak di bawah undi pos di pilihan raya umum Kanada. Dikatakan bahawa peratusan mengundi meningkat lebih 100 peratus apabila adanya undi pos.

Dengan yang demikian, saya mencadangkan supaya kerajaan, Suruhanjaya Pilihan Raya mengkaji kategori-kategori yang lebih luas lagi supaya mereka yang layak untuk mendapat undi pos itu diperbesarkan. Sekarang ini undi pos hanya untuk anggota-anggota angkatan tentera, Polis Diraja Malaysia dan juga mereka yang terlibat dalam tugas-tugas pilihan raya. Mungkin boleh kita lanjutkan lagi kepada mereka yang bertugas di dalam Kementerian Kesihatan, dilanjutkan juga kepada mereka yang bertugas di luar-luar kawasan di mana mereka tinggal.

Satu perkara lagi yang harus kita ingat kita akan mengundi penuntut-penuntut di IPTA dan IPTS, pengundi-pengundi mereka yang menuntut di universiti. Kalau ikut laporan ada 1.2 juta orang pengundi muda yang berdaftar di negara kita. Kalaulah sekiranya pilihan raya umum itu berlaku, mereka masih berada di kampus, masih ada menjalani peperiksaan, menghadiri kuliah-kuliah yang penting dan mungkin mereka tidak dapat peluang untuk balik ke kampung halaman di tempat di mana mereka mendaftar sebagai pemilih. Jadi saya fikir, patut dengan kita melaksanakan Undi18, sepatutnya kerajaan melebarkan kategori undi pos ini juga kepada penuntut-penuntut yang menuntut di universiti.

Juga kita melihat bahawa undi pos ini kalau boleh kita kajikan juga misalannya pengundi yang berdaftar di tempat pilihan raya umum misalannya di negeri Sarawak. Mereka bekerja di Semenanjung Malaysia tetapi waktu hendak mengundi mereka tidak boleh balik. Alasannya pelbagai. Mungkin tidak ada boleh meninggalkan keluaran mereka di Semenanjung Malaysia, mungkin kekangan daripada segi penerbangan, tiket kapal terbang mahal dan sebagainya. Jadi ini merupakan kekangan-kekangan kepada mereka selain bertugas di sini.

Jadi saya minta supaya SPR mengkaji kemungkinan-kemungkinan seperti ini dan memberi peluang kepada mereka yang tidak tinggal di kampung halaman tetapi bekerja di tempat lain boleh diberi undi pos. Begitu juga sebaliknya mereka yang bekerja di Sarawak, di Sabah tetapi mengundi di Semenanjung Malaysia, mereka juga sepatutnya boleh diberi keistimewaan untuk mendapat undi pos. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masa terhad untuk saya. Saya mengakhiri perbahasan saya ini dengan menyatakan sokongan penuh saya kepada pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato Zaidi bin Haji Suhaili.

Jemput Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

### 12.25 tgh.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada memberi saya peluang lagi untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini dengan meluluskan pindaan undang-undang yang sangat penting saya fikir ini akan menentukan siapa yang akan dikecualikan iaitu kepada seperti yang disenaraikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi.

Dengan menambahkan perkara 119A juga, semua orang lain akan diiktiraf biasa sama ada dalam masa pilihan raya. Justeru itu, saya mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua untuk mencadangkan semua petugas dalam pusat mengundi hentikan memberi keutamaan untuk mengundi kepada orang kenamaan lain kecuali orang-orang yang tua, orang kurang upaya, hamil atau pasukan petugas ke hadapan. Tuan Yang di-Pertua, bila sampainya masa nanti, Parlimen akan menggubal dan meluluskan undang-undang untuk menghukum seorang pengundi berdaftar yang tidak menunaikan undi dia seperti di negara Australia. Tidak eloklah kita menghukum Tuanku.

Seperti di mana negeri Australia tadi, orang tidak mengundi akan di hukum USD20 sampai USD50. Wajarlah kita mengecualikan Seri Baginda. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan negeri, Tuanku Sultan dan Tuan Yang

Terutama diberi kuasa untuk memilih siapa dalam kalangan Yang Berhormat terpilih menjadi Perdana Menteri, Ketua Menteri, *Premier* macam di Sarawak.

Kuasa pemilihan ketua pentadbiran negara dan negeri itu cukup bermakna dalam pemerintah demokrasi Perlembagaan seperti Malaysia negara kita tercinta. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Paul Igai.

Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

### **12.28 tgh.**

**Dato' Arman Azha Abu Hanifah:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberikan keizinan bagi saya membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022. Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) (Pindaan) 2021 dan Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2021 telah diwartakan pada 30 November 2021 dan telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 8 Disember 2021. Hal ini bagi membolehkan prosedur baru pendaftaran pemilih dilaksanakan bermula 15 Disember 2021 yang mana pendaftar pemilih 18 tahun secara automatik dilaksanakan.

Pelaksanaan Undi18 secara automatik ini telah menimbulkan persoalan mengenai keperluan pengecualian untuk Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dan pasangan, pewaris pasangan serta Yang Dipertua Negeri dan pasangan daripada data sebagai pemilih secara automatik. Oleh hal yang demikian, wujud satu keperluan untuk menambah perkara baru iaitu Perkara 119A lanjutan daripada pelaksanaan kelayakan umur mengundi 18 tahun dan pendaftaran secara automatik. Dengan penambahan Perkara 119A, hal yang demikian akan mengecualikan golongan diraja didaftar sebagai automatik di dalam pendaftar pemilih seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan.

### **■1230**

Pada saya adalah tidak wajar sekiranya nama kerabat-kerabat diraja disenaraikan dalam daftar pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya dan data-data pengenalan diri mereka boleh diakses oleh mana-mana pihak untuk tujuan yang tidak bertanggungjawab. Jadi, bagi memelihara martabat institusi Raja-Raja di negara kita, Perkara 119A ini amat diperlukan selari dengan prinsip sistem Raja Berperlembagaan. Kita mahu supaya institusi Agong dan raja-raja sentiasa dipelihara dan kekal berkecuali, tidak memihak kepada mana-mana parti politik atau dipanggil *above politic*, dengan izin.

Memperkasa fungsi pilihan raya. Bagi menyokong amalan demokrasi yang diamalkan negara kita ini, saya cukup menyambut baik pendaftaran pengundi secara automatik yang dibuat bermula daripada usia 18 tahun. Namun demikian, usaha bagi membawa keluar golongan muda dan golongan pertama kali untuk mengundi ini, perlu dipertingkatkan agar jumlah pengundi baharu ini pada PRU15 akan datang mencapai sasaran yang diletakkan, setidak-tidaknya 70 peratus pada PRU Ke-15.

Hal ini boleh kita lihat di dua pilihan raya yang lepas, di pilihan raya negeri Melaka dan Johor. Di dua pilihan raya ini, peratusan keluar mengundi berada pada paras kadar 70 peratus. PRN Melaka hanya 65.85 peratus, manakala Pilihanraya Negeri Johor, yang mana kali pertama dalam sejarah negara kita, pelaksanaan Undi18 tahun dalam pilihan raya hanya menyaksikan peratusan keluar mengundi pada kadar 54.92 peratus.

Semasa di PRN Johor, saya sendiri terkejut apabila ada yang mengatakan kepada saya beliau belum tahu dan belum dimaklumkan bahawa beliau telah didaftar sebagai pengundi dan beliau tidak tahu pun beliau telah didaftarkan secara automatik. Dalam hal ini, bagi saya SPR perlu lebih agresif berkempen termasuklah berkempen memberi pendidikan, penerangan kepada anak-anak muda tentang pentingnya untuk mengundi kerana mengundi merupakan tanggungjawab dan hak sebagai warganegara Malaysia.

SPR perlu membuat kajian yang terperinci tentang punca-punca peratusan keluar mengundi yang begitu rendah. Adakah punca daripada rasa ketidakyakinan terhadap proses politik atau demokrasi dalam negara kita ataupun rakyat sudah mula muak dengan parti-parti politik dan orang politik yang suka melompat-lompat dan mengkhianati mandat rakyat?

Akhir kata, pindaan rang undang-undang ini telah diluluskan di Dewan Rakyat dengan majoriti dua pertiga. Jadi, saya berharap Ahli dalam Dewan yang mulia ini dapat menyokong dan meluluskan rang undang-undang ini demi masa hadapan negara tercinta kita. Sekian daripada saya. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

Yang Berhormat Senator Puan Puan Noraini binti Idris.

**12.33 tgh.**

**Puan Noraini binti Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Salam Keluarga Malaysia. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan 2022.



Tuan Yang di-Pertua, pindaan rang undang-undang ini merupakan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan di mana Perkara 119A dimasukkan sebagai mengecualikan pemakaian, Perkara 119 kepada Raja-Raja dan pasangan Yang di-Pertua Negeri dan pasangan, bakal Raja waris ganti dan waris lain Raja dan pasangan dan mana-mana orang lain. Hal ini sekali gus menjadikan melalui pindaan ini penekanan pelaksanaan adalah wajar bagi memastikan Raja-Raja dan sebagainya, pihak yang dirujuk dalam Perkara 119 ini kekal berkecuali tidak memihak kepada mana-mana parti politik.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat dan juga Ahli Dewan Negara kita seharusnya menjunjung kedaulatan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang merupakan Ketua Utama Negara seperti yang disebut dalam Perkara 32, Perlembagaan Persekutuan dan wajar kita pertahankan menerusi kesetiaan yang kita curahkan kepada Baginda Tuanku dan Raja-Raja Melayu.

Menurut sejarah semasa berlakunya krisis politik negara pada tahun-tahun lepas, kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Negara yang tidak memihak kepada mana-mana parti politik telah berjaya menyelamatkan Malaysia daripada terus diselubungi krisis politik negara. Di mana rakyat Malaysia telah menyaksikan jawatan Yang Berhormat Perdana Menteri Malaysia bertukar ganti sebanyak tiga kali dalam masa tiga tahun. Yang mana sekiranya krisis politik negara ini tidak ditangani dengan bijak ia boleh merencatkan usaha memerangi wabak COVID-19 dan usaha pemulihan ekonomi negara.

Namun begitu, ada beberapa persoalan dan isu berbangkit yang ingin saya utarakan untuk perhatian Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali, memperkasakan peranan Suruhanjaya Pilihan Raya. Pertama, pihak SPR perlulah menggunakan platform atau medium sedia ada untuk menghebahkan tentang pengecualian pemakaian. Perkara 119 ini agar tidak berlaku salah faham atau kekeliruan berkaitan istilah meluas waris-waris dan pasangan serta mana-mana orang lain.

Dalam era teknologi moden di mana semua maklumat boleh diakses di hujung jari ini sudah tentu SPR perlu juga satu langkah ke hadapan agar semua yang terlibat pihak-pihak yang dirujuk dalam Perkara 119 ini yang telah dikecualikan ini akan dinyatakan di laman sesawang SPR kelak. Bagaimanakah pula sekiranya pada suatu masa hadapan ada dalam kalangan waris diraja yang berminta untuk menyertai arena politik? Apakah proses yang perlu diperhalusi pada masa hadapan kelak?

Ini kerana pada ketika itu kita telah mengamalkan daftar pengundi secara automatik dan bukan lagi secara manual seperti sebelum ini. Bagaimanakah proses pengecualian ini akan dilakukan? Adakah ia akan melalui Majlis Raja-Raja dahulu dan seterusnya, senarai nama yang terlibat ini akan dipaparkan secara terbuka atau sebaliknya?

Selain itu, bagaimanakah pula jika berlakunya pelucutan hak melibatkan pasangan dan orang-orang lain? Mengambil contoh jika berlakunya penceraian, misalnya atau bagi negeri yang bernaung di bawah Tuan Yang Terutama. Sekiranya Tuan Yang Terutama seperti di Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Melaka telah bersara atau tamat tempoh berkhidmat bagaimana pula golongan ini akan dilucutkan di bawah Perkara 119 ini? Prosesnya perlu diperhalusi agar pada masa hadapan tidak akan berlaku kekeliruan kelak.

Bagi menyokong amalan demokrasi yang diamalkan oleh negara kita ini, saya menyambut baik pendaftaran pengundi automatik yang dibuat bermula daripada usia 18 tahun. Namun demikian, usaha bagi menarik minat golongan muda dan golongan yang tidak pernah mendaftar sebagai pemilih sebelum ini perlu dipertingkatkan agar jumlah kehadiran pengundi baharu ini pada PRU15 kelak akan mencapai sasaran yang diletakkan.

Pelaksanaan Undi18 yang sudah pun bermula dalam Pilihanraya Negeri Johor baru-baru ini perlu ditunjangi dengan penerapan ilmu politik dan demokrasi. Pihak PRN Johor menunjukkan meskipun Undi18 dan pendaftaran automatik telah dilaksanakan peratus anak muda yang keluar mengundi masih agak rendah. Dikhuatiri sekiranya anak-anak muda yang bakal menjadi pengundi berdaftar nanti tidak didedahkan dengan ilmu pengetahuan penting berkaitan demokrasi negara, justifikasi serta penilaian mereka terhadap pemilihan pemimpin menerusi pilihan raya boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang tidak rasional.

Kita tidak boleh melakukan paksaan kepada pemilih berdaftar untuk keluar mengundi meskipun perwujudan perundangan khas sebaliknya peruntukkan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan wajar diperkasakan menerusi pelaksanaan pelbagai bentuk galakan yang boleh mendorong pengundi dari pelbagai peringkat usia untuk keluar mengundi dalam Pilihanraya Umum Ke-15 kelak.

SPR perlulah lebih bersifat agresif dan progresif agar visi dan misi SPR iaitu memperkasakan pengurusan pilihan raya yang lebih efisien, telus dan adil berlandaskan Perlembagaan dan undang-undang bagi mengukuhkan kepercayaan rakyat terus dilaksanakan dengan sempurna. Justeru, adalah wajar pindaan Perkara 119 ini dibawa ke Dewan yang mulia ini dan saya mohon menyokong pindaan rang undang-undang ini dan diharapkan jugalah semua isu yang berbangkit yang saya nyatakan tadi dapat diberikan perhatian oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1240

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris. Ada tiga lagi Ahli Yang Berhormat yang berminat untuk berbahas.

Saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad. Tolong hormat masa Yang Berhormat.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** *Insyah-Allah* Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian. Bagi saya melibatkan diri dalam perbahasan ini. Saya ingin merujuk pada firman Allah SWT yang berbunyi... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] “*Wahai orang-orang beriman taatilah Allah dan taatilah Rasul dan pemimpin-pemimpin di kalangan kamu...*” Maknanya ada unsur faktor pemilihan di sini.

Jadi, dalam negara kita Malaysia ini yang mengawal sistem pemilihan iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Jadi, kalau Tuan Yang di-Pertua masih ingat, Yang Berhormat Menteri masih ingat pada sesi Parlimen 1999, tahun 2004, saya tidak pernah berhenti bercakap isu ini sama ada di bawah Titah Diraja ataupun pembentangan belanjawan tiap-tiap tahun saya wajib bercakap tentang isu ini.

*Alhamdulillah*, setelah 30 tahun berlalu apa yang saya ucapkan di Parlimen menjadi realiti pada kali ini. Jadi, itulah kegembiraan saya pada tengah hari ini kerana walaupun ia sudah 30 tahun berlalu, tetapi di bawah Menteri Undang-undang yang ada sekarang ini ia menjadi realiti. Bahkan selepas daripada ini *insyah-Allah*, saya mengharapkan pada Menteri yang sama pada ketika ini.

Selepas MA63 diluluskan, Anti Lompat Parti pun kita harap juga diluluskan pada masa beliau menjawat jawatan Menteri Undang-undang. Ini kerana sekiranya ketiga-tiga ini dapat diluluskan, *insyah-Allah* kita akan melihat kehairahan rakyat untuk turut serta dalam demokrasi berparlimen ini, *insyah-Allah*. Ini kerana sistem demokrasi berparlimen kita ini yakni Parlimen Beraja dengan izin, tidak meluas berlaku di seluruh dunia hanya beberapa buah negeri.

Maknanya negara minoriti yang mengamalkan sistem Parlimen Beraja seperti mana yang diamalkan oleh negara kita. Oleh sebab itu, Raja-Raja memberi kedudukan yang istimewa. Sudah barang tentu untuk tidak dipersepsi, dilihat sebagai berpihak sudah hampai waktunya Ke bawah Duli ini dan juga TYT ini di mana kita mempunyai sembilan Raja, sistem Sultan ataupun Raja dalam negara kita ada empat TYT supaya tidak dilihat berpihak semasa berpilihan raya. Maka wajarlah, sangat wajar mereka tidak dilibatkan untuk memelihara keharmonian satu-satu kerajaan yang dilantik nanti dengan Raja-Raja dan juga TYT di negeri-negeri masing-masing.

Cuma, saya seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Rohani sebentar tadi yakni kita hendak tahu sempadannya. Oleh sebab, kalau misal kata di negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah, Selangor, Johor sistem pengantiannya agak jelas tetapi kalau di Perak dan juga di Negeri Sembilan agak berbeza dengan negeri-negeri lain. Oleh sebab

itu, saya mohon supaya, dengan izin, SPR mesti sentiasa *update*, sentiasa kemas kini mereka yang dikecualikan daripada didaftar automatik supaya kerana banyak benda yang akan berlaku sekira umpamanya di Perak, sistem penggilirannya itu kita tidak boleh tentu dengan pasti.

Begitu juga di Negeri Sembilan, Yang Dipertuan pun kita tidak boleh tentu secara pasti kerana akan ditentukan juga oleh Luak-luak Undang dan juga Orang Besar Tampin, misal kata. Jadi, sebab itulah SPR mesti segera, dengan izin, *immediate*, mesti *publish*, mesti mempamerkan mereka yang dikecualikan. Ini kerana saya hendak bertanya di sini umpamanya setengah-setengah negeri okey, daripada sultan, daripada Tengku Temenggung kah, Tengku Mahkota kah, Tengku Laksamana.

Jadi, adakah melibatkan sampai cucu-cicit Tengku-tengku ini sampai ke mana? Supaya kita boleh tahu, saya minta sangat SPR mempamerkan mereka yang dikecualikan ini bagi tiap-tiap negeri supaya rakyat jelata boleh tahu. Supaya jelas dan saya menyokong, menyanjung tinggi hasrat kerajaan ini supaya tidak melibatkan pihak-pihak Raja-Raja dan juga TYT supaya jelas nantinya berlaku keharmonian di mana-mana kerajaan yang dilantik oleh kerajaan nanti.

Cuma, sudah barang tentulah yang agak janggal sedikit selepas ini. Kemungkinan TYT-TYT kerana mereka ini bertempoh sama ada macam kita juga lah. Satu tempoh tertentu, dilanjutkan dengan persetujuan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Adakah mereka ini selepas khidmat mereka sebagai TYT tamat, mereka didaftarkan semula secara automatik dalam daftar pemilihnya?

*Alhamdulillah*, kita lihat daripada maklumat yang saya terima, ekoran daripada pendaftaran automatik ini, lebih kurang 5 juta ke-6 juta orang pengundi baharu yang terlibat termasuk yang berumur 18 tahun, 19 tahun, 20 tahun dan juga mereka yang tidak pernah mengundi. Jadi *insya-Allah*, saya pernah bertanya soalan yang sama kepada pihak kerajaan pada ketika itu, kenapa kerajaan tidak melakukan perkara seperti mana sekarang ini. Jawapan kerajaan pada ketika itu rakyat diberi pilihan.

Maknanya diberi pilihan, maknanya kalau dia tidak hendak berdaftar maka dia tidak hendak terlibat dengan sistem demokrasi berperlembagaan sekarang ini. Akan tetapi *alhamdulillah*, itu sudah tidak benar sekarang ini kerana kita telah mengikut beberapa buah negara maju supaya rakyat ini mesti didaftarkan dahulu sama ada mereka hendak terlibat atau tidak hendak terlibat itu barulah pilihan masing-masing. Setidak-tidaknya pada waktu mereka merasai hendak mengundi, mereka sudah ada passport untuk mengundi.

Kata kerananya saya masih ingat pada tahun 1999 berlaku lonjakan politik di pihak parti pembangkang di mana pada ketika itu, sekitar 700 ribu orang yang menyesal tidak mengundi kerana mereka tidak tahu bahawa akan berlaku satu bentuk paten politik pada tahun 1999. Di

antaranya ramai ahli akademik yang hebat-hebat yang menyesal kerana tidak mendaftar pengundi kerana mereka tidak menjangka itu keputusan Pilihan Raya pada tahun 1999.

Jadi, kita tidak hendak lagi peristiwa yang sama berlaku pada kali ini di mana mereka tidak mendaftar maka mereka tidak boleh mengundi. Akan tetapi sekarang ini *alhamdulillah* bila mana semua sudah didaftar secara automatik, sekiranya satu atau dua hari lagi mereka membuat keputusan untuk mengundi maka mereka boleh keluar mengundi. *Insyah-Allah*, ini memberi refleksi yang betul pada keputusan pilihan raya kerana semua sudah ada pasport untuk mengundi. Jadi, kalau semua minat terlibat maka refleksi yang sebenar kepada pemilihan kepimpinan parti dan sebagainya pada waktu itu kerana tidak ada lagi yang tercicir daripada segi membuat keputusan untuk memilih mana-mana parti dan kerajaan selepas daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah baik kerana bila mana kita membuat pengundian automatik sebegini. Maka dengan sendirinya parti-parti yang terlibat untuk lihat dalam pilihan raya dia akan menjimatkan kos kerana pada waktu-waktu tertentu banyak parti yang kuat-kuat ini, parti besar-besar, dia akan melibatkan pemindahan pengundi dari mana-mana tempat.

Maka dia akan untuk demi memenangkan calon daripada parti mereka, mereka mengeluarkan kos yang besar kerana hendak memindahkan pengundi-pengundi dengan menukar lokasi kad pengenalan, alamat Kad Pengenalan masing-masing supaya boleh mengundi di tempat yang mereka cadang mengundi maka ia tidak menggambarkan, tidak memberi refleksi yang sebenar di tempat mengundi kerana ramai pengundi import yang datang secara besar-besaran.

Malahan kadang-kadang melibatkan sampai 20 persen- 25 peratus, 30 peratus dari tempat lain dipindahkan ke tempat-tempat yang mereka sasarkan untuk menang. Jadi, ini tidak betul dan tidak adil dan *insyah-Allah* kalau ini dapat kita tepis selepas diluluskan rang undang-undang ini dengan sendirinya dia telah memberi gambaran sebenar di mana-mana tempat bila mana calon-calon tersebut menang.

Di samping itu juga, kita juga akan menjimatkan kos. Kos pada parti-parti untuk memindahkan pengundi-pengundi dan sebagainya. Jadi *insyah-Allah*, pada waktu itu timbul hasrat pengundi untuk datang mengundi, dia akan mengguna kos mereka sendiri.

#### ■1250

Inilah satu pengajaran pelajaran demokrasi kepada rakyat jelata. Saya *insyah-Allah* berkeyakinan pada kali ini dengan anak-anak kita berusaha 18 tahun, 19 tahun, 20 tahun ini layak mengundi kerana saya telah melihat banyak negara dalam dunia mempercayai kebijaksanaan rakyat mereka. Kita tidak adil untuk mengatakan rakyat kita hanya bijak bilamana dia berusia 21 tahun. Yang 18 tahun, pada masa saya, Universiti Teknologi Malaysia dah ambil. Saya masuk

Universiti Teknologi Malaysia umur 18 tahun. Umur 19 tahun dah tahun dua, 20 tahun dah tahun tiga. Takkanlah kami dah masuk universiti belum lagi layak untuk mengundi. Jadi, saya kira ini tugas kerajaan.

Sekiranya mereka tidak percaya rakyat dia umur 18 tahun bijak, maka mesti kita menggubal sistem pendidikan negara kita supaya mereka ini menjadi orang yang bijak pada usia 18 bukannya pada usia 21 tahun. *Insyah-Allah*, jangan bimbang Tuan Yang di-Pertua, selepas ini dengan hebahan-hebahan, dengan siaran-siaran, dengan kempen-kempen kerajaan melalui pelbagai medium, rakyat yang umur 18 tahun ini dia akan timbul satu histeria mengundi pada PRU15.

*Insyah-Allah* kita akan tengok nanti tetapi kerajaan mesti main peranan dan jangan lagi memperkecilkan, memperlekehkan kecerdikan orang-orang Malaysia, anak-anak Malaysia berumur 18 tahun, 19 tahun. Mereka cerdik. Yakinlah mereka cerdik. Kalau tidak takkan saya masuk universiti umur 18 tahun, kerana saya cerdik dan saya menjadi pemimpin pelajar empat tahun berturut-turut di Universiti Teknologi Malaysia selepas daripada Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa....

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Sekian, saya ucap terima kasih. *Insyah-Allah* percaya, yakini mereka yang berusia 18 tahun, 19 tahun, 20 tahun ini akan keluar beramai-ramai mengundi pada PRU-15, *Insyah-Allah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumusalam.* Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

**12.52 tgh.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Siapa yang sebut enam minit itu?

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya yang terakhir untuk berbahas dalam sesi kali ini. Tuan Yang di-Pertua, pindaan Perlembagaan ini adalah bagi mengecualikan nama Raja dan pasangan, Yang di-Pertua Negeri dan pasangan, bakal Raja, waris Raja dan pasangan dan mana-mana individu daripada tersenarai dalam daftar pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, ayat yang terakhir iaitu “...*mana-mana individu*...” pada saya, dia terlampau longgar. Perlu disimpulkan tentang siapa dia “...*mana-mana individu*...” dan apa kategori yang diperlukan untuk ‘*mana-mana individu*’. Kalau kefahaman kita setakat ini, “...*mana-mana individu*...” kita tak tahu siapa. Jadi saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, siapa dia “...*mana-mana individu*...”. Kalau boleh kita simpulkan siapa individu tersebut.

RUU ini Tuan Yang di-Pertua, berjaya diluluskan pada Bacaan Kali Kedua dan Ketiga selepas mendapat sokongan lebih dua pertiga Dewan Rakyat dan hari ini *insya-Allah* saya yakin dan percaya lebih dua pertiga juga akan disokong dalam Dewan Negara... [*Tepuk*] Saya amat menyokong pindaan Perlembagaan ini kerana ia adalah sebahagian daripada agenda Undi 18 yang kita berjuang begitu lama.

Cuma, di sini saya ingin mohon sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang mana PRN Johor merupakan kali pertama Undi 18 berlaku di 56 DUN dan saya dapat angka 173,177 orang anak muda yang mengundi di PRN Johor dan kita nak tahu, jumlah kos yang ditanggung oleh SPR untuk menambahkan saluran, pegawai untuk memastikan Undi 18 berjaya dan saya juga nak tahu berapa peratus- kalau angka lagi bagus, yang keluar mengundi daripada kalangan Undi 18 di PRN Johor yang mana kita tahu pada hari ini, PRN Johor merupakan PRN Johor merupakan PRN yang paling rendah pengundi keluar, 50 peratus lebih sikit, tak sampai sasaran.

Jadi ini salah satu yang kita nak tahu supaya pada masa-masa akan datang, PRU ke-15, kempen-kempen SPR supaya Undi 18 ini dikedepankan, diberi pengetahuan yang jelas kepada mereka, anak-anak muda yang mungkin jahil dengan hak mengundi yang dimiliki selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mahu melihat Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja melangkaui politik. Itu prinsip yang mesti kita guna pakai dan kita sokong dan tidak molek kalau nama dan juga nombor kad pengenalan Raja-Raja kita dipamerkan di merata-rata sebagai pemilih biasa tetapi, apa yang saya faham berdasarkan pindaan ini, kita mahu meletakkan institusi Raja-Raja Melayu melebihi angka politik semasa dan hasrat murni ini perlu disokong.

Akan tetapi dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, terdapat persepsi dalam kalangan rakyat jelata, ada kelakuan, kenyataan, *fiii* perangai kerabat-kerabat ini yang berminat untuk menyertai politik. Berminat untuk mengulas politik, berminat untuk menyokong mana-mana politik dan di sini saya juga ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, tidak ada termaktub dalam RUU ini yang membenarkan kepada kerabat-kerabat yang berminat untuk menyertai politik.

Saya suka juga mencadangkan supaya kalau ada antara kerabat-kerabat diraja sebagai contoh yang kita lihat pada hari ini, Yang Berhormat Gua Musang merupakan kerabat yang terdekat. Beliau menterjemahkan diri dia dalam politik dan beliau menawarkan diri sehingga beliau menjadi Menteri Kewangan dan beliau bersedia. Beliau tidak menggunakan kekebalan untuk bertahan di arena politik.

Jadi, saya juga ingin meminta supaya bagi peluang kepada kerabat-kerabat yang berminat untuk berada di medan politik. Jangan ada antara mereka yang sekali sekala kadang-kadang kita

lihat, persepsi di bawah sana melihat menyokong parti-parti politik tertentu tetapi apabila diterjah oleh rakyat, maka mereka berselindung di sebalik kekebalan politik. Jadi, bagi peluang kepada mereka tetapi tidak ada dalam RUU ini.

Saya amat menyokong kalau sekiranya kita masukkan, minta kebenaran Majlis Raja-Raja, mana-mana yang berminat untuk bergiat cergas dalam politik, dipersilakan bersama-sama di medan dengan kita. Jadi itulah, saya fikir pendapat saya dan pandangan saya dan saya sangat menyokong RUU. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Demikian pandangan, debat daripada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Kita ada masa sedikit lagi, silakan Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew mengambil bahagian yang terakhir sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab lepas makan tengah hari.

**12.58 tgh.**

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia mengamalkan sistem memerintah demokrasi di mana Parlimen merupakan badan tertinggi dengan Raja Berperlembagaan, dengan izin, *Parliamentary supremacy with a Constitutional Monarchy*. Ini adalah dalam Perlembagaan bertulis. Malaysia telah mewarisi sistem kerajaan daripada *United Kingdom* tetapi di *United Kingdom*, ia tidak pernah mempunyai satu perlembagaan bertulis. Sistem mereka berdasarkan ke atas konvensyen yang telah dibina dan diwarisi selama beberapa ratus tahun.

Pindaan yang telah dicadangkan pada hari ini merupakan satu pengesahan prinsip 'ketuanan Parlimen' dan mematuhi Perlembagaan bertulis kita. Hak mengundi bagi setiap warganegara adalah termaktub dalam Perlembagaan. Kuasa untuk mengecualikan mana-mana pihak juga tertakluk kepada Parlimen.

Pengecualian yang dicadangkan dalam Artikel 119A diberi kepada Raja-raja dan Yang di-Pertua Negeri daripada mengundi adalah amat munasabah kerana merekalah yang memilih siapa yang akan membentuk kerajaan. Adalah paling bagus bagi mereka kekal neutral dan dilihat neutral, dengan izin, *to remain neutral and to be seen neutral*. Terdapat juga konvensyen yang bersamaan di *England* di mana Ratu iaitu, dengan izin, *The Queen* dikecualikan daripada mengundi. Apa yang membimbangkan saya sama ada ia dirancang oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris ialah pengecualian juga diberi kepada sekumpulan orang iaitu perkataan 'mana-mana orang lain'.



Pengecualian yang tersebut sepatutnya hanya diberi kepada mereka yang membuat keputusan mengenai siapa yang sepatutnya membentuk kerajaan. Soalan saya ialah, apa rasional untuk menambah perkataan '*mana-mana orang lain*'. Satu soalan lagi yang timbul ialah sama ada persetujuan individu tersebut diperlukan sekiranya diberi pengecualian. Persetujuan seharusnya diperoleh terlebih dahulu, dengan izin, *the consent of this person should be obtained before they are be exempted*. Dengan ini, saya mohon menyokong rang undang-undang tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

Sekarang kita terpaksa menangguhkan sesi, dan dengan segala hormatnya diminta Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar memulakan jawapan selepas jam 2.30 petang ini, *insya-Allah*, dan Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**2.32 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Mesyuarat sidang kita mulakan semula. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar untuk menjawab. Dipersilakan.

**2.33 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mohon sekali lagi untuk membuka pelitup muka saya.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan rang undang-undang ini.

Untuk rekod Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membaca nama yang telah bahas tadi:

- (i) Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff;
- (ii) Yang Berhormat Senator Dato Zaiedi bin Haji Suhaili;

- (iii) Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai;
- (iv) Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah;
- (v) Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris;
- (vi) Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad;
- (vii) Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew; dan
- (viii) Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022, segala cadangan dan pandangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu amat dihargai dan akan diberi perhatian sewajarnya.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat sekalian, rang undang-undang hari ini adalah merupakan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, di mana Perkara baharu 119A, dimasukkan bagi mengecualikan pemakaian Perkara 119 kepada Raja-raja dan pasangan, Yang di-Pertua Negeri, dan pasangan, bakal Raja, waris ganti dan waris lain Raja dan pasangan dan mana-mana orang lain. Pendekatan pelaksanaan pindaan ini adalah wajar bagi memastikan Raja-raja dan sebagai kekal berkecuali dan tidak memihak kepada mana-mana parti politik ataupun saya ulangi lagi, *abort politic*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mula menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator-senator Ahli Dewan Negara, saya ingin memaklumkan bahawa cadangan pindaan Perlembagaan ini telah mendapat perkenan daripada Majlis Raja-Raja melalui Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang ke-258 pada 9-10 Mac 2022.

Di sini saya ingin menekankan bahawa mengikut Perkara 38(4), keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja tidak boleh disentuh tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja. Selaras dengan perkara ini, pengecualian kepada Raja, pemerintah dan pasangan, Yang di-Pertua Negeri dan pasangan, bakal Raja, waris ganti dan waris lain Raja dan pasangan dan mana-mana orang lain adalah berdasarkan keputusan yang telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja.

Jadi, dengan sendirinya, maka kita telah memenuhi kehendak Perlembagaan. Seterusnya, perintah yang bakal diwartakan adalah juga selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja, seterusnya saya akan menjawab persoalan yang dibangkit seperti berikut.

Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff, Yang Berhormat Senator Dato Zaiedi bin Haji Suhaili, Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah dan Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris telah membangkit persoalan berkenaan usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengundi muda berkenaan keperluan untuk mengundi.

Untuk makluman Dewan Negara sekalian, mulai tahun 2017 hingga ke Akademi Pilihan Raya, sehingga kini Akademi Pilihan Raya telah menjalinkan kerjasama strategik dengan beberapa buah agensi kerajaan untuk melaksanakan program pendidikan pengundi atau *voters education* (VE).

Objektif program ini adalah untuk memberi kefahaman terhadap betapa pentingnya demokrasi, aplikasi demokrasi melalui platform pilihan raya, proses pilihan raya yang dijalankan di Malaysia, tanggungjawab sebagai seorang pengundi dan implikasi terhadap negara serta menjelaskan isu-isu, cabaran yang sering dibangkit semasa pilihan raya diadakan.

Akademi Pilihan Raya bagi tahun 2022 telah merancang untuk mengadakan beberapa siri program pendidikan pengundi, juga *voters education* yang akan melibatkan hampir 400 buah institusi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain agensi awam dan swasta. Program ini akan dilaksanakan secara bersemuka dan persidangan maya.

Selain itu juga, bagi menyebarkan luas penyampaian maklumat pilihan raya kepada golongan belia, Akademi Pilihan Raya telah melaksanakan Program Akademi Pilihan Raya *Associate Trainer*, dengan izin, atau lebih dikenali dengan nama AAT. Melalui Program AAT ini, Akademi Pilihan Raya dapat melatih lebih ramai penceramah, jurulatih yang mampu untuk bersama dengan Akademi Pilihan Raya menyampaikan maklumat tentang proses pilihan raya di Malaysia kepada pelajar-pelajar sekolah dan golongan belia dalam institusi pendidikan di seluruh negara.

#### ■1440

Setakat ini, seramai 273 orang peserta telah mengikuti latihan intensif oleh Akademi Pilihan Raya dan seterusnya dilantik sebagai *APR Associate Trainer* (AAT).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato Zaiedi bin Haji Suhaili telah membangkitkan cadangan memperluaskan undi pos kepada pengundi Sabah dan Sarawak yang berada di Semenanjung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia menentukan bahagian pilihan raya seseorang pemilih berdasarkan kepada alamat permastautinan pemilih seperti di dalam kad pengenalan dan pangkalan data Jabatan Pendaftaran Negara.

Buat masa ini, suruhanjaya tidak bercadang untuk memperluaskan kategori undi pos kepada pengundi Sabah dan Sarawak yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Kemudian, kemudahan pengundi secara pos hanya diberikan kepada pengundi dalam kategori seperti berikut:

- (i) ahli-ahli SPR dan kakitangan SPR;

- (ii) petugas pilihan raya;
- (iii) tentera, polis, Pasukan Gerakan Am dan petugas dalam hari mengundi;
- (iv) pengamal media yang bertugas membuat liputan pilihan raya di luar kawasan pada hari mengundi;
- (v) kakitangan bagi sembilan buah agensi kerajaan seperti yang diwartakan oleh SPR ialah Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Kementerian Kesihatan Malaysia, Sukarelawan Simpanan Polis, Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Imigresen Malaysia;
- (vi) pengundi Malaysia yang berada di luar negara; dan
- (vii) pengundi tidak hadir luar negara iaitu penjawat awam yang berkhidmat di luar negara dan pasangan serta pelajar universiti dan institusi tinggi sepenuh masa di luar negara dan pasangan.

Oleh yang demikian, SPR menggalakkan pengundi untuk memohon penukaran bahagian pilihan raya berdasarkan tempat permastautinan terkini bagi memudahkan urusan pengundian bagi sesuatu pilihan raya.

Jadi saya ingin memberi contoh Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ialah contohnya dalam IC saya ialah saya duduk di Jalan Tengah di Kuching. Akan tetapi kalau saya bekerja di Kuala Lumpur, masa pengundian, saya mesti melaporkan kepada pihak Jabatan Pendaftaran Negara supaya alamat saya di Kuala Lumpur itu diketahui di sini supaya apabila pendaftaran dibuat menerusi SPR nanti menerusi rujukan kepada pihak Jabatan Pendaftaran Negara, maka nama saya akan keluar dalam kawasan yang tempat saya bermastautin di Semenanjung.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato Zaiedi bin Haji Suhaili dan Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris telah membangkitkan persoalan berkenaan penglibatan secara aktif dalam politik bagi individu yang telah dikecualikan daripada mengundi.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, perintah yang akan dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja adalah hanya pengecualian pendaftar pemilih secara automatik sahaja dan ia tidak menghalang penglibatan mereka dalam sebarang aktiviti politik. Jadi, ada dua perkara perbezaan itu. Didaftar secara automatik sebagai pengundi dan yang satu ialah untuk terlibat dalam politik. Tidak ada kena-mengena dengan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu Yang Berhormat Senator Dato Zaiedi bin Haji Suhaili juga telah mempersoalkan sama ada Yang di-Pertua Negeri merangkumi pemangku Yang di-Pertua Negeri.

Ahli Yang Berhormat sekalian, Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tafsiran Yang di-Pertua Negeri seperti berikut. Yang di-Pertua Negeri dengan izin, dalam bahasa Inggerisnya *means, "The Head of State in the state not having a Ruler"*. Bagi maksud pengecualian di bawah perkara 119A pada masa ini, pengecualian itu tidak merangkumi mana-mana pihak yang memangku jawatan Yang di-Pertua Negeri.

Bagi menjawab juga soalan Yang Berhormat Senator Dato Zaidi bin Haji Suhaili berkenaan sama ada perlembagaan negeri perlu dipinda atau pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan ini adalah memadai. Perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, pindaan Perlembagaan Persekutuan adalah memadai dan tidak pindaan kepada Perlembagaan Negeri perlu dibuat. Walau bagaimanapun, pandangan kerajaan negeri adalah perlu dalam penyediaan perintah yang akan diwartakan setelah mendapat perkenan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong serta Majlis Raja-Raja.

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad berkenaan sehingga peringkat mana pengecualian kepada waris ganti diberi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, perkara ini berbeza mengikut negeri dan membuat berdasar maklum balas daripada setiap kerajaan negeri tertakluk kepada Perlembagaan Negeri dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri masing-masing. Pengecualian ini akan dimasukkan ke dalam perintah yang akan diwartakan setelah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta Majlis Raja-Raja.

Ingin saya memperjelaskan secara luas sedikit, contohnya kalau kita lihat di negeri Johor. Dia mempunyai Sultan dan mempunyai Tengku Mahkota. Akan tetapi di Negeri Sembilan, tidak ada perkara yang tersebut dan begitu jugalah negeri Perak. Jadi, itulah kenapa ada perbezaan daripada sebuah negeri kepada satu buah negeri atas keputusan negeri itu sendiri setelah berbincang dengan Sultan-Sultan, Raja-Raja yang tertentu di negeri itu untuk di mana pengecualian akan diletakkan. Selepas itu, barulah senarai ini dipersembahkan pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibawa kepada Majlis Raja-Raja untuk pengecualian.

Sebentar tadi Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris...

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Minta penjelasan bolehkah? Boleh Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Boleh. Sila.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Terima kasih kepada satu jawapan yang saya rasa agak memuaskan diri saya. Cuma satu hal, kalau sekiranya ada anggota- kalau istilah saya silap, minta maaf. Takut ada bahasa Diraja. Kalau anggota keluarga Diraja ini yang

berhasrat untuk terlibat dengan politik, sudah ada sejarah. Dari Pahang satu yang saya ingat. Dari Terengganu satu, dari Perlis satu. Jadi, sekiranya mereka ingin terlibat sebagai Yang Berhormat, bertanding dalam pilihan raya, itu boleh dibenarkan ataupun masih tertakluk kepada keputusan seperti mana yang dinyatakan tadi mengikut negeri dan negeri? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Bagi persoalan ini, memang cukup wajar sebab untuk memperjelaskan perkara yang mungkin ada lagi samar-samar di kelihatan pandangan Yang Berhormat sekalian, bahawa tidak menjadi masalah. Sebabnya, senarai itu boleh dipinda dan diubah dari semasa ke semasa asalkan menerusi proses dari negeri pergi kepada Yang di-Pertuan Agong. Dari Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pergi ke Majlis Raja-Raja, sudah diiktiraf, bolehlah. Tidak ada masalah langsung. Jadi, begitulah proses pengecualian dan begitulah juga proses pengeluaran daripada pengecualian.

Sebentar tadi Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dan Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew telah membangkitkan juga persoalan berkaitan pengecualian kepada mana-mana orang lain.

#### ■1450

Memang ini satu persoalan yang- dengan izin, *popular*. Di Dewan Rakyat pun ramai tanya. Bagi menjawab persoalan ini, pengecualian kepada mana-mana orang yang diperuntukkan dalam Perkara 119A adalah bersyarat untuk merujuk kepada golongan kerabat Raja sahaja yang difikirkan perlu oleh Yang di-Pertuan Agong dengan persetujuan Majlis Raja-Raja.

Saya ingin merujuk kepada frasa Latin "*ejusdem generis*". Itu syarat pentafsiran undang-undang, di mana ertinya satu kata dibatasi maknanya secara khusus dalam kelompok itu sahaja. Maknanya kelompok diraja, dilihat dari kelas yang sama, *of the same class* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Maknanya tidak bolehlah macam di Dewan Rakyat dibangkit, adakah ini termasuk pemandu istana, termasuk tukang masak istana, tidak boleh. Mengikut Bahasa Latin tadi iaitu "*ejusdem generis*" kepada pihak raja-raja itu sahaja yang difikir patut oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja.

Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris telah membangkitkan soalan mengenai situasi sekiranya seorang individu tidak lagi menjadi pasangan kepada Raja, Yang di-Pertua Negeri bagi perkara ini Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri hendaklah memaklumkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya nama mantan pasangan atau Yang di-Pertua Negeri untuk dimasukkan semula nama mantan pasangan raja yang Yang di-Pertua Negeri tersebut ke dalam senarai sistem pendaftaran pemilih secara automatik. Terima kasih atas soalan ini sebenarnya sebab di Dewan Rakyat pun tidak ada orang bangkit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris juga membangkitkan soalan berkenaan kos untuk menjalankan Pilihanraya Negeri Johor Ke-15. Satu bilangan peratusan keluar mengundi untuk pengundi 18 tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, kos bagi pelaksanaan Pilihanraya Negeri Johor sebanyak RM96 juta. Kos ini merangkumi perolehan, pembelian dan sewaan peralatan pilihan raya, kenderaan, pembangunan ICT, logistik, elaun petugas, keperluan-keperluan lain yang berkaitan.

Perbelanjaan ini turut mengambil kira peralatan mengikut Garis Panduan Pencegahan COVID-19. Kos ini mengambil kira keseluruhan jumlah pemilih bagi Pilihanraya Negeri Johor Ke-15 iaitu sebanyak 2,597,742 orang pengundi. Bagi menjawab soalan mengenai bilangan peratus keluar mengundi, jumlah keseluruhan pengundi keluar mengundi semasa Pilihanraya Negeri Johor adalah sebanyak 1,426,573 orang, atau 54.92 peratus.

Walau bagaimanapun, SPR tidak- maklumat berhubung jumlah pengundi bagi kategori 18 tahun hingga 21 tahun yang keluar mengundi.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Senator sekalian, izinkan saya mengakhiri ucapan penggulungan saya dengan serangkap pantun. Ada pantun juga, nasib. Kalau tidak, saya tidak boleh pantun ini.

*Rimbunan daun di Pulau Berlian;  
Menjadi singgahan putera raja.  
Ribuan terima kasih Senator sekalian;  
Menyokong RUU mendaulatkan Raja... [Tepuk]*

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) atas jawapan yang diberikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022 ini memerlukan sokongan pada Bacaan Kali Yang Kedua dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Maka, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 44(1) dan Peraturan Mesyuarat 45, saya memerintahkan supaya satu Belah Bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan Blok Yang Berhormat.

Undian dijalankan sekarang.

*[Dewan Berbelah Bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

■1500

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah selesai undian dibuat dan dikira, sekarang saya kemukakan keputusan undian iaitu

Seramai 49 orang Ahli yang bersetuju... *[Tepuk]*

Tiada Ahli yang tidak bersetuju... *[Tepuk]*

Tujuh orang Ahli yang tidak hadir.

**Ahli Bersetuju:**

1. YB. Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz
2. YB. Senator Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin
3. YB. Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad
4. YB. Senator Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal
5. YB. Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad
6. YB. Senator Datuk Lim Ban Hong
7. YB. Senator Dato' Isa bin Ab Hamid
8. YB. Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu
9. YB. Senator Tuan Aknan a/l Ehtook
10. YB. Senator Datuk Paul Igai
11. YB. Senator Datuk John Ambrose
12. YB. Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
13. YB. Senator Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
14. YB. Senator Datuk Razali bin Idris
15. YB. Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan
16. YB. Senator Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian
17. YB. Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
18. YB. Senator Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin
19. YB. Senator Tuan Robert Lau Hui Yew



20. YB. Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
21. YB. Senator Puan Susan Chemerai Anding
22. YB. Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah
23. YB. Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
24. YB. Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan
25. YB. Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
26. YB. Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias
27. YB. Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek
28. YB. Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip
29. YB. Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi
30. YB. Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya
31. YB. Senator Dato' Ajis bin Sitin
32. YB. Senator Datuk Bobbey Ahfang bin Suan
33. YB. Senator Dato Zaiedi bin Haji Suhaili
34. YB. Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong
35. YB. Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz
36. YB. Senator Puan Noraini binti Idris
37. YB. Senator Dato Dr. Nuing Jeluing
38. YB. Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan
39. YB. Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad
40. YB. Senator Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid
41. YB. Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya
42. YB. Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff
43. YB. Senator Dato' Shamsuddin bin Hj. Abd Ghaffar
44. YB. Senator Dato' Wira Othman bin Aziz
45. YB. Senator Dato' Haji Husain bin Awang
46. YB. Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin
47. YB. Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah
48. YB. Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh
49. YB. Senator Tuan Seruandi bin Saad

**Ahli Tidak Bersetuju:**

- Tiada

**Ahli Tidak Hadir:**

1. YB. Senator Dato' Sri Ti Lian Ker
2. YB. Senator Dato' Dr. Mah Hang Soon
3. YB. Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri
4. YB. Senator Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad
5. YB. Senator Puan Lim Hui Ying
6. YB. Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
7. YB. Senator Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oleh sebab lebih dua per tiga undi majoriti yang bersetuju, maka rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**3.08 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta sokongan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Oleh sebab sekali lagi pada peringkat bacaan ini juga, mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang ketiga dan diluluskan dengan undian sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini.

Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 44(1) dan Peraturan Mesyuarat 45, saya sekali lagi memerintah supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

#### ■1510

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan Blok Yang Berhormat.

*[Dewan Berbelah Bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya nampak ada Ahli Yang Berhormat baru masuk, minta undi juga. Berikan Kertas Undi.

*[Dewan riuh] [Dewan ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah selesai undian dibuat dan dikira, sekarang saya kemukakan keputusan undian iaitu:

Seramai 50 orang Ahli yang bersetuju... *[Tepuk]*

Tiada Ahli yang tidak bersetuju... *[Tepuk]*

Enam orang Ahli yang tidak hadir... *[Tepuk]*

#### **Ahli Bersetuju:**

1. YB. Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz
2. YB. Senator Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin
3. YB. Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad
4. YB. Senator Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal
5. YB. Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad
6. YB. Senator Datuk Lim Ban Hong
7. YB. Senator Dato' Isa bin Ab Hamid
8. YB. Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu
9. YB. Senator Tuan Aknan a/l Ehtook
10. YB. Senator Datuk Paul Igai
11. YB. Senator Datuk John Ambrose

12. YB. Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
13. YB. Senator Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
14. YB. Senator Datuk Razali bin Idris
15. YB. Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan
16. YB. Senator Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian
17. YB. Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
18. YB. Senator Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin
19. YB. Senator Tuan Robert Lau Hui Yew
20. YB. Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
21. YB. Senator Puan Susan Chemerai Anding
22. YB. Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah
23. YB. Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
24. YB. Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan
25. YB. Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
26. YB. Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias
27. YB. Senator Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali
28. YB. Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek
29. YB. Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip
30. YB. Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi
31. YB. Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya
32. YB. Senator Dato' Ajis bin Sitin
33. YB. Senator Datuk Bobbey Ahfang bin Suan
34. YB. Senator Dato Zaiedi bin Haji Suhaili
35. YB. Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong
36. YB. Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz
37. YB. Senator Puan Noraini binti Idris
38. YB. Senator Dato Dr. Nuing Jeluing
39. YB. Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan
40. YB. Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad
41. YB. Senator Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid
42. YB. Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya
43. YB. Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff
44. YB. Senator Dato' Shamsuddin bin Hj. Abd Ghaffar
45. YB. Senator Dato' Wira Othman bin Aziz

46. YB. Senator Dato' Haji Husain bin Awang
47. YB. Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin
48. YB. Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah
49. YB. Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh
50. YB. Senator Tuan Seruandi bin Saad

**Ahli Tidak Bersetuju:**

- Tiada

**Ahli Tidak Hadir:**

1. YB. Senator Dato' Sri Ti Lian Ker
2. YB. Senator Dato' Dr. Mah Hang Soon
3. YB. Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri
4. YB. Senator Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad
5. YB. Senator Puan Lim Hui Ying
6. YB. Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oleh sebab lebih dari dua pertiga undi majoriti yang bersetuju, rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT LABUAN (PINDAAN) 2022**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.19 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Syarikat Labuan 1990 [Akta 441] dibacakan kali kedua sekarang.

**■1520**

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) adalah untuk memajukan Labuan sebagai satu Pusat Perniagaan dan

Perkhidmatan Kewangan Antarabangsa (LIBFC) dan Labuan FSA kena sentiasa berusaha untuk menambah baik akta-akta yang sedia ada yang ditadbir supaya mereka menjadi lebih efektif dan terkini dan boleh memenuhi keperluan sektor kewangan yang sentiasa berubah sama ada di peringkat domestik mahupun di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2022 pada hari ini melibatkan 61 fasal keseluruhannya dan saya bagi secara ringkas. Kesemua fasal ini dipinda selaras dengan objektif seperti berikut.

Pertama ialah untuk menerima pakai piawaian dan amalan kewangan antarabangsa yang terbaik khususnya berkaitan langkah-langkah pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Ini melibatkan fasal 5, 7, 8, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 26, 27, 28, 30, 33, 34, 36, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 46, 52 dan 53. Selebihnya adalah untuk melunaskan komitmen Malaysia bagi memastikan pematuhan kepada piawaian percukaian antarabangsa dalam membanteras amalan percukaian yang memudaratkan. Ini melibatkan fasal 1 dan 4.

Satu lagi ialah untuk memodenkan dan mengemas kini perundangan Labuan LIBFC yang melibatkan fasal 6, 10, 17, 24, 25, 28, 29, 31, 32, 35, 37, 44, 49, 51, 54, 55, 56, 57 dan 58 dan Fasal 61 adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengecualian dan perolehan dan fasal-fasal lain iaitu fasal 2, 3, 4(a), 45, 47, 48, 50, 56, 59 dan 60 adalah merupakan pindaan kecil atau pindaan yang berbangkit. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa menyokong?

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat Labuan 1990 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Dengan itu saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias. Dipersilakan.

### 3.23 ptg

**Datuk Haji Bashir bin Haji Alias:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang dan peluang yang telah diberikan kepada saya untuk saya turut serta dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang (RUU) Syarikat Labuan Pindaan 2022.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan beberapa pindaan seksyen yang berkaitan di dalam pindaan ini. Pertamanya ialah berkaitan Seksyen 8 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (6), subseksyen yang berikut (6A) jika berlaku keingkaran pada mematuhi seksyen ini, syarikat Labuan asing dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar melakukan sesuatu kesalahan di bawah akta ini dan penalti RM500 ribu, atau pemenjaraan selama satu tahun atau kedua-duanya.

Pada hemat saya hukuman yang diperuntukkan di dalam pindaan ini amatlah rendah dan tidak cukup tegas bagi memberikan pengajaran kepada syarikat yang bertindak dengan sengaja, mengingkari arahan dan menghalang tugas lembaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk meminta mengemukakan apa-apa buku minit, daftar ataupun rekod yang dikehendaki untuk disimpan oleh syarikat untuk diperiksa oleh lembaga atau pegawai yang diberi kuasa.

Justeru itu, pada hemat saya amaun denda tersebut perlu dinaikkan kepada RM1 juta dan penjara dua tahun bagi kesalahan yang dilakukan di bawah pindaan Seksyen 8 ini. Peningkatan jumlah denda dan penjara ini penting sebagai satu langkah efektif dan tegas terhadap mana-mana syarikat yang ingkar. Mereka bukan sahaja bertindak menghalang tugas penjawat awam, malah telah mewujudkan keraguan munasabah bahawa telah berlaku kesalahan dan pelanggaran undang-undang yang telah dilakukan oleh mereka atas keengganan untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua adalah berkaitan seksyen 10 Akta Ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen (2), subseksyen yang berikut (2A) jika berlaku keingkaran pada mematuhi seksyen ini, orang yang ingkar melakukan sesuatu kesalahan di bawah akta ini dan penalti RM100 ribu.

Pada hemat saya juga keingkaran terhadap pematuhan seksyen 10, subseksyen 2 berkaitan juruaudit yang telah diluluskan ini merupakan satu kesalahan yang tidak wajar dilakukan oleh syarikat-syarikat yang beroperasi di Labuan memandangkan di laman sesawang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan atau Labuan FSA telah menyenaraikan sebanyak 96 buah syarikat audit yang telah berdaftar bagi memudahkan urusan audit dilakukan.

Pindaan ini penting agar syarikat yang telah diaudit ini mempunyai penyata kewangan yang mengikut piawaian pelaporan entiti persendirian dan Akta Syarikat 2016. Pematuhan kepada seksyen ini juga penting bagi mengelak berlakunya penipuan audit oleh syarikat-syarikat tersebut. Justeru, pada khidmat saya amaun denda berjumlah RM100 ribu tersebut perlu dinaikkan ke RM200 ribu bagi memberi pengajaran kepada mana-mana syarikat yang gagal mematuhi seksyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga adalah berkaitan penambahan seksyen baharu 4A berkaitan larangan untuk menerbitkan syer pembawa atau waran syer pembawa. Secara tuntasnya saya bersetuju dengan penambahan seksyen baharu 46A berkaitan larangan untuk menerbitkan syer pembawa atau waran pembawa memandangkan ia tidak mewajibkan syarikat untuk mendaftar syer pembawa atau waran pembawa tersebut.

Keadaan ini membawa kepada indikasi kesukaran untuk mengenal pasti identiti pemilik semasa syer pembawa atau waran pembawa kerana pemiliknya tidak dinyatakan secara jelas. Justeru itu, sukar untuk pihak berkuasa untuk membuktikan pemilikan syer pembawa atau waran pembawa tersebut. Kelompongan ini juga memberi ruang kepada berlakunya aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, pengelakan cukai dan banyak kegiatan jenayah lain.

Oleh itu, saya bersetuju dengan penambahan yang dibuat ini memandangkan ia selari dengan hasrat Malaysia di dalam pelan tindakan di bawah Pelan Tindakan Strategik Kebangsaan yang perlu dilaksanakan pada tempoh tahun 2015 hingga tahun 2020 dan penilaian risiko yang telah dibuat ke atas Malaysia di bawah *Financial Action Task Force* (FATF) pada tahun 2014 yang menuntut agar penambahbaikan dapat dilakukan bagi memastikan negara kita tidak menjadi pusat pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Justeru itu, bagi memperkasakan lagi penambahan seksyen baharu ini, saya ingin mencadangkan agar amaun denda dan penjara turut dikenakan bagi mana-mana syarikat yang melakukan kesalahan ini bagi membuktikan komitmen Malaysia di dalam membanteras kegiatan penggubalan wang haram dan menangani keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen baharu 108a Pemunya- *Beneficial* Syarikat Labuan dan 108B kuasa syarikat untukengehendaki penzahiran maklumat Pemunya- *Beneficial*. Seperti mana yang telah disentuh sebelum ini, saya juga menyambut baik penambahan seksyen baharu 108a Pemunya- *Beneficial* Syarikat Labuan, dan 108b kuasa syarikat untukengehendaki penzahiran maklumat Pemunya- *Beneficial*. Ia adalah kerana menurut *Financial Action Task Force* (FATF), entiti-entiti seperti syarikat dan perkongsian liabiliti terhad ataupun PLT cenderung untuk menjadikan platform bagi menjadikan aktiviti penggubalan wang haram dan pembiayaan keganasan oleh individu yang bersembunyi di belakang entiti dan dikenali sebagai Pemunya- *Beneficial*.

#### ■1530

Penerbitan Kertas Panama dan Kertas *Paradise* pada tahun 2016 dan tahun 2017 serta Kertas Pandora baru-baru ini telah mendedahkan penggunaan syarikat-syarikat Asia secara meluas untuk menyembunyikan amalan penggubalan wang haram berpunca daripada kelemahan, ketiadaan maklumat Pemunya- *Beneficial*.



Justeru itu, langkah ini penting bagi menangani penyalahgunaan entiti korporat tanpa nama yang memanfaatkan kelemahan kawal selia undang-undang dalam keperluan pendedahan hak milik *beneficial* untuk menyembunyikan amalan kewangan salah dan pendanaan keganasan yang bukan sahaja menjadi cabaran pada Malaysia bahkan di peringkat global.

Selain daripada itu, bagi mengurangkan beban yang akan ditanggung oleh pihak berkuasa di samping menjadikan seksyen ini lebih efisien, saya juga ingin mencadangkan agar pihak kementerian mencontohi negara Slovakia yang mewajibkan syarikat-syarikat ini untuk mendaftar sebagai rakan sektor awam dan kemudiannya penzahiran maklumat dan data yang diberikan akan tentu sahkan ketepatannya oleh pihak yang diperuntukkan kuasa seperti peguam, menteri, bank atau penasihat cukai. Mekanisme ini sekali gus akan meringankan beban pihak berkuasa untuk menzahirkan Pemunya- *Beneficial* ini.

Sebagai penutupnya, saya amat berharap agar setiap cadangan yang saya persoalkan yang telah saya lontarkan ini diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian bagi menjadikan Labuan dapat menjadi pusat kewangan pesisir antarabangsa yang terkemuka. Akhir kalam, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2022. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumusalam*. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias atas perbincangan tadi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### **3.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengambil kesempatan untuk ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias sebagai wakil Ahli Parlimen dari Labuan kerana sudi berbahas tentang satu rang undang-undang yang sangat penting pada hari ini iaitu Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2022.

Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat Senator sedia maklum, industri kewangan pada masa kini menjadi semakin kompleks dan semakin dinamik. Dengan kemunculan teknologi dalam industri baharu juga globalisasi dan penukaran daripada segi demografi dan persekitaran pasaran yang sering berubah ini juga telah memberi peluang dan juga cabaran baharu kepada sektor kewangan Malaysia.

Maka pindaan pada hari ini ialah untuk mengemaskinikan atau, dengan izin, *to update* kita punya rang undang-undang yang berkaitan dengan kewangan supaya bidang kuasa atau kawasan *jurisdiction* Labuan ini boleh sebaik, setanding seperti *jurisdiction* yang lain.

Saya ingin terus mungkin menyentuh tentang yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir tentang seksyen 8(6A), dan seksyen 10(2A) yang berkaitan dengan amaun hukuman yang amat rendah dan perlu dinaikkan dalam RM1 juta dan perlu dipanjangkan sehingga dua tahun.

Sebenarnya cadangan hukuman ini, sebenarnya kita buat merupakan tanda aras daripada Akta Syarikat 2016, yang mana kesalahan di bawah peruntukan yang sama kita perlu selaraskan untuk mengelak berlakunya, dengan izin, *regulatory arbitrage* terhadap hukuman atas kesalahan yang bersifat sama tetapi dalam perundangan yang berbeza. Jadi kita kena *harmonize*-lah dengan Akta Syarikat 2016.

Cadangan hukuman yang pada seksyen 46 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir tadi ialah juga merujuk kepada seksyen 142 iaitu Penalti Am sebanyak RM50 ribu selepas pindaan ini dibuat. Ini merupakan kadar yang dipertingkatkan daripada jumlah sedia ada iaitu sebanyak RM10 ribu. Jadi, memang ada kenaikan.

Saya juga ingin menyentuh di sini tentang Labuan IBFC mereka telah menjalani seperti apa yang saya katakan tadi beberapa penilaian oleh badan-badan penetapan piawaian kewangan antarabangsa dari tahun 2014 hingga tahun 2017. *Mutual Evaluation Exercise* oleh *The Financial Action Task Force* (FATF) telah membuat analisis dan telah memberi cadangan dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Malaysia termasuk Labuan IBFC dalam mencegah dan membanteras aktiviti penggubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Penilaian tersebut juga merangkumi tahap pematuhan kita dan 40 cadangan daripada FATF dan tahap keberkesanan di Malaysia termasuk Labuan tentang bagaimana sistem itu dapat kita perkukuhkan.

Penilaian oleh *Forum on Harmful Tax Practices* oleh OECD pada tahun 2017 yang bertujuan untuk menilai pematuhan negara-negara ahlinya terhadap pemakaian piawaian percukaian seperti yang diperkenalkan oleh negara G20. Ia bersifat lebih untuk menangani masalah ketirisan hasil cukai dan pemindahan keuntungan.

Jadi dalam usaha untuk menangani masalah ketirisan hasil cukai dan pemindahan keuntungan OECD dan kumpulan negara G20 telah memperkenalkan standard percukaian antarabangsa yang dikenali sebagai *Base Erosion and Profit Shifting Debt Action Plan*. Kita negara Malaysia sebagai ahli bersekutu- *associated members*, dalam *Inclusive Framework* (IF), dalam *Base Erosion and Profit Shifting Debt Action Plan* tersebut, kita perlu memenuhi keperluan piawaian minimum. Salah satunya ialah Pelan Tindakan 5 BEPS (*BEPS Action 5*) yang merangkumi pencegahan amalan cukai yang memudaratkan.

Pada tahun 2017, insentif ini telah dinilai dan termasuk insentif percukaian Labuan. Bagi mematuhi percukaian antarabangsa ini, pindaan akta Labuan pada hari ini, kita kena pastikan ia dibuat supaya kita tidak disenarai-hitam sebagai satu *jurisdiction* yang *encourage* penggubahan wang haram. Kita juga perlu melunaskan komitmen kita pada FATF yang kita janji pada tahun 2017 yang lepas untuk membuat pindaan ini. Kita akan perlu pastikan yang rangka kerja percukaian Labuan ini menepati piawaian percukaian antarabangsa.

Yang Berhormat Senator juga menyentuh tentang persetujuan untuk *adapt* penambahan tentang *share warrant*. Ini adalah pindaan utama sebenarnya iaitu larangan ke atas pengeluaran *warrant share* pembawa- *bearer share warrant*. Kalau mereka yang mempunyai *share warrant* ini dan mereka hanya mempunyai kertas, mereka *effectively* pemunya syarikat. Mereka tidak perlu buat tandatangan, tidak perlu buat *data information*. Mereka perlu pegang kertas, mereka jadi *owner*.

Jadi kita larangkan perkara ini dan pengenalan juga kita peruntukan berkaitan ketelusan maklumat tentang Pemunya- *Beneficial*, atau *beneficial owner* (BO) serta keperluan juga ke atas syarikat Labuan untuk memperoleh, menyimpan rekod dan mengemas kini maklumat BO ini supaya ia boleh diakses oleh mana-mana klien ataupun potensi *investor*.

Kita juga ingin meningkatkan seperti apa yang dikatakan oleh Senator dan menyelaraskan jumlah hukuman ini di bawah pelbagai kesalahan akta ini bagi memperkemas- ini yang saya katakan tadi ia perlu seimbang dan harmoni dengan Akta Syarikat 2016. Kita juga mohon untuk peruntukan yang melarang syarikat Labuan daripada menjalani transaksi perniagaan dengan pemastautin dalam Ringgit Malaysia dan pindaan ini telah pun dikuatkuasakan ke belakang pada 1 Januari 2019. Kita juga akan memansuhkan elemen-elemen yang menyekat urusan perniagaan yang telah dikenal pasti sebagai amalan cukai yang memudaratkan oleh OECD dan FHTP.

Secara kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2022 ini di bawah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan ini adalah perlu dan penting untuk memenuhi komitmen dan obligasi kerajaan Malaysia dalam mematuhi kehendak piawaian yang telah ditetapkan oleh FATF dan OECD berkaitan pencegahan dan penggubahan wang haram dan pembiayaan keganasan serta membanteras amalan percukaian yang memudaratkan.

#### ■1540

Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk membentangkan pindaan-pindaan ini secepat mungkin yang telah diluluskan di Dewan Rakyat dan mudah-mudahan akan diluluskan di Dewan Negara ini. Sekian sahaja daripada saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa atas jawapan-jawapan yang telah diberikan tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 61** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan disokong oleh Menteri Perpaduan Negara (Datuk Halimah binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN SEKURITI LABUAN (PINDAAN) 2022**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.44 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*] dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana yang telah saya huraikan dalam pembentangan Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2022 sebentar tadi, asas-asas pertimbangan yang sama adalah turut terpakai bagi Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan (Pindaan) 2022. Ini khususnya dalam menerima pakai piawaian dan amalan kewangan antarabangsa terbaik yang disarankan oleh OECD dan mengulas komitmen yang telah diberikan pada tahun 2017 oleh OECD untuk membuat pindaan berbangkit ke atas undang-undang Labuan

bagi memansuhkan amalan cukai yang memudaratkan. Pindaan ini juga akan dikuatkuasakan ke belakang mulai 1 Januari 2019.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan (Pindaan) 2022 mempunyai empat fasal.

Fasal 1 adalah berkenaan dengan tarikh kuatkuasa pindaan iaitu pada 1 Januari 2019.

Fasal 2 dan 4 adalah berkenaan pindaan untuk memansuhkan peruntukan yang melarang transaksi antara pemastautin Malaysia dan entiti Labuan dan sekatan untuk berurusan dalam Ringgit Malaysia.

Fasal 3 ialah meminda takrif perniagaan insurans Labuan dalam seksyen 101, Akta 704 untuk menghapuskan elemen yang menyekat urusan perniagaan insurans atau takaful domestik dengan bermastautin. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta sokongan.

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias.

### **3.46 ptg.**

**Datuk Haji Bashir bin Haji Alias:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang yang diberikan kepada saya yang kali kedua pada hari ini dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan (Pindaan) 2022.

Tuan Yang di-Pertua, struktur seperti syarikat insurans kaptif yang beroperasi di luar pesisir berpotensi besar untuk berkembang di Asia sebagai mekanisme insurans diri, terutamanya dalam senario landskap risiko yang sentiasa berubah. Justeru itu, Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa perlu diberi perhatian khusus oleh pihak kerajaan.

Justeru itu, pada hemat saya, pindaan ini penting bagi memastikan sistem perundangan kewangan luar pesisir yang terdapat di Labuan kekal konsisten dan dengan piawaian peringkat antarabangsa dan amalan terbaik bagi membolehkan pelbagai produk dan perkhidmatan dapat

ditawarkan dan dikembangkan di Labuan menerusi Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC).

Justeru itu, berkaitan pindaan seksyen 101 dengan merentikan takrif perniagaan insurans Labuan kepada maksud yang lebih meluas, terdiri daripada perniagaan takaful dan takaful semula perniagaan insurans kaptif Labuan dan perniagaan insurans lain yang diluluskan oleh lembaga tetapi tidak termasuk apa-apa perniagaan insurans yang dikawal atau dilarang di bawah undang-undang bertulis selain di Malaysia.

Apa yang menarik perhatian saya adalah berhubung dengan perniagaan insurans kaptif yang mana Labuan kini berada pada kedudukan yang baik untuk dibangunkan sebagai hab insurans kaptif terkemuka di peringkat Asia dan antarabangsa.

Oleh itu, pindaan ini akan memberikan impak kepada keupayaan Labuan menerusi Labuan IBFC untuk memanfaatkan kepakaran kerana telah mempunyai peruntukan kawal selia yang kukuh dan fleksibel bagi menguruskan risiko berkaitan insurans kaptif dengan baik dan efektif.

Berdasarkan Laporan Khas Kedua Labuan IBFC 2021, Labuan IBFC menunjukkan bahawa Labuan kekal sebagai pusat kewangan insurans yang pesat berkembang di Asia, Timur Tengah dan Afrika Utara apabila Labuan kini menempatkan 232 entiti berkaitan insurans dan termasuk 64 insurans kaptif dengan Asia yang menyumbang hampir 92 peratus daripada jumlah keseluruhan insurans kaptif dan baki 8 peratus lagi berpangkalan di Amerika Syarikat dan Eropah.

Berdasarkan suku ke-tiga tahun 2021 menunjukkan bahawa jumlah premium insurans telah meningkat kepada USD71 juta disebabkan oleh premium insurans kaptif meningkat sebanyak 28 peratus dengan 18 insurans kaptif diluluskan pada suku ke-tiga tahun 2021. Melihat kepada aspek ini, prospek insurans kaptif perlu diteroka dengan lebih luas menerusi penyediaan undang-undang yang mesra pelabur memandangkan hampir 7,000 buah syarikat insurans kaptif telah ditubuhkan di seluruh dunia disebabkan oleh ia nya merupakan alat pengurusan risiko strategik yang digunakan oleh banyak syarikat di seluruh dunia.

#### ■1550

Bagi menambah baik pelaksanaan pindaan ini, saya memohon agar pihak kementerian membuat semakan terhadap keperluan kesolvenan bagi perniagaan insurans kaptif dengan melibatkan semua pemegang taruh. Perkara ini adalah penting bagi mengenal pasti keperluan model lain yang lebih sesuai dengan insurans kaptif selain daripada margin kesolvenan sedia ada seperti penggiat insurans komersial yang lain.

Selain daripada itu, perniagaan dan operasi insurans kaptif adalah lebih jauh, lebih kecil daripada penanggung insurans biasa kerana mereka menaja jaminan risiko mereka sendiri atau

risiko lain yang berkaitan dengan aktiviti kumpulan mereka sahaja. Justeru itu, aspek berkaitan perundangan dan peraturan modal yang seimbang agar selari dengan peringkat antarabangsa bagi menarik lebih ramai syarikat insurans kaptif untuk beroperasi di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan pindaan seksyen 114 Akta Ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut iaitu, "*Seorang broker insurans Labuan berlesen boleh mengendalikan insurans atau insurans semula perniagaan insurans domestik yang diurusniagakan dalam mata wang Malaysia dengan syarat bahawa aktiviti itu tidak termasuk apa-apa aktiviti yang dikawal atau dilarang di bawah undang-undang bertulis lain di Malaysia*".

Pada hemat saya, pindaan ini amat penting bagi mengelak berlakunya pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan oleh broker insurans apabila ia sebelum ini tidak dinyatakan dengan jelas di dalam peruntukkan undang-undang ini. Oleh itu, bagi penambahbaikan pelaksanaan pindaan ini, saya menggesa agar pemeriksaan aktif terhadap broker insurans secara berkala perlu dilakukan untuk memastikan pengawasan yang mencukupi dan berkesan bagi mengurangkan risiko berlakunya aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan oleh broker insurans yang tidak bertanggungjawab di Labuan.

Diharapkan agar pindaan ini akan membolehkan potensi perkhidmatan kewangan dan sekuriti Labuan terutamanya berkaitan perniagaan insurans kaptif di Labuan berupaya untuk terus berkembang dan mampu menarik bakal pelabur serta mengukuhkan kedudukan Labuan IBFC setanding dengan fasal kaptif terkemuka lain.

Memandangkan Labuan IBFC telah membuktikan keupayaan apabila berjaya memenangi Anugerah Domicile Kaptif Antarabangsa buat pertama kali pada Anugerah Kajian Kaptif Eropah pada tahun 2021 selepas memenangi *Domicile Asian* terbaik selama tiga tahun berturut-turut di Anugerah Kajian Kaptif Asia dan Labuan IBFC turut dikira sebagai *Captive Insurance Jurisdiction of the Year* oleh *China Offshore Award* pada tahun 2019.

Akhir kata, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan (Pindaan) 2022. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam*. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias atas perbahasannya tadi.

Seterusnya, ingin menjemput pembahas yang kedua Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ahfang bin Suan.

**3.54 ptg.**

**Datuk Bobbey Ahfang bin Suan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta berbahas berkaitan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan (Pindaan) 2022 ini.

Saya berpandangan bahawa pindaan rang undang-undang ini adalah lebih kurang sama dengan Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2022 dan juga Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan Islam (Pindaan) 2022.

Ketiga-tiganya adalah bertujuan untuk memastikan akta-akta di bawah Labuan menjadi lebih efektif, terkini dan boleh memenuhi keperluan sektor kewangan yang sentiasa berubah. Sebagai sebuah hab perdagangan pesisir pantai, sejak penubuhan Pusat Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa (IBFC) Labuan pada tahun 1990, saya percaya melalui pindaan 2022 ini kita boleh mengejutkan sebuah bandar yang dikenali sebagai bandar tidur.

Walaupun pada hakikatnya dalam bidang kewangan pesisir, Labuan lebih sesuai dikenali sebagai gergasi yang sedang tidur. Perlu diambil maklum IBFC yang dikawal selia oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA) telah membuktikan ketibaannya dalam pembangunan industri perkhidmatan kewangan sejak 30 tahun ditubuhkan. Semenjak tahun 2020, industri kaptif misalnya telah berkembang di Labuan. IBFC telah menaungi 55 buah syarikat insurans kaptif. Labuan juga telah dianugerahkan sebagai pemegang pusat kaptif antarabangsa oleh *European Captive Review Award* pada tahun 2021 atas dasar peraturan yang moden, fleksibel dan inovatif.

Ini merupakan satu pencapaian yang agak baik oleh Labuan dan ia menunjukkan yang ia boleh menjadi sebuah pusat kewangan yang mempunyai pengawalseliaan yang teratur dan mempunyai struktur kaptif yang tersendiri seperti juga Hong Kong dan Singapura. Sektor ini sebenarnya akan terus berkembang dan akan wujud peningkatan permintaan baik dari pelbagai struktur yang ditawarkan oleh Labuan IBFC yang terdiri daripada kaptif tunggal atau *pure single captive*, dengan izin, dalam persatuan kaptif bersama ataupun *mutual association captive* dan kaptif sewaan, *rental captive*.

Maklumi bahawa jumlah premium kasar bagi perniagaan insurans kaptif di Labuan telah meningkat sebanyak 8.7 peratus kepada USD497.5 juta berbanding tahun 2019 hanya sekadar USD457 juta iaitu 45.4 peratus daripada jumlah premium tersebut adalah daripada pasaran antarabangsa. Sesuatu yang sangat memberangsangkan. Boleh dikatakan Labuan IBFC telah mengembang lebih sepuluh kali ganda semenjak 30 tahun dahulu di mana kini lebih daripada 5,000 buah syarikat yang berasal daripada 125 buah negara yang beroperasi di Labuan dan jumlah ini termasuk hampir 900 entiti berlesen seperti bank insurans, pengurus dana dan syarikat amanah Labuan dan sebagainya.



Labuan kini turut dikatakan sebagai destinasi tumpuan kepada *reinsurance wholesale intermediation market*, dengan izin, dan dengan lebih 220 orang pemegang lesen serta satu-satunya di Asia yang membenarkan struktur *Protected Cell Company* (PCC) dengan lebih sepuluh buah lesen dibenarkan. Bukan itu sahaja, setakat ini Labuan telah mengeluarkan *the first USD dominated exchangable sukuk* yang menjadikan Malaysia terus unggul sebagai pemimpin global dalam pengeluaran *sukuk*.

Penglibatan dalam bidang *Fintech* dan juga *Islamic Green Financing* juga akan membantu menaikkan nama Labuan sebagai Hab Pesisir Pantai yang diidamkan.

#### ■1600

Oleh sebab itu sebagai langkah keselamatan bagi melindungi kewibawaan dan integriti sistem dan imej negara yang berdaulat rang undang-undang ini perlu disokong. Demi memastikan ia bukan sahaja lebih kemas dan efektif dalam urus tadbirnya, malah ia perlu selaras dengan keperluan legalisme antarabangsa iaitu syor yang dibuat oleh *Mutual Evaluation Financial Action Taskforce* agar Akta 441 berkaitan pengubahan wang haram dan anti pembiayaan aktiviti pengganas dapat dielakkan.

Dengan itu kita akan dapat menyahut seruan dalam Pelan Tindakan Strategik Nasional ataupun *National Strategic Action Plan 2020*. Juga bagi memenuhi standard piawai antarabangsa yang disyorkan oleh OECD, Malaysia dan kumpulan negara G20 berkewajiban untuk memenuhi syarat minimum *BEPS Action 5* di mana setiap negara ahli harus mengatasi sistem percukaian yang memudaratkan bukan sahaja untuk industri tetapi juga untuk para pelabur. Barulah nanti Labuan IBFC menjadi pilihan yang selamat untuk para peniaga dan pelabur menjalankan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kendatipun begitu perlu disedari sekiranya kerajaan fokus untuk membangunkan sesuatu kawasan sebagai hab antarabangsa, ia perlu juga mengambil kira kesan ekonomi kepada penduduk sekitar. Labuan IBFC menyumbang sebanyak RM4.6 bilion kepada hasil kutipan fiskal negara bagi tahun 2019 dan 2020. Pada hemat saya adalah wajar sumbangan ini kembali dinikmati oleh penduduk Labuan yang berjumlah lebih kurang 100 ribu orang setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 16 April 1984 Labuan telah dijadikan Wilayah Persekutuan untuk dimajukan dan dijadikan hab pembangunan. Meski gah pada *numerical* hakikatnya Labuan masih ketinggalan daripada segi material dari Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sewajarnya apa yang kerajaan pusat yang telah dan sedang lakukan di Wilayah Kuala Lumpur dan Putrajaya maka tidak mungkin kerajaan tidak dapat memikirkan sesuatu yang lebih menyerikan di Labuan. Inilah yang dipersoalkan oleh beberapa orang pemimpin sama ada di luar atau pun di dalam kerajaan

Sabah. Justeru itu saya berharap agar pihak kementerian dan kerajaan mengambil peduli dengan lebih teliti masalah seperti ini kerana kami di Sabah dengan Labuan bukanlah orang lain melainkan keluarga dekat yang mana dicubit paha kiri, paha kanan turut terasa.

Tuan Yang di-Pertua akhir kata usul ini tetap perlu disokong demi memastikan pembangunan industri kewangan di Labuan lebih selamat dan maju ke hadapan. Sekian dan saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas sumbangan bahas.

Dan sekarang dengan hormatnya dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### 04.05 ptg

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih kepada kedua-dua pembahas Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias dan Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ahfang bin Suan.

Saya ingin maklumkan kepada ahli Yang Berhormat Senator dan juga Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 2020 industri kaptif seperti apa yang dikatakan oleh kedua-dua senator memang telah berkembang dan rancaknya dan kini Labuan IBFC merupakan tuan rumah kepada 55 buah syarikat insurans kaptif dan Labuan juga telah dianugerahkan sebagai pemenang pusat kaptif antarabangsa oleh *The European Captive Review Awards* bulan November 2021 atas dasar peraturan yang moden, fleksibel dan inovatif.

Kita boleh katakan ini merupakan satu pencapaian boleh dibanggakan memandangkan Labuan lebih menonjol kalau berbanding dengan pusat kewangan yang lain kerana pengawal seliaan yang teratur dan ia juga mempunyai struktur kaptif yang tersendiri berbanding dengan Hong Kong dan Singapura misalnya.

Sektor ini akan terus berkembang dengan wujudnya peningkatan permintaan bagi pelbagai struktur yang ditawarkan oleh Labuan IBFC yang terdiri dari kaptif tunggal atau *pure single captive*, dengan izin, dan persatuan kaptif bersama- *mutual and association captive* dengan izin, dan kaptif sewaan- *rental captive*, dengan izin.

Jumlah premium kasar bagi perniagaan insurans kaptif telah meningkat sebanyak 8.7 peratus kepada USD497.5 juta di mana 2019 ia USD457.5 juta di mana 65.4 peratus daripada jumlah premium tersebut adalah daripada pasaran antarabangsa. Labuan IBFC telah berkembang lebih 10 kali ganda semenjak 25 tahun dahulu di mana kini terdapat lebih daripada 5,000 buah syarikat yang berasal daripada 125 buah negara yang beroperasi di dalam Labuan

dan jumlah ini termasuk hampir 900 entiti berlesen seperti bank, insurans dan pengurus dana, Syarikat Amanah Labuan dan sebagainya.

Sehingga Oktober 2021 sebanyak 5,293 jumlah syarikat yang beroperasi di Labuan IBFC dan pecahan syarikat ini ialah berdasarkan aktiviti dan syarikat Labuan yang menjalankan aktiviti perdagangan misalnya adalah ada 3,049, yang bukan perdagangan 1,867 buah syarikat dan kedua-dua aktiviti perdagangan dan bukan perdagangan adalah 377 buah syarikat. Menarik penubuhan entiti yang menjalankan perkhidmatan akaun digital setakat tahun 2020 sebanyak enam buah bank Labuan dan juga bank pelaburan Labuan yang telah menawarkan perkhidmatan perbankan digital yang telah dilesenkan di Labuan.

Di samping itu ada juga dua buah bursa saham digital juga telah diluluskan di Labuan. Secara keseluruhan sebanyak 90 entiti berlesen yang telah dilesenkan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan digital yang mana 33 daripadanya adalah terlibat dalam aktiviti pembrokeran wang. Bagi aktiviti pembrokeran insurans Labuan, jumlah pendapatan premium oleh broker insurans Labuan telah meningkat sebanyak 24.8 peratus kepada USD1.1 bilion dan perniagaan insurans am yang telah menyumbang sebanyak 86.3 peratus daripada jumlah pendapatan premium yang sebahagian besarnya peroleh daripada pasaran antarabangsa.

Fi pembrokeran diperoleh daripada broker insurans Labuan turut meningkat sebanyak 13.4 peratus kepada USD56.7 juta. Selain itu pada tahun 2020 juga industri Takaful Am juga menunjukkan prestasi yang baik yang memberangsangkan mencatatkan pertumbuhan sumbangan kasar 13.8 peratus iaitu bersamaan dengan USD114.5 juta pada tahun 2020. Sumbangan kasar bagi sektor takaful semula diterajui oleh sektor motor adalah pada kadar 58.2 peratus atau USD66.7 juta.

Pelancaran rangka kerja perbankan di Labuan pada 2020 akan menarik lagi pemain baharu ke dalam ruang perbankan digital dan berupaya untuk bersaing dengan pusat kewangan antarabangsa utama yang lain. Ini adalah selaras dengan pendekatan Labuan IBFC yang progresif dan memudahkan industri kewangan dan mencipta persekitaran yang kondusif secara digital dan diharapkan juga Labuan IBFC akan terus menarik perniagaan kewangan digital dari Asia yang telah meluaskan jangkauannya menarik pemain baru dari rantau ini.

#### ■1610

Selain daripada itu, syarikat-syarikat yang dulunya berasal di Hong Kong dan Singapura, sudah mula ada juga yang bertapak di Labuan IBFC. Setakat bulan Disember 2021, syarikat yang berasal dari Singapura sebanyak 325 buah syarikat manakala ada 126 buah syarikat yang berasal dari Hong Kong. Ini menunjukkan tanda yang bahawa Labuan juga telah menjadi sebuah destinasi

pusat kewangan dan perniagaan antarabangsa yang tidak kurang hebatnya dengan Singapura dan Hong Kong.

Jadi maka itu, kita kena pastikan rang undang-undang yang kita kenakan ini kita perlu luluskan secepat mungkin supaya kita kekal relevan di pasaran kewangan antarabangsa. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Perpaduan Negara (Datuk Halimah binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN SEKURITI ISLAM LABUAN (PINDAAN) 2022**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sukacita dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**4.15 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana yang saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita minta penyokong. Sudah? Baik, ya.

**Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya huraikan dalam pembentangan RUU Syarikat Labuan (Pindaan) 2022 dan RUU Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan (Pindaan) 2022 sebentar tadi, asas-asas pertimbangan yang sama juga adalah turut terpakai bagi RUU Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan (Pindaan) 2022.

Ini khususnya dalam menerima pakai piawaian dan amalan kewangan antarabangsa terbaik yang disarankan oleh OECD dan melunaskan komitmen kerajaan yang telah diberikan kepada OECD pada tahun 2017 untuk membuat pindaan berbangkit ke atas undang-undang Labuan bagi memansuhkan amalan cukai yang memudaratkan. Pindaan ini juga akan dikuatkuasakan ke belakang mulai 1 Januari 2019.

Tuan Yang di-Pertua, RUU Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan (Pindaan) 2022 juga mempunyai empat fasal pindaan.

Fasal 1 adalah berkenaan dengan tarikh kuat kuasa pindaan itu pada 1 Januari 2019.

Fasal 2 dan 4 merupakan pindaan untuk melunaskan komitmen Kerajaan Malaysia kepada OECD dengan memansuhkan peruntukan yang menyekat transaksi antara pemastautin Malaysia dengan entiti Labuan dan menjalankan transaksi dalam mata wang Ringgit Malaysia.

Fasal 3 ialah meminda takrif, "*Perniagaan takaful Labuan*" dalam seksyen 76 [Akta 705] untuk menghapuskan elemen yang menyekat urusan perniagaan takaful domestik dengan pemastautin yang telah dikenal pasti sebagai amalan percukaian yang memudaratkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuat, kuat sedikit.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diterima... [Tepuk] Ahli-ahli Yang Berhormat, tugas kita sekarang ialah terbuka untuk dibahaskan.

Tertera dalam senarai Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir.

**4.17 ptg.**

**Datuk Haji Bashir bin Haji Alias:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk saya ikut serta dalam perbahasan RUU Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan (Pindaan) 2022.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyentuh berkenaan pindaan seksyen 76 akta ibu dipinda dengan menggantikan takrif "*Perniagaan takaful Labuan*" dengan takrif yang berikut iaitu "*Perniagaan takaful Labuan*". Ertinya, perniagaan takaful termasuklah perniagaan takaful kaptif Labuan, perniagaan takaful semula Labuan dan perniagaan takaful lain yang diluluskan oleh Lembaga tetapi tidak termasuk apa-apa perniagaan takaful yang dikawal atau dilarang di bawah undang-undang bertulis lain di Malaysia.

Pada hemat saya, tujuan pindaan ini adalah untuk memperluaskan skop pengertian takaful oleh pihak kerajaan. Perkara ini penting memandangkan takaful merupakan antara perkara yang kian berkembang pesat di Malaysia. Berdasarkan *Laporan Tinjauan Kestabilan Kewangan-Separuh Kedua 2020*, Bank Negara Malaysia menunjukkan dana insurans dan takaful mencatat keuntungan yang lebih tinggi pada separuh ke-dua tahun 2020 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2019. Didorong oleh prestasi pelaburan dana insurans hayat dan takaful keluarga yang lebih kukuh, lebih pendapatan berbanding perbelanjaan meningkat lebih dua kali ganda kepada RM16.8 bilion pada tahun 2020 berbanding RM7.7 bilion pada tahun 2019.

#### ■1620

Manakala agensi penarafan kredit *Fitch Ratings* menyatakan bahawa pasaran takaful di Malaysia yang diterajui oleh takaful keluarga meningkat sebanyak 46.7 peratus pada separuh pertama tahun 2021 berbanding 7.08 peratus dalam tempoh yang sama pada tahun 2020. Tambahan pula, menurut Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, Malaysia merupakan pasaran takaful ketiga paling besar di dunia dengan ekosistem kewangan Islam yang rancak termasuk perbankan Islam, perbadanan patuh syariah, pengurus dana Islam dan industri halal yang memerlukan produk takaful.

Justeru itu, keadaan ini sekali gus menunjukkan bahawa industri takaful di Malaysia berpotensi berkembang pesat selaras dengan perkembangan industri perbankan Islam. Takaful kini menjadi insurans pilihan bukan sahaja kepada rakyat Malaysia tetapi juga kepada dunia. Perkara ini diakui oleh *Deloitte Touche Tohmatsu Limited* apabila nilai pasaran takaful global mencecah RM115.7 bilion bersamaan dengan USD27.6 bilion pada tahun 2021 dan dijangka meningkat kepada RM208.7 bilion bersamaan dengan USD49.8 bilion pada tahun 2027.

Perkembangan memperlihatkan tawaran alternatif terbaik dalam pengendalian dan pengurusan risiko secara islamik, maka peluang untuk memperkasakan bidang takaful ini perlu kita sambut agar ia mampu memberikan impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu, pada hemat saya, inisiatif kerajaan melakukan pindaan ini adalah amat tepat bagi membolehkan pembangunan kewangan Islam berjalan dengan teratur dan mengikut kehendak Islam dan mengekalkan keyakinan pelanggan.

Persekitaran syariah yang kondusif juga memastikan Malaysia kekal sebagai pusat kewangan dan pelaburan Islam terbaik di peringkat antarabangsa. Melihat kepada kepentingan perlindungan takaful ini, saya memohon agar kerajaan memberi perhatian agar mewajibkan setiap majikan menyediakan perlindungan takaful kepada para pekerja dalam sektor berisiko bagi menjamin nasib pekerja kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan pindaan seksyen 90 akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut iaitu, "*Seseorang broker takaful Labuan berlesen boleh mengendalikan takaful atau takaful semula perniagaan dan takaful domestik, yang diurusniagakan dalam mata wang Malaysia dengan syarat bahawa aktiviti itu tidak termasuk apa-apa aktiviti yang dikawal atau dilarang di bawah undang-undang bertulis lain di Malaysia.*"

Pada hemat saya, pindaan ini penting bagi mengelakkan berlakunya perubahan wang haram dan pembiayaan keganasan oleh broker takaful. Sehubungan dengan itu, bagi menambah baik pelaksanaan pindaan ini, saya menggesa agar pemeriksaan aktif terhadap broker takaful dapat dilakukan secara berkala bagi mengelak berlakunya aktiviti perubahan wang haram dan pembiayaan keganasan bagi mengelakkan Labuan menjadi satelit kepada aktiviti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat sistem kewangan Islam kini muncul sebagai sebuah komponen yang berdaya maju dan teguh dalam keseluruhan sistem kewangan melengkap sistem kewangan konvensional. Prestasi kewangan Islam yang ada di Malaysia menunjukkan bahawa ia mempunyai potensi untuk kekal cerah dalam tempoh pasca COVID-19 berikutan prinsipnya yang inklusif serta menggalakkan kestabilan kewangan. Ia dibuktikan apabila Malaysia meraih kedudukan pertama dalam Indikator Pembangunan Kewangan Islam ataupun IFDI pada tahun 2021.

Tambahan pula, Malaysia berpotensi menjadi pemimpin dunia dalam teknologi kewangan Islam ataupun FinTech kerana negara ini telah menunjukkan pertumbuhan yang stabil dalam pelaburan dan aktiviti FinTech. Melihat kepada keadaan ini, sudah pasti Malaysia berupaya untuk menjadi tonggak utama hab kewangan Islam di dunia.

Dalam konteks ini, suka untuk saya melihat bahawa Labuan amat sesuai untuk dijadikan lokasi hab kewangan Islam di negara ini dan di peringkat global. Ini kerana Labuan sendiri telah menjadi tempat operasi institut kewangan terkemuka berbanding lebih 100 buah negara di dunia termasuk institusi kewangan Islam. Berdasarkan Laporan Pasaran Labuan IBFC pada tahun

2020, terdapat 20 buah perbankan Islam yang berlesen di bawah aktiviti perkhidmatan perniagaan dan kewangan.

Justeru itu, bagi memperkasakan lagi perkhidmatan kewangan dan sekuriti Islam, saya ingin mencadangkan agar kerajaan untuk memberi perhatian khusus dalam aspek ini bagi menjadikan Labuan sebagai hab kewangan Islam di peringkat global.

Justeru, bagi memastikan Labuan kekal kompetitif dan berdaya saing ke arah menjadikannya sebagai hab kewangan antarabangsa, saya melihat beberapa aspek perlu diberi perhatian dan pertimbangan lanjut oleh pihak kerajaan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengemukakan beberapa cadangan.

Pertama, kerajaan perlu membangunkan sektor kewangan ataupun *niche* baru seperti kewangan Islam yang dapat diperluaskan untuk menjadi sektor utama memacu pertumbuhan Labuan.

Kedua, kerajaan perlu menjalankan penambahbaikan ekosistem perniagaan sedia ada dan pemudah cara prasarana untuk memudahkan perniagaan pasaran *niche* kewangan Islam.

Ketiga, kerajaan perlu memperluaskan produk patuh syariah untuk menggalakkan pertumbuhan kewangan Islam.

Keempat, kerajaan perlu mempelbagaikan tumpuan perniagaan berteraskan Islam menerusi sektor-sektor matang.

Kelima, Labuan perlu dibentuk juga menjadi hab ekonomi Islam serantau terutamanya Asia, meningkatkan komersial perkhidmatan kewangan dan pasaran yang inovatif serta pelbagai.

Keenam, kerajaan perlu memodenkan dasar kawal selia dan penguatkuasaan peraturan percukaian sedia ada di Labuan bagi meningkatkan integriti ekonomi. Ini kerana dasar cukai sedia ada tidak mesra pelabur dan menghalang produktiviti serta daya saing Labuan untuk berkembang sebagai hab kewangan Islam antarabangsa.

Ketujuh, kerajaan perlu memberi inisiatif melewati skop perniagaan kewangan selaras dengan agenda pembangunan Labuan bagi memacu pertumbuhan.

Kelapan, kerajaan perlu menggalakkan perniagaan teknologi kewangan melalui inkubator teknologi perniagaan.

Kesembilan, kerajaan perlu menyediakan infrastruktur bertaraf dunia menerusi usaha untuk meningkatkan penembusan jalur lebar, meningkatkan pembangunan infrastruktur fizikal secara berterusan bagi meningkatkan akses dan perhubungan.

Kesepuluh, kerajaan perlu memperluaskan produk patuh syariah untuk menggalakkan pertumbuhan kewangan Islam.



Kesebelas, meningkatkan penggunaan, memperkemas proses berkaitan, mengurangkan kos serta menambah ketelusan institusi kewangan Islam dengan mengoptimumkan teknologi kewangan ataupun FinTech Islam agar ia lebih berdaya tahan berbanding dalam bentuk konvensional.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perbincangan saya sebentar tadi, saya ingin merumuskan secara ringkas bahawa kerajaan perlu memberi perhatian terhadap usaha untuk memperkasakan perkhidmatan dan sekuriti Islam bagi menjadikan Labuan sebagai hab kewangan Islam antarabangsa. Perkara ini penting memandangkan perkembangan pasaran kewangan Islam Labuan yang positif dan berpotensi untuk dibangunkan sekiranya semua faktor yang telah dibincangkan sebentar tadi dapat diambil perhatian serius oleh pihak kerajaan.

Saya amat yakin dan percaya bahawa perkara-perkara yang dinyatakan tadi dapat direalisasikan memandangkan ia berpotensi menjadi agen pertumbuhan ekonomi Labuan pada masa hadapan.

Mengakhiri ucapan, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan (Pindaan) 2022. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias.

Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

#### ■1630

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir atas perbincangan tadi dan cadangan-cadangan yang diberikan itu kita ambil maklum terutama untuk memastikan Labuan pada masa akan datang boleh diperhebat dan boleh dinobatkan- *insya-Allah* sebagai Hab Kewangan Islam Antarabangsa yang terkemuka di dunia.

Pada tahun 2020, industri takaful am memang menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan mencatatkan sumbangan kasar sebanyak 13.8 peratus atau bersamaan dengan USD114.5 juta pada tahun 2020 yang mana pada tahun 2019 ia USD100.6 juta. Sumbangan kasar bagi sektor takaful semula adalah pada kadar 58.2 peratus atau USD66.7 juta yang mana tahun 2019 ia di tahap USD55.3 juta.

Pelan hala tuju strategik Labuan IBFC 2022-2026 akan membawa lebih banyak peluang pembangunan pada Labuan. Kita juga membuat fokus baharu kepada sektor-sektor seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator, sektor yang berkaitan kewangan digital, kaptif, dan kewangan Islam secara digital. Selain daripada memperkukuhkan aktiviti perniagaan sedia ada,

kita menjangkakan kita mengusahakan dapat lebih banyak lagi aktiviti yang saya sebut tadi, yang perniagaan kewangan berasaskan digital, insurans kaptif, insurans dalam kumpulan sendiri dan kewangan Islam secara digital.

Labuan IBFC sudah tentu juga sentiasa melihat apa juga sebarang peluang bagi memperluaskan pangkalan agihan di Labuan dengan menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat amanah dan ejen-ejen pendaftaran antarabangsa menubuhkan syarikat mereka secara fizikal di Labuan.

Selain itu, pelancaran rangka kerja pembangunan digital Labuan pada tahun 2020 akan menarik para pemain baharu ke dalam ruang pelaburan digital dan berupaya untuk bersaing dengan pusat kewangan antarabangsa utama yang lain. Ini adalah selaras dengan pendekatan Labuan IBFC yang progresif dan memudahkan industri kewangan dan mencipta persekitaran yang kondusif secara digital. Labuan IBFC juga akan terus menarik persekitaran yang kondusif dan juga menarik perniagaan lain juga daripada kewangan digital dari Asia dan mereka telah pun meluaskan jangkauan mereka untuk menarik pemain-pemain baharu dari rantau ini.

LFSA juga akan sentiasa memantau dengan penuh teliti semua aktiviti perniagaan takaful termasuk pembrokeran takaful dan LFSA. LFSA juga bekerjasama dengan semua badan pengawal selia yang lain termasuk Bank Negara Malaysia untuk memastikan aktiviti seperti penggubahan wang haram dan sebagainya dan aktiviti berikut tidak mempunyai elemen risiko yang boleh merosakkan nama Labuan. Di samping itu, LFSA juga menggunakan pendekatan penyeliaan berdasarkan risiko, *risk based supervision* dengan izin, agar tahap pemantauan perbadanan dengan risiko-risiko perniagaan yang dijalankan oleh entiti Labuan.

Tambahan lagi kita juga mempunyai proses Usaha Wajar Pelanggan- *Customer Due Diligence*, dengan izin. Kita juga mempunyai *Electronic Know-Your-Client (eKYC)* yang turut menjadi salah satu langkah utama dalam pencegahan penggubahan wang haram. Mungkin itu sahaja daripada saya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat kini dikemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Perpaduan Negara ([Datuk Halimah binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]*

## **USUL**

### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 17(1)**

#### **Penjualan Aplikasi MySejahtera Kepada Pihak Ketiga dan Jaminan Keselamatan Data Peribadi Jutaan Rakyat Malaysia**

#### **4.37 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang telah diputuskan pada pagi tadi, bahawa suatu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) telah dibenarkan untuk dibahaskan. Saya sekarang memulakan perbahasan Usul ini. Pihak pencadang akan diberi sedikit masa tetapi tidak melebihi daripada jangkaan yang telah dimaklumkan. Pihak kerajaan juga diberi tahap sedemikian.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip untuk perbahasan ke atas usul. Silakan.

#### **4.38 ptg.**

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim...* *[Membaca sepotong doa]* Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Junjungan Mulia Nabi Muhammad SAW.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hormat dan takzimnya saya mohon izin selaras dengan Peraturan Mesyuarat 17(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara agar Majlis Mesyuarat ditangguhkan bagi membincangkan perkara berikut. Membahaskan berkenaan kontroversi keselamatan data peribadi rakyat Malaysia dalam aplikasi MySejahtera susulan langkah memilih sebuah syarikat swasta iaitu MySJ Sdn. Berhad untuk meneruskan pengurusan aplikasi MySejahtera yang mana beberapa orang individu penting di dalam syarikat swasta ini mempunyai hubungan serta kaitan secara langsung dengan KPISoft Malaysia Sdn. Berhad iaitu syarikat yang membangunkan aplikasi MySejahtera.

Usul ini juga merupakan Usul yang berkehendakkan disegerakan kerana wujud kekhuatiran dalam kalangan rakyat bahawa kemungkinan ada data-data peribadi mereka yang boleh disalahgunakan dan jika itu berlaku, ia hanya mencetuskan kemarahan rakyat kepada kerajaan. Selain itu, usul-usul yang saya kemukakan ini juga melibatkan kepentingan orang ramai yang memerlukan penjelasan segera secara terperinci oleh Kementerian Kesihatan kerana MySejahtera adalah satu-satunya aplikasi tunggal yang diwajibkan penggunaannya ke atas rakyat.

■1640

Sebarang kegagalan untuk pihak kerajaan tampil menjawab persepsi dakwaan serta tuduhan mengenai kontroversi MySejahtera ini hanya akan memberi mesej yang salah kepada rakyat dan akan merencatkan serta mencacatkan usaha memerangi pandemik COVID-19. Sehubungan itu, saya dengan rendah diri memohon Usul ini dibenarkan agar Dewan yang mulia ini dapat membincangkan serta membahaskan perkara yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya buka tirai ucapan pada hari ini dengan dua rangkap pantun;

*Awal Bismillah pembuka bicara;  
Memikul amanah di Dewan Negara.  
Ini bukan usul biasa;  
Usul membahas isu MySejahtera.... [Tepuk]*

*Putera Rembau Yang Berhormat Menteri;  
Tanah Melaka lahirnya saya.  
Biar terlerai resah di hati;  
Demi agama, bangsa dan negara... [Tepuk]*

Dapat sambutan ya? [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya aturkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kali ini saya bangkit mengemukakan Usul yang cukup penting yang saya kira bakal tercatat dalam jendela sejarah negara bahawa kita semua- Ahli Yang Berhormat di Dewan ini sesungguhnya mengambil suatu tanggungjawab menjadi jurucakap rakyat bagi merungkaikan suatu isu dan masalah yang cukup dekat di hati mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk menegaskan bahawa Usul ini merupakan Usul kita di Dewan Negara, dan bukannya Usul daripada Menteri.

Biarlah saya jelaskan di sini, idea mengemukakan Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) ini timbul apabila Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Yang di-Pertua Dewan kita ini menzahirkan rasa resah dan gelisahnyanya, kebimbangan beliau tentang

keselamatan segala data peribadi rakyat yang terkandung dalam aplikasi MySejahtera yang berkemungkinan terdedah kepada salah guna dan manipulasi pihak tertentu.

Usah dikatakan Tuan Yang di-Pertua, kita sendiri juga yang berada di Dewan ini dan rakyat jelata keseluruhannya juga terkesan dengan kebimbangan ini. Oleh sebab itulah Usul ini dikemukakan dan menuntut jawapan daripada kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat maklum balas daripada rakan-rakan kita di Dewan ini bahawa ramai yang akan mengambil bahagian untuk membahaskan Usul ini.

Justeru itu, jika ada belas pertimbangan Tuan Yang di-Pertua dalam hal ini, saya mohon sudi apalah kiranya masa perbahasan ini dapat kita lanjutkan sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Syabas dan tahniah serta terima kasih yang tidak terhingga kepada pegawai-pegawai kementerian- Menteri saya tak nampak lagi... *[Disampuk]*

**Beberapa Ahli:** Ada... *[Ketawa]*

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Sudah ada? Selamat datang Yang Berhormat Menteri.

Syabas dan tahniah, serta terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Menteri dan Pegawai Kanan Kementerian Kesihatan yang sudi hadir pada hari ini untuk mendengar Usul perbahasan berhubung isu ini.

Untuk itu rakan-rakan sekalian, saya mohon kita berikan tepukan meja yang bergemuruh buat mereka berdua... *[Tepuk]*

Harapan kita di akhir perbahasan yang singkat ini, segala kekusutan, segala kekeliruan, segala persoalan dan segala kebimbangan dapat diperjelaskan dan dirungkaikan oleh Yang Berhormat Menteri. Kita di Dewan yang mulia ini bertanggungjawab menyediakan lapangan bagi menepis segala tohmahan terhadap kewibawaan Kementerian Kesihatan. Ini kerana sebagai kerajaan, kementerian yang penting ini tidak boleh terpalit dengan apa jua kontroversi.

Tuan Yang di-Pertua, telah bertiup khabar angin desas-desus dakwaan, tuduhan serta persepsi kurang enak terhadap aplikasi MySejahtera sehingga ia menjadi modal politik pihak tertentu yang menjajakan cerita di sana sini demi meraih undi dan kepentingan politik. Saya sebenarnya tidak suka dengan apa yang saya dengar, tetapi perlu juga saya membangkitkannya di Dewan yang mulia ini.

Ada yang menyatakan ada orang buat duit dengan MySejahtera. Ada yang membangkitkan kenapa *server* MySejahtera ini berada dan berpangkalan di Singapura. Kenapakah Singapura? Kenapakah tidak memanfaatkan Cyberjaya? Ada yang mempersoalkan,

mengapa ada orang asing dalam aplikasi MySejahtera. Sudah hilangkah cerdik pandai daripada kalangan kita rakyat Malaysia?

Ada yang bertanya, mengapa syarikat swasta MySJ Sdn. Berhad dipilih untuk mengurus aplikasi ini, tidak melalui Tender Terbuka? Ukuran apa yang digunakan dalam memilih syarikat MySJ Sdn Berhad ini?

Ada juga yang pelik bagaimana beberapa orang individu penting dalam syarikat KPISoft (M) Sdn Berhad iaitu syarikat yang membangunkan aplikasi MySejahtera ini boleh berada dalam Syarikat MySJ Sdn Berhad? Ertinya, muka yang sama berada di syarikat baharu. Operasi ini seolah-olah menukar baju sahaja- sedangkan tubuh yang sama, hanya memakai baju baharu.

Lebih merisaukan saya, ada dakwaan menyatakan kos pengambilan pengurusan aplikasi MySejahtera ini menelan belanja ratusan juta Ringgit. Dakwaan ini sedang berlegar, tetapi betul atau tidak dakwaan ini, kita tunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Selama ini dalam nak memerangi COVID-19, kita tidak pernah bertanya tentang peranan Pharmaniaga. Kita juga tidak pernah bertanya dan mempersoalkan berapa harga vaksin yang mereka ditawarkan, dan berapa pula keuntungan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesemua hal serta isu yang sedang berlegar-legar ini, perkara paling pokok merupakan soal keselamatan data peribadi rakyat. Kerajaan membangunkan aplikasi MySejahtera ini adalah untuk mengekang penularan COVID-19, tetapi jika keselamatan data peribadi rakyat menjadi taruhannya, sudah barang tentu ia amat mendukacitakan kita.

Justeru, Dewan ini mahukan jaminan keselamatan dari Yang Berhormat Menteri bahawa semua data peribadi rakyat Malaysia ini tidak akan sesekali tergadai serta disalahgunakan dan dimanipulasikan oleh pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, jaminan ini tidak cukup sekadar di mulut sahaja, tetapi harus dibuktikan melalui tindakan konkrit dengan menutup segala ruang yang telah saya bangkitkan tadi. Jangan jadi seperti data dan nombor telefon bimbit kita, ada jaminan daripada syarikat *telco* dan kerajaan bahawa data-data ini akan dilindungi, tetapi hari ini hakikatnya, saban hari kita diganggu dan dihubungi oleh para *scammer*. Kementerian Kesihatan perlu mengambil iktibar daripada hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita penuh yakin dan percaya setiap penyakit ada ubatnya. Setiap persoalan ada jawapannya dan setiap isu ada penyelesaiannya. Kita yakin dengan kemampuan Yang Berhormat Menteri untuk merungkaikan semua permasalahan yang dibangkitkan dalam isu ini.

Dengan itu, saya mohon mencadangkan Usul ini untuk dibahaskan di Dewan yang mulia ini. *Wabillahaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan... [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Pengemukaan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip telah pun didengar dan hujah-hujah beliau sedemikian seperti yang dikemukakan oleh beliau. Oleh sebab masalah di hadapan Majlis hari ini melibatkan kepentingan begitu ramai rakyat, saya dapati begitu ramai pula Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara yang ingin muncul membahaskannya.

Oleh sebab ada 12 orang Ahli-ahli Yang Berhormat, maka kita harus membuat ikatan persefahaman supaya setiap Ahli yang berucap mengemukakan secara persis hujah-hujah dan juga pendapat untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita. Selepas itu, memberi ruang kepada rakan-rakan lain untuk berucap juga secara persis dan tepat.

Saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

■ 1650

4.50 ptg

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip kerana membangkitkan isu berkaitan aplikasi MySejahtera dan keselamatan data peribadi di Dewan yang mulia ini.

Perkara ini merupakan perkara yang telah mendapat perhatian media dan rakyat baru-baru ini dan perlu diperjelaskan oleh pihak kerajaan. Sebelum saya membawa soalan pertanyaan saya, izinkan saya untuk memberi sedikit konteks kepada persoalan saya. Ketahuilah bahawa niat kami sebagai Senator bukan untuk memalukan kerajaan mahupun untuk melakukan pemburuan sembarangan tanpa sebab, dengan izin, *this is not a witch hunt*. Sebagai Ahli Senator, kami bertanggungjawab untuk mengutarakan keluhan rakyat dan bertindak sebagai *check and balance*, dengan izin, kepada kerajaan.

Anggaplah perbahasan usul ini sebagai peluang untuk kementerian dan kerajaan memperjelaskan isu ini dan mengembalikan kepercayaan kepada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menangani wabak COVID-19. Jikalau waktu pembentukan dan pelaksanaan inisiatif MySejahtera ini terdapat kelemahan dan perkara yang terlepas pandang, mohon kerajaan untuk bersikap telus dan menjelaskan sahaja perkara tersebut. Saya percaya jikalau kementerian dan kerajaan tidak menggunakan langkah luar biasa dalam menangani wabak COVID-19 ini, Malaysia akan berada dalam situasi yang lebih teruk berbanding sekarang.

Syabas saya ingin ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang lebih manja dikenali dengan perkataan 'KJ' sahaja... [*Tepuk*] Syabas dan tahniah juga saya

ucapkan kepada Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan jangan kita lupa mantan Yang Berhormat Menteri Kesihatan Dato' Sri Dr. Adham bin Baba atas kepimpinan mereka dalam menangani krisis ini. Tidak lupa juga kepada seluruh warga Kementerian Kesihatan dan petugas barisan hadapan, dengan izin, *frontliners* yang telah banyak kali mengorbankan masa, tenaga dan nyawa dalam memastikan kami rakyat Malaysia kekal selamat.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada soalan saya. Saya memohon kementerian dan kerajaan untuk memperjelaskan empat perkara berikut.

Pertama, saya ingin memohon penjelasan mengenai perhubungan semua individu dan syarikat yang terlibat isu MySejahtera ini. Ini termasuklah Kpisoft Malaysia Sdn. Berhad, dan pemegang sahamnya sekarang dan sewaktu MySejahtera dibangunkan. MySj Sdn. Berhad, dan pemegang sahamnya sekarang dan sewaktu MySejahtera dibangunkan dan yang lebih penting, adakah benar syarikat-syarikat ini ada kaitan dengan syarikat Singapura?

Saya mengambil maklum beberapa kenyataan media mengenai isu ini oleh Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara sebelum ini. Akan tetapi ia tidak menyentuh perhubungan di antara semua watak yang terlibat sehingga menimbulkan syak wasangka bahawa ada pihak yang membuat 'duit atas angin' sambil menjejaskan keselamatan negara kerana penglibatan syarikat Singapura, jika ada.

Perkara kedua, selain jaminan lisan, apakah undang-undang atau syarat kontrak yang menjamin keselamatan data peribadi rakyat Malaysia yang menggunakan aplikasi MySejahtera? Adakah Akta Pelindungan Data Peribadi 2010 terguna pakai, misalnya? Atau adakah terdapat syarat kontrak yang jelas menyatakan syarikat tidak boleh mengambil kesempatan dengan data tersebut?

Ketiga, adakah pembangunan dan operasi MySejahtera ini selaras dengan garis panduan Kerajaan Malaysia, terutama sekali agensi MAMPU? Di manakah data rakyat Malaysia dikumpulkan dan disimpan? Adakah ia di dalam pangkalan data di dalam negara atau di luar negara? Keempat dan akhir sekali, apakah model perniagaan, dengan izin, *business model* aplikasi MySejahtera dan kos operasi aplikasi ini? Siapakah yang membiayai perkhidmatan ini? Adakah sebarang perancangan untuk memastikan ia boleh menjana hasil kewangan sendiri untuk membiayai kos operasi tersebut?

*Insyallah*, saya percaya jikalau empat perkara ini diperjelaskan oleh kerajaan dengan jelas, ini mampu menjawab sedikit sebanyak keluhan rakyat, khabar angin dan teori konspirasi yang sedang hangat diperkatakan di media sosial. Jikalau ada kesilapan, perjelaskan langkah seterusnya untuk memperbaiki situasi ini.



Saya percaya aplikasi MySejahtera ini merupakan inovasi teknologi kesihatan yang hebat dan berpotensi untuk mengubah cara kerajaan memberi dan melaksanakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat di negara ini. Malah, ia boleh digunakan sebagai *super app* kerajaan untuk pelaksanaan perkhidmatan lain seperti MyKad di talian seperti di Singapura. Agak mustahil untuk kita mendapat peluang sebegini dengan aplikasi yang sudah mempunyai pendaftaran hampir seluruh rakyat Malaysia. Akan tetapi kerajaan perlu bijak menyusun model perniagaan, dengan izin, *business model* supaya ia bukan dibiayai oleh pihak kerajaan tetapi sebaliknya, dibiayai oleh syarikat yang memberi perkhidmatan.

Kalau kementerian memerlukan bantuan dalam menyusun perkara ini, pihak saya juga bersedia memberi sedikit panduan dan nasihat berdasarkan pengalaman korporat saya. Itu sahaja yang ingin saya sentuh berkenaan Usul ini. Saya berharap agar kementerian dan kerajaan dapat menjawab perkara ini supaya tidak timbul perasaan kesangsian di kalangan warga Malaysia yang boleh menjejaskan pemulihan ekonomi Malaysia, kesihatan dan keselamatan rakyat. Saya dengan ini menyokong Usul yang dibentangkan. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waálaikumussalam.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

Saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

#### **4.58 ptg.**

**Datuk John Ambrose:** Selamat petang, salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Pertama kali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada sahabat saya, Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip kerana telah membentangkan satu usul yang amat penting, yang menyentuh mengenai kebimbangan dan kekhuatiran terhadap tahap keselamatan data peribadi rakyat Malaysia berikutan beberapa kontroversi yang melanda sistem pengurusan aplikasi MySejahtera.

Langkah ini kita ambil di Dewan Negara pada hari ini untuk membahaskan usul mengenai MySejahtera merupakan satu tindakan tepat yang memperlihatkan sikap cakna, proaktif dan progresif Dewan Negara. Oleh sebab apabila timbul sahaja isu yang mendatangkan rasa resah dan gelisah rakyat, perkara ini terus dibentangkan, dan dibahaskan mengikut Peraturan Mesyuarat 17(1). Paling penting, usaha kita ini adalah bagi mencari, menyelesaikan secara tuntas, sekali gus mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kerajaan dan bukannya bermotifkan politik kepartian sempit semata-mata.

■1700

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan perbahasan ini, saya juga ingin menyampaikan sepantun kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang hadir sendiri bagi mendengar, meneliti serta menjawab semua persoalan yang dibangkitkan.

*Bertiup angin bersama khabar;  
Menusuk ke setiap pancaindera.  
Bara jangan dibiarkan terbakar;  
Kelak binasa rumah kita... [Tepuk]*

Aplikasi MySejahtera ini ketika ini dibangunkan oleh syarikat KPISoft Malaysia Sdn. Berhad adalah cukup baik iaitu sebagai satu tanggungjawab sosial korporat untuk menjaga ke atas penularan COVID-19. Rakyat memahami hal ini dan patuh kepada arahan kerajaan terhadap keperluan penggunaan MySejahtera.

Justeru jika ada apa-apa tujuan lain daripada pengawalan penularan pandemik COVID-19 sehingga mendorong sebuah syarikat swasta MySJ Sdn Berhad dilantik secara Rundingan Terus dan bukan melalui Tender Terbuka Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan perlu melakukan libat urus yang komprehensif dengan semua pemegang taruh terutamanya rakyat.

Ini kerana aplikasi ini melibatkan data peribadi rakyat. Sebarang kelemahan dan kecuaiian dalam isu ini hanya akan mendatangkan kemarahan rakyat. Sudah tentu jika hal ini dibiarkan berlaku, usaha kerajaan untuk membawa negara kita keluar daripada belenggu masalah ekonomi akibat pandemik akan terencat dan rosak. Saya tidak berfikir kerajaan pemimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari ini harus dibiarkan menerima kesan disebabkan rasa resah, rasa gelisah dan rasa tidak selamat rakyat berhubung keselamatan data peribadi mereka dalam aplikasi MySejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak suka melayan khabar-khabar angin ini. Akan tetapi kata orang, kalau kerap sangat pokoknya bergoyang, mustahil jika tiada angin. Paling saya tidak senang dengan khabar angin mendakwa ada pihak yang membuat duit melalui MySejahtera ini. Soalnya, benar kah begitu? Saya berharap dakwaan ini tidak betul tetapi jika benar, Dewan ini perlu diperjelaskan sesiapa pihak yang membuat duit itu. Lebih mengejutkan apabila ada yang mendakwa terdapat syarikat yang boleh membangunkan aplikasi MySejahtera ini dengan kos hanya RM60 ribu sahaja tetapi selepas berlaku pengambilan kosnya dikatakan melambung menjadi lebih daripada RM300 juta.

Apakah sebenarnya semua ini? Apakah dakwaan ini dan khabar angin ini tidak sampai ke telinga Kementerian Kesihatan? Satu perkara lagi pada mulai 1 April nanti, Malaysia akan memasuki fasa epidemik tetapi kita lihat dalam aplikasi MySejahtera sekarang rakyat perlu pula

melaporkan aplikasi tersebut dengan mengaktifkan MySejahtera. Soalnya untuk apa semua ini? Apakah nasib kita memadai dengan sistem ada sebelum ini?

Pada saya, rakyat tidak boleh selama-lamanya dibebani dengan mekanisme *surveillance* atau pemantauan secara langsung ke atas *privacy* serta pergerakan mereka apa lagi sesudah memasuki fasa epidemik. Saya fikir, Kementerian Kesihatan, dan kerajaan perlu menetapkan tempoh masa sebelum semua ini boleh dihentikan bagi mengembalikan semua normalisasi kehidupan seperti sebelum negara dilanda pandemik.

Tuan Yang di-Pertua, harus diingat Kementerian Kesihatan merupakan kementerian yang menjadi *frontliner* atau barisan hadapan terutama ketika masa negara sudah lebih dua tahun dilanda pandemik COVID-19. Sehingga semalam seramai 34,906 nyawa rakyat Malaysia telah terkorban dan jumlah kes keseluruhan sudah hampir mencecah 4.2 juta orang.

Sudah tentu dengan COVID-19 yang meragut nyawa meranapkan ekonomi dan menjejaskan sosial kehidupan rakyat masyarakat, Kementerian Kesihatan tidak boleh terpalit dengan sebarang kontroversi. Jika tidak, ia hanya bukan sahaja memberi mesej yang salah bahkan boleh menghakiskan kepercayaan rakyat. Ketelusan amat penting dalam isu ini dan saya yakin kehadiran Yang Berhormat Menteri pada hari ini adalah untuk memperlihatkan ketelusan beliau dalam merangkumi setiap permasalahan yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Justeru, besarlah harapan saya kepada Menteri agar beliau menutup dan membaiki setiap kelemahan yang wujud dalam pengurusan aplikasi MySejahtera ini kerana sesuatu mendukacitakan apabila kerajaan terpaksa tampil menjawab kontroversi yang sebenarnya mampu dielakkan kerana masa sekarang merupakan masa untuk anggota Kabinet bekerja bukan masa terpalit kontroversi. Dengan kata-kata ini, saya mengakhiri perbahasan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana hadir dan saya menyokong usul yang dibangkitkan oleh sahabat saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose telah menyampaikan hujah beliau.

Sekarang Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong.

**5.07 ptg.**

**Datuk Wira Koh Nai Kwong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai isu berbangkit iaitu penjualan aplikasi MySejahtera kepada pihak ketiga dan jaminan keselamatan data peribadi jutaan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan serba sedikit pandangan dan soalan kepada Yang Berhormat Menteri. Sidang Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada 24 Mac 2022 telah membangkitkan persoalan tentang penjualan aplikasi pengesahan COVID-19 kepada sebuah syarikat swasta.

Isu timbul apabila tular dokumen mahkamah yang mendedahkan Entomo Malaysia iaitu KPISoft bersetuju untuk memindahkan harta intelek dan lesen perisian MySejahtera kepada MySJ . Berhad. Jika benar, pemindahan harta intelek dan lesen perisian MySejahtera kepada MySJ Sdn. Berhad berlaku, persoalan yang paling utama adalah siapa yang menjadi pemilik aplikasi ini? Adakah Kementerian Kesihatan Malaysia masih mempunyai hak ke atas aplikasi ini atau ia dimiliki sepenuhnya oleh syarikat MySJ Sdn. Berhad ini? Sebelum ini, kebenaran untuk mengutip dan menyimpan data peribadi di dalam MySejahtera dibuat secara percuma sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR). Jadi mengapa KKM tiba-tiba mengenakan bayaran? Adakah ini bermakna terdapat aktiviti jual beli?

Tuan Yang di-Pertua apa yang menjadi kekusaran rakyat merupakan isu pengurusan data peribadi oleh MySejahtera. Ini bukan isu yang baru lagi, malah pernah menjadi tanda tanya pada awal penggunaan aplikasi ini mengenai data peribadi pengguna yang melibatkan nombor telefon, alamat, kad pengenalan, maklumat kesihatan, pergerakan setiap individu yang perlu *scan* dengan izin sebelum memasuki mana-mana premis dan trend kehidupan kita seharian.

Adakah segala data ini dapat dijaga dengan baik tanpa dikompromikan oleh mana-mana pihak yang ingin menggunakan data tersebut untuk tujuan komersial mahupun politik? Ini merupakan sesuatu yang membimbangkan. Yang Berhormat Menteri pernah memberi jaminan bahawa data dikembalikan kepada KKM dan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain selain kesihatan awam.

#### ■1710

Saya hargai Yang Berhormat Menteri Kesihatan dengan komitmen beliau untuk memastikan tidak berlaku kecurangan dalam perkara ini. Namun, saya berpandangan ada beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian oleh Yang Berhormat Menteri dan kerajaan.

Pertama, kerajaan harus memikirkan apakah masa hadapan untuk MySejahtera? Adalah masih relevan untuk imbas kod MySejahtera atau pendaftaran ketika negara akan beralih ke fasa endemik mulai 1 April ini. Mungkin sudah masanya untuk kerajaan memikirkan apabila langkah seterusnya untuk memastikan data-data yang ada sekarang ini dapat dipertimbangkan keselamatan dan sekuriti supaya tidak boleh dicerobohi oleh mana-mana dari luar mahupun dalam negara. Malah, takrifan penggunaan data juga perlu diperincikan dan siapa yang akan membuat keputusan untuk membenarkan penggunaan data tersebut? Ini merupakan data yang

melibatkan 38 juta orang pengguna. Adalah tidak wajar hanya satu orang individu yang akan menentukannya.

Kedua, kerajaan perlu bersifat telus dalam semua perkara dan meyakinkan rakyat mengapa sesuatu perkara itu perlu atau tidak perlu dilakukan. Kita tidak mahu perkara ini akan jadi sesuatu yang kita tidak ingini sama ada melalui serangan siber atau penyalahgunaan data daripada pihak tertentu.

Ketiga, jika kerajaan ingin rancang untuk meneruskan penggunaan aplikasi MySejahtera ini kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan sepatutnya mengambil alih untuk mengendalikan sendiri aplikasi ini berbanding membenarkan pihak swasta untuk menguruskannya bagi memastikan keselamatan data peribadi rakyat terjamin keselamatannya.

Keempat, dan akhir sekali, namun jika kementerian tidak mempunyai kemahiran atau tenaga yang mencukupi dan keadaan sangat memerlukan pengendalian daripada pihak ketiga, Yang Berhormat Menteri perlu memastikan pengendalian ini mempunyai limitasi dan pihak ketiga yang dilantik tidak mempunyai kuasa penuh dengan segala data yang ada.

Dengan ini, sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong. Saya beralih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

### 5.13 ptg.

**Dato' Arman Azha Abu Hanifah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas keizinan dalam membahaskan Usul isu MySejahtera.

Hari ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua sahabat sebagai ahli Dewan Negara atas keprihatinan dalam membahaskan isu utama pada hari ini. Seperti mana yang kita sedia maklum, sejak negara kita dilanda COVID-19 antara perkara yang menjadi kewajipan dan sentiasa berada di poket kita terutama kepada 33 juta orang rakyat Malaysia iaitu aplikasi MySejahtera.

Namun begitu, kebelakangan ini banyak persoalan dan pertikaian terhadap aplikasi ini yang diutarakan oleh rakyat, pemimpin-pemimpin utama negara kita malah Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) juga dikatakan memanggil dua orang menteri berhubung pembangunan dan perolehan aplikasi MySejahtera. Dalam hal ini, wujud beberapa persoalan yang telah dibangkitkan. Antaranya berkenaan tentang jaminan kerahsiaan data peribadi, implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh kerajaan, pemilihan syarikat, cara syarikat tersebut dipilih dan kredibiliti syarikat tersebut.

Saya melihat ada tiga perkara pokok yang menjadi isu perdebatan, iaitu:

- (i) jaminan kerahsiaan data peribadi rakyat Malaysia;
- (ii) implikasi kewangan; dan
- (iii) justifikasi syarikat yang telah dipilih.

Jaminan kerahsiaan data peribadi MySejahtera merupakan sebuah platform yang terkini yang diisikan oleh semua warga negara Malaysia. Kini dimaklumkan MySejahtera mempunyai kira-kira 38 juta orang pengguna termasuk pengguna bukan daripada warganegara juga pengembara dalam negara kita. Data-data dalam MySejahtera juga merupakan data yang paling terkini jika hendak dibandingkan dengan data-data daripada agensi kerajaan yang lain. Data dalam MySejahtera ini sangat dikehendaki oleh banyak pihak terutama pihak menjalankan kegiatan penipuan atas talian ataupun *scammer*, dengan izin.

Statistik juga menunjukkan ramai rakyat Malaysia sama ada yang muda juga yang telah berusia telah menjadi mangsa penipuan dan juga kerugian ratusan juta akibat *scammer-scammer* ini, dengan izin. Jika itu tidak hairanlah ribuan, jutaan rakyat Malaysia amat bimbang tentang data peribadi mereka dalam MySejahtera. Mereka takut jika data peribadi mereka akan dijual oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Tambahan pula, kita dimaklumkan bahawa MySejahtera ini dibangunkan, diuruskan oleh syarikat yang bertukar-tukar. Mulanya, KPISoft Malaysia Sdn. Berhad, kemudian, Entomo, dan baharu ini MySJ Sdn. Berhad.

Oleh itu, bagi meyakinkan rakyat di luar sana apakah jaminan kementerian bahawa data ini tidak akan dikongsi oleh kementerian dengan mana-mana agensi kerajaan mahupun swasta. Senario hari ini menyaksikan semakin ramai rakyat Malaysia yang diberikan pilihan sama ada menyahpasang atau *uninstall* aplikasi ini. Jika MySejahtera mereka rasakan diri mereka sentiasa diawasi, tiada privasi dan berpendapat MySejahtera sudah tidak relevan dan tidak diperlukan lagi.

Tambahan pula, dimaklumkan negara kita akan memasuki fasa endemik. Jadi apakah kementerian ada melakukan kajian terhadap tahap penerimaan MySejahtera terhadap rakyat Malaysia? Sekiranya ada, apakah hasil dan dapatan kajian tersebut?

Implikasi kewangan- pada mulanya kita tahu aplikasi MySejahtera yang digunakan sejak pandemik COVID-19 kira-kira dua tahun dulu dikatakan percuma bila KPISoft telah menerima kontrak daripada Kementerian Kesihatan dengan membangunkan aplikasi ini secara percuma sebagai salah satu tanggungjawab sosial. Dalam tempoh yang sama perjanjian tersebut bermula daripada 27 Mac 2020 hingga 31 Mac 2021.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Tuan Khairy Jamaluddin yang menyatakan bahawa KPISoft Sdn. Berhad yang juga dikenali sebagai Entomo ini tidak menerima apa-apa bayaran. Jadi, selepas tamat tempoh CSR syarikat tersebut iaitu pada 31 Mac 2021 sehingga hari

ini, adakah syarikat tersebut masih menawarkan khidmat secara percuma dan adakah syarikat tersebut ada meminta bayaran? Jika ada, kami dalam Dewan ini ingin tahu berapakah jumlah bayaran tersebut.

Juga diberitahu bahawa ia perlu dibayar bermula 1 April 2021 kerana terdapat komponen tambahan yang telah ditambah oleh MySejahtera yang tidak ada dalam perjanjian asal pada tahun 2020.

Soalan saya, apakah komponen tambahan yang dimaksudkan? Adakah komponen-komponen tambahan ini juga ditambah dengan persetujuan kementerian? Adakah wujudnya kontrak atau perjanjian mengenai komponen-komponen tambahan ini? Adakah komponen-komponen tambahan ini turut melibatkan data peribadi 38 juta orang pengguna MySejahtera terutama rakyat Malaysia? Ringkasnya, saya ingin memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri bagi menjelaskan jumlah keseluruhan kos yang terlibat yang perlu ditanggung oleh kerajaan untuk membangunkan aplikasi ini setelah tamat tempoh CSR syarikat berkenaan.

Justifikasi syarikat yang dipilih- ramai juga menyatakan kebimbangan terhadap syarikat-syarikat yang terlibat dalam membangun dan menguruskan aplikasi MySejahtera ini. Banyak nama syarikat yang telah didedahkan dan dikongsi di sosial media. Hal ini menambahkan kekhuatiran, ketakutan kepada rakyat. Wujud kebarangkalian data peribadi mereka yang mereka risau akan dijual kepada pihak yang ketiga. Tambahan pula, syarikat tersebut bukan syarikat tempatan misalnya KPISoft. Syarikat ini berpangkalan di Paya Lebar, Singapura bukan di Paya Besar tetapi Paya Lebar di Singapura dan mempunyai banyak cawangan di seluruh dunia. Kemudian KPISoft menukar nama mereka kepada Entomo dan kini nama satu lagi syarikat yang baharu ditubuhkan telah dikaitkan iaitu MySJ Sdn. Berhad.

Rakyat di luar sana keliru dan banyak wujud prasangka buruk terhadap kementerian dan kerajaan. Sehubungan dengan itu, saya mohon jasa baik Yang Berhormat Menteri mengambil peluang dan ruang dalam Dewan yang mulai ini bagi menjelaskan sekali lagi siapakah syarikat-syarikat ini? Syarikat manakah yang mendapat kontrak dan berapakah nilai kontrak tersebut serta bagaimana kontrak tersebut dicapai?

Saya yakin Yang Berhormat Menteri Tuan Khairy Jamaluddin akan menggunakan platform ini dengan terbaik untuk memberikan penjelasan yang terbaik kepada rakyat Malaysia kerana hari ini rakyat Malaysia dahagakan penerangan dan penjelasan daripada kementerian.

Saya dengan ini menyokong Usul yang dibawa oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip. Sekian, Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Arman Azha Abu Hanifah. Cukup-cukup masa beliau telah menamatkan debatnya.

Kelima, Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

■1720

5.20 ptg.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan pada hari untuk membahaskan satu perkara yang serius berkaitan dengan data peribadi rakyat melalui aplikasi MySejahtera yang disebabkan oleh beberapa pihak dalam negara yang dikatakan, dikendalikan oleh pihak di luar dari negara kita.

Bagi saya ini merupakan satu pertuduhan yang sangat serius dan pihak kerajaan mestilah mengambil tindakan terhadap perkara ini. Saya bertegas bahawa data peribadi rakyat tidak sepatutnya digunakan untuk kepentingan tertentu tidak kiralah sama ada oleh pihak kerajaan sendiri mahupun oleh golongan politik atau sesiapa pun. Sangat malang sekiranya aplikasi dalam talian MySejahtera yang dijadikan sebagai dokumentasi digital ini dikendalikan oleh mana-mana pihak swasta sebagai pihak ketiga yang berkepentingan lebih-lebih lagi oleh pihak swasta di luar negara. Sungguh malang sekiranya perkara terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, kontroversi berkenaan manipulasi storan data pengguna MySejahtera semestinya memerlukan penyiasatan terperinci terutamanya daripada kerajaan. Adakah mungkin ia terjadi akibat daripada kelemahan pengurusan ataupun kerana ketidakseriusan kerajaan untuk melihat perkara ini secara telus. Kemerosotan kredibiliti urus tadbir negara lebih-lebih lagi penyelewengan tersebut melibatkan jutaan maklumat peribadi penting yang berisiko untuk dieksploitasi oleh pihak-pihak berkepentingan termasuklah pimpinan politik mestilah diatasi. Tidak wajar dalam keadaan indeks persepsi negara yang semakin menurun ini ditambahkan dengan isu informasi aplikasi MySejahtera.

Saya ingin mendapatkan maklum balas dan penjelasan lanjut serta terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan kerajaan yang terlibat dengan perwujudan aplikasi kegunaan ramai tersebut. Isu-isu seperti ini mestilah diselesaikan dengan segera supaya tidak timbul persepsi negatif terhadap kerajaan khususnya ditimbulkan oleh golongan *Netizen*.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik tindakan proaktif Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) yang telah memanggil Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menghadiri prosiding jawatankuasa Parlimen tersebut untuk menjelaskan dengan terperinci berkenaan isu MySejahtera. Apa yang saya lakukan ini bukannya untuk meletakkan ketidakpercayaan terhadap kerajaan tetapi mahu supaya setiap isu yang ditimbulkan dapat dirungkaikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya isu seperti ini yang melibatkan kepentingan rakyat wajar dibahaskan di dalam kedua-dua majlis Parlimen. Namun begitu, memandangkan



sidang Dewan Negara sahaja yang masih bersidang, Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim wajar mempertimbangkan Usul tersebut untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli Dewan Negara.

Majlis Dewan Negara seharusnya diberi mandat untuk membahaskan isu penting negara ini memandangkan ia melibatkan aspek ketelusan pengendalian sistem aplikasi nasional yang boleh menjejaskan imej negara dalam soal pengendalian krisis kesihatan di mata dunia. Saya yakin perkara ini juga menjadi persoalan di kalangan Ahli Dewan Negara yang lain yang peka dan prihatin terhadap isu rakyat yang memerlukan perhatian serius Ahli-ahli Parlimen termasuk Yang Berhormat Senator Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya apa yang telah saya nyatakan tadi dapat diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Insyaa-Allah.* Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam, diucapkan terima kasih.

Beralih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff, silakan.

#### **5.25 ptg.**

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang dan peluang yang diberikan untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas kehadiran di Dewan Negara untuk memberi penjelasan persoalan-persoalan yang timbul berkenaan isu MySejahtera.

Saya hanya membawa beberapa soalan yang menjadi keluhan dan kebimbangan rakyat terutama tentang keselamatan data-data peribadi untuk perhatian Yang Berhormat Menteri. Pertama, dalam kenyataan media Yang Berhormat Menteri telah menyatakan aplikasi MySejahtera merupakan hak milik kerajaan, dan Kementerian Kesihatan Malaysia dilantik sebagai pemilik utama aplikasi tersebut.

Saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, berapa peratus *kah* atau apakah yang dimaksudkan dengan pemilik utama? Atau bahagian manakah yang menjadi hak milik kerajaan sekarang sama ada pemilikan data pengguna atau pemilikan syarikat pengendalian platform MySejahtera? Adakah perjanjian ataupun kontrak yang jelas mengatakan Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai pemilikan ke atas aplikasi MySejahtera?

Kedua, apakah benar desas-desus yang menyatakan kerajaan mengeluarkan kos yang besar untuk membayar kepada KPISoft atau Entomo Malaysia Sdn Bhd untuk mengambil hak milik lesen pengendalian platform MySejahtera?

Ketiga, adakah pengguna mempunyai hak untuk membatalkan pendaftaran keahlian MySejahtera dan menyekat pembangun atau pengendali untuk akses maklumat peribadi? Di manakah data-data ini disimpan? Bagaimanakah ia dilupuskan setelah pengguna membatalkan pendaftaran mereka? Apakah jaminan kerajaan terhadap keselamatan data peribadi rakyat tidak disalahgunakan atau dimanipulasikan untuk tujuan lain seperti untuk tujuan pilihan raya atau dijual untuk tujuan-tujuan tertentu?

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga ada membuat kenyataan akhbar kemungkinan penggunaan aplikasi MySejahtera akan dimansuhkan. Jadi, apakah rasionalnya kerajaan membayar kos yang tinggi untuk pembelian aplikasi ini? Jadi, saya mohon jawapan dan penjelasan supaya rakyat tidak terkeliru dan tidak ragu-ragu serta yakin untuk menggunakan aplikasi MySejahtera dan kerajaan pula dapat menguruskan endemik dengan baik.

Dengan itu, saya menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina.

Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook, sila.

**5.28 ptg.**

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang, selamat sejahtera semua. Selama ini kita masuk kedai, keluar kedai, kita *check-in check-out*. Sekarang ini kita *check-in* sahaja, tidak perlu *check-out*. Kita lakukan dengan penuh ikhlas menyokong langkah-langkah kerajaan untuk mencegah COVID-19 dan mengekalkan kesihatan kita.

Akan tetapi, hari ini kita dimaklumkan tentang isu penjualan MySejahtera. Kita rasakan bagai ditinggalkan kekasih yang selama ini kita *dok* sanjung. Kita rasa kecewa macam tertipu dan bagaikan dipermainkan. Saya harap benda ini tidak benar kerana impian kita masih lagi hendak kekal dengan MySejahtera. Namun, sekiranya benar itu berlaku saya ingin bertanya beberapa perkaralah.

Pertama sekali, namanya MySJ Sdn. Berhad, dan bukannya MyKJ Sdn. Berhad ya? Saya harap begitulah. Keduanya, mengapakah MySejahtera perlu dijual? Ramai rakan kita telah tanya. Saya rasa saya tidak perlu berulanglah tetapi jawapan itu saya harap dengan tepatlah diberikan oleh pihak kementerian. Siapakah yang membuat keputusan? Adakah ini keputusan MOH

sahaja? Adakah ini keputusan MOH bersama Kementerian Kewangan? Adakah ini keputusan Kabinet Negara kita untuk menjual MySejahtera ini?

■1730

Adakah asas pemilihan untuk kita bersetuju untuk menjualkan aplikasi ini kepada MySJ Sdn. Berhad? Untuk makluman semua, apa yang dijual- saya rasa, pandangan saya ialah bukan aplikasi tersebut. Apa yang dijual ialah data. Ini kerana syarikat itu kalau aplikasi MySejahtera ini macam juga aplikasi lain kerana dalam *handphone* kita ini ada beribu-ribu aplikasi. Ada setengah itu dibuat oleh pelajar umur 12 tahun sahaja. Siapa-siapa pun boleh buat aplikasi macam ini tetapi yang menjadi mahal iaitu data.

Data manusia hidup ini mahal. Akan tetapi, kalau data itu tentang nama kucing ada 30 juta nama kucing- Oyen kah, Kelabu kah, atau Tompok saya rasa tidak ada yang hendak beli. Akan tetapi, ini merupakan data orang hidup. Oleh sebab itu, dia boleh dijual. Jadi, saya haraplah perkara ini dapat diberi perhatian. Ini kerana kalau tidak diuruskan dengan baik macam rakan-rakan Yang Berhormat Senator tadi sebutkan tentang kekusaran kita, tentang kerisauan kita. Kita juga risau kerana data-data tersebut, ada orang-orang penting dalam negara contohnya Ketua Polis Negara, contohnya Panglima Angkatan Tentera di mana ada nombor telefon dalam MySejahtera.

Jadi, nombor telefon itu adalah indikator kedudukan kita. Kita boleh *track*, siapa-siapa boleh *track* nombor kita dan kita berada di mana. Kalau kita hendak *track* seseorang itu, ada aplikasinya. Jadi, jika data ini jatuh ke tangan pihak lain dan kita tidak boleh kawal penjualan ataupun pembelianya, ini akan menjadi satu isu keselamatan dalam negara untuk kita.

Saya pasti kalau katakanlah perkara ini dibawa ke Kabinet, dalam kertas Kabinet tersebut mesti dapat maklum balas ataupun pandangan daripada pelbagai kementerian. Contoh, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan MAMPU. Itu contoh-contoh yang mudah. Juga, kita ada yang dipanggil *National Cyber Security Agency* (NACSA). Adakah agensi ini dirujuk sebelum kita buat keputusan untuk menjual MySejahtera bersama data-data yang sensitif kepada pihak swasta yang kita tidak boleh kawal penggunaannya.

Jadi, ini menjadi potensi keselamatan siber juga dan adakah tidak ada pandangan daripada pihak-pihak ini memberikan kepada kita, kepada kerajaan, opsyen lain untuk membolehkan pemilikan MySejahtera ini dapat ditentukan dengan cara terbaik dan keselamatan data kita terjaga.

Jadi pesanan akhir saya kepada kita, janganlah jadikan MySejahtera ini yang kita dah jaga selama ini cara yang paling mudah untuk sesetengah pihak mendapat dalam bahasa Inggerisnya *easy money making idea* semasa pandemik kerana idea-idea macam ini memang mudah. Kenal

sesiapa, ada keistimewaan dan dapat menjana pendapatan yang lumayan tanpa mengeluarkan setitik peluh pun.

Cuma cari orang yang ada idea yang bagus, ada orang kenal, pasti dapat menjadi kaya dengan cepat. Jadi, kita tahu bahawa negara kita pun ada senarai panjang benda yang menjadi bahan ketawa kepada seluruh dunia. Jadi, janganlah jadikan ini satu lagi dalam senarai yang panjang itu kerana kita jadi malu. Kalau pergi ke luar negara, pelbagai benda ditanya kepada kita, kita sukar untuk menjawab. Jadi, janganlah jadikan ini satu lagi yang memalukan kita. Dengan itu, saya mohon menyokong usul ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad bin Yahaya. Ringkas sahaja ya Yang Berhormat Senator.

**5.34 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad bin Yahaya:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang dan ruang untuk saya juga turut mengambil bahagian dalam perbahasan isu MySejahtera pada petang hari yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan perbahasan dengan satu kaedah feqah yang berbunyi... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Maksudnya, "*Kemudaratan hendaklah dihilangkan ataupun dihindarkan.*" Tuan Yang di-Pertua, syarikat penyedia perkhidmatan aplikasi MySejahtera, Kpisoft Sdn. Berhad pada awalnya bersetuju untuk membangunkan aplikasi tersebut berdasarkan tanggungjawab sosial korporat selama setahun bermula 27 Mac 2020. Persoalan saya di sini, apa kriteria utama pemilihan syarikat Kpisoft Sdn. Berhad untuk menjadi syarikat teraju bagi membangunkan aplikasi MySejahtera tersebut.

Apakah KKM melakukan kajian latar belakang syarikat yang dipilih? Meskipun tiada kontrak dibuat dengan syarikat tersebut, dakwaan bahawa syarikat Kpisoft Sendirian Berhad berpusat di Singapura memberi gambaran seolah-olah tiada kepakaran daripada syarikat tempatan. Tuan Yang di-Pertua, selepas habis tempoh CSR pada 31 Mac 2021, kerajaan mula menyediakan pembayaran kepada Kpisoft Sdn. Berhad ditambah lagi dengan penambahan fungsi sistem pentadbiran vaksin Malaysia atau *MyVaccine* dalam aplikasi MySejahtera.

Persoalannya, jumlah peruntukan tambahan yang telah disalurkan kepada Kpisoft Sdn. Berhad sehingga ia dipindah milik untuk disediakan oleh syarikat MySJ Sdn. Berhad pada November tahun lalu. Kedua, sejauh mana data peribadi rakyat. Saya ulang lagi sebagaimana yang rakan-rakan sebut, berdaftar dengan menggunakan aplikasi MySejahtera ini dilindungi. Ketiga, sejauh mana jaminan KKM terhadap perlindungan data peribadi yang ada di aplikasi

MySejahtera tersebut, apakah ada rujukan terma melalui kontrak atau perjanjian terhadap jaminan yang dikemukakan?

Pemilihan syarikat MySJ Sdn. Berhad pada November tahun lalu diuruskan secara rundingan terus berdasarkan kenyataan Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan iaitu Datin Rosni binti Mohd Yusoff. Jadi, mengapakah ia dilakukan secara rundingan terus? Apakah kriteria utama kelayakan yang ada pada syarikat MySJ Sendirian Berhad? Sejauh mana syarikat ini mempunyai kredibiliti untuk menguruskan aplikasi yang besar dan penting seperti MySejahtera yang digunakan hampir 38 juta orang pengguna berdaftar. Adakah benar dakwaan bahawa syarikat ini baru ditubuhkan? Jika ya, apa pertimbangan kementerian untuk menyerahkan pengurusan aplikasi kepada syarikat tersebut. Jika tidak, berapa lama syarikat MySJ Sendirian Berhad telah ditubuhkan dan sejauh mana pengalaman yang dimiliki oleh syarikat berkenaan pentadbiran aplikasi.

Persoalan terakhir yang sering kita ulang, yang dibimbangkan oleh rakyat, apa jaminan kerajaan terhadap perlindungan data peribadi rakyat yang terkandung dalam aplikasi MySejahtera. Terima kasih atas perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Akhir saya dengan satu rangkap pantun.

*Kalau meniup seruling bambu;  
Siapa yang ikut akan terbuai.  
Kalau hidup saling membantu;  
Mana yang kusut akan selesai... [Tepuk]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah.* Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad bin Yahaya, terima kasih.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

### 5.38 ptg.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan aplikasi MySejahtera dan keselamatan data peribadi yang terlibat 38 juta orang pengguna. Saya ingin memulakan perbahasan saya dengan mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan juga kawan saya, Yang Berhormat KJ yang membentangkan penjelasan dan usaha pihak Kementerian Kesihatan dalam menjamin ketelusan dalam isu itu di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan data peribadi terutamanya data kesihatan yang direkodkan dalam aplikasi MySejahtera adalah penting dan sulit serta harus kita lindungi bagi

mengelakkan pihak ketiga terutamanya yang berniat jahat daripada mengambil kesempatan dengan mencuri ataupun menyalahgunakan data peribadi dalam rekod MySejahtera. Terbitan laporan- tajaan IBM pada tahun 2019 telah mendedahkan bahawa kos purata ditanggung oleh sektor kesihatan akibat setiap kebocoran data merupakan USD6.5 juta. Jumlah ini adalah lebih kurang RM27.3 juta. Persoalan saya di sini, apakah mekanisme kerajaan dalam memastikan data kesihatan yang direkodkan dalam aplikasi tersebut benar-benar selamat?

■1740

Adakah data tersebut akan dipadamkan atau dihapuskan selepas tempoh tertentu seperti dalam masa enam bulan lagi? Saya pasti tiada siapa yang di Dewan yang mulia ini pun mahu data peribadinya disalahgunakan oleh mana-mana pihak. Mungkin hari ini Kementerian Kesihatan kata tiada sebarang masalah dengan menyimpan data tersebut. Bagaimana pula jika ada pihak menggodam, dengan izin, *hack* pangkalan data yang disimpan itu? Apakah kepastian yang kementerian janjikan kepada rakyat Malaysia?

Merujuk kepada instrumen kawal selia kewangan seperti MiFID II, dengan izin, *Markets in Financial Instrument Directive 2* yang diamalkan oleh negara zon ekonomi Eropah serta United Kingdom, sesebuah rekod data yang disimpan adalah maksimum tujuh tahun sahaja. Bermakna data yang melebihi tujuh tahun harus dihapuskan.

Dalam konteks ini, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan pendapat bahawa penghapusan data MySejahtera selepas tempoh tertentu wajar dilaksanakan? Kalau wajar, berapa lama tempoh Yang Berhormat Menteri cadangkan untuk penyimpanan rekod MySejahtera sebelum ia dihapuskan? Saya cadangkan dalam kadar yang segera selepas keadaan pandemik, transisi endemik diuruskan baik dan mencapai tahap yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada baca laporan berita bahawa kementerian akan kaji semula keperluan daftar masuk atau, dengan izin, *check-in* dalam MySejahtera pada bulan April ini. Adakah ini bermaksud aspek jejak, dengan izin, *tracking* yang menggunakan *bluetooth* juga akan dimansuhkan melalui kajian tersebut? Minta Menteri jelaskan, sejauh mana efektifnya data yang diperoleh melalui *tracking* dalam MySejahtera membantu mengurangkan kes, membantu memberikan amaran kepada penggunaan berkenaan risiko sesebuah tempat dan bagaimanakah kajian dibuat dalam memastikan keberkesanannya?

Tuan Yang di-Pertua, pemilikan MySejahtera juga merupakan salah satu isu yang saya ingin bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Kementerian Kesihatan telah berulang kali mengesahkan bahawa kerajaan merupakan pemilik utama aplikasi MySejahtera dan juga pemilik data yang disektorkan dalam aplikasi tersebut. Namun, pada pengetahuan saya, dengan izin,

*intellectual property rights* MySejahtera adalah dimiliki oleh KPISoft Malaysia Sdn. Berhad yang kini dikenali sebagai Entomo Malaysia Berhad.

Persoalan di sini, sejauh manakah benar kerajaan merupakan pemilik tunggal aplikasi MySejahtera? Melihat kepada kejuruteraan aplikasi tersebut, ia dimiliki oleh Entomo Malaysia. Adakah, dengan izin, *intellectual property rights* aplikasi tersebut dimiliki entiti bukan kerajaan, dan MySejahtera Sdn. Berhad harus membayar Entomo Malaysia untuk memindahkan hak milik dan lesen perisian, dengan izin, *software* tersebut itu?

Saya juga mahu membangkitkan bahawa risiko campur tangan syarikat milik negara asing dalam tadbir urus penting seperti MySejahtera. Semakan di laman Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendedahkan bahawa pemegang saham Entomo Malaysia Sdn. Berhad merupakan syarikat bernama Entomo Private Limited yang berasal dari Singapura. Tidak hairanlah pemegang saham utama di syarikat tersebut juga datang dari Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat daripada menandatangani kontrak lesen *software* selama lima tahun, kerajaan sewajarnya mengetengahkan pengaruhnya sebagai pemilik tunggal aplikasi MySejahtera dan mengambil alih sepenuhnya pengurusan MySejahtera Sdn. Berhad. *Intellectual property right* dan lesen perisian aplikasi MySejahtera harus diambil alih, dikawal selia dan dimiliki sepenuhnya oleh pihak kerajaan demi keselamatan data negara.

Mohon Menteri nyatakan juga, adakah wajar kerajaan memberikan akses kepada pihak swasta, pihak ketiga dalam pengurusan dan pengendalian data peribadi kita? Tambahan pula, syarikat swasta yang berasal dari negara lain. Apakah mekanisme yang diguna pakai oleh kementerian dalam mengurangkan risiko kepada elemen keselamatan negara seperti aktiviti pengintipan dan penjualan data peribadi seperti skandal *Cambridge Analytical*? Adakah penilaian risiko yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk meminimumkan sebarang kejadian berisiko kecil ataupun besar?

Dengan ini, sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri, KJ dan saya berharap, percaya Yang Berhormat Menteri akan memberikan penjelasan yang menyeluruh dan komprehensif. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic. Terus kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris.

**17.46 ptg.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk sama-sama kita berbahas dalam isu yang begitu popular di negara kita pada hari ini. Terima kasih Yang

Berhormat Menteri kerana dapat bersama-sama untuk memberi jawapan yang terus daripada persoalan-persoalan yang akan dibangkitkan, yang telah dibangkitkan oleh Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pendedahan ini adalah dibuat oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) di Dewan Rakyat baru-baru ini. Apakah isunya? Isunya merupakan ketelusan kerajaan dan selain itu, isu keselamatan data peribadi di mana MySejahtera yang terdedah dengan pelbagai bentuk penyalahgunaan. Bukan setakat data peribadi tapi bersama juga dengan maklumat waris yang terdekat berada bersama-sama di dalam MySejahtera.

Kementerian Kesihatan mengatakan bahawa MySejahtera merupakan hak milik kerajaan dan Kementerian KKM dilantik sebagai pemilik utama. Akan tetapi, berita terkeluar yang membuktikan bahawa sememangnya hak cipta dan lesen MySejahtera telah pun dipindah milik daripada *developer* aplikasi KPISoft Sdn. Berhad kepada MySJ Sdn. Berhad pada Oktober 2020 dengan harga RM338.6 juta untuk jangka masa lima tahun.

Jadi, macam mana pula kita hendak katakan MySejahtera itu....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebut balik angka tadi itu. Tidak jelas.

**Datuk Razali bin Idris:** Jumlah RM338.6 juta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Razali bin Idris:** Dikatakan dalam jangka masa lima tahun. Jadi, inilah yang membuatkan ataupun menimbulkan pelbagai persoalan. Di antaranya, kenapakah pihak KKM tidak membeli terus daripada KPISoft selaku pembangun sebenar aplikasi MySejahtera? Kedua, bagaimanakah MySJ boleh ditubuhkan secara tiba-tiba dan boleh membeli aplikasi tersebut untuk dijual kembali kepada pihak KKM? Soalan saya lagi, adakah wujud unsur salah guna kuasa dan rasuah dalam urusan perolehan ini? Seterusnya, adakah data peribadi pengguna aplikasi MySejahtera telah dijual kepada pihak lain?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, yang lain kawan-kawan saya sudah sebutkan. Kalau kita sambung pun perkara yang sama. Susulan daripada laporan PAC tersebut, adalah jelas integriti dan keselamatan aplikasi MySejahtera telah terganggu. Ini memerlukan satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri supaya rakyat tidak terkeliru dan kita sebagai Ahli Dewan Negara mengambil sama sebagai pemegang taruh dalam MySejahtera.

Jadi, itulah saja, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong Usul sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Zahid Mat Arip. Terima kasih.

#### ■ 1750

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dengan persisnya mengemukakan pandangan beliau.

Terus kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin.



**5.50 ptg.**

**Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada semua. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk berbahas dalam Usul yang penting ini.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan Tuan Khairy Jamaluddin kerana hadir bersama-sama mendengar perbahasan ini dan akan menggulung dengan menjawab persoalan-persoalan yang kami akan bangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca beberapa penataan di dalam Dasar Keselamatan ICT 2019 dan juga Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan- *cloud computing*.

Menurut Dasar Keselamatan ICT 2019, Perkara 513 mengenai pengkomputeran awan ataupun *cloud computing*, dengan izin. Pengkomputeran awan merupakan perkhidmatan sumber-sumber ICT yang dimayakan tanpa penyediaan infrastruktur di pihak pengguna. Penggunaan dan penyediaan perkhidmatan pengkomputeran awan perlu mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan.

Pengkomputeran awam hendaklah dipastikan selamat bagi menjamin keselamatan maklumat. Sila rujuk kepada perenggan 139 Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Manakala menurut garis panduan pengurusan keselamatan maklumat melalui pengkomputeran awan- *cloud computing*, penggunaan perkhidmatan pengkomputeran awan yang berada di luar Malaysia dalam mengendalikan maklumat kerajaan boleh mendatangkan bahaya kepada keselamatan dan kedaulatan data negara.

Data yang disimpan, diproses dan dipindahkan menerusi perkhidmatan tersebut mungkin tertakluk kepada peruntukan undang-undang negara berkenaan serta berada di luar kawalan dan bidang kuasa Kerajaan Malaysia.

Ini termasuklah bagi mana-mana pihak pembekal yang berdaftar dan mempunyai ibu pejabat ataupun *headquarters*, dengan izin, di luar negara yang menjalankan operasi perniagaannya di Malaysia. Faktor lain yang perlu diambil kira juga ialah sekiranya pihak CSP ada menggunakan sumber luar atau bergantung kepada pihak ketiga untuk menyampaikan perkhidmatannya kepada pelanggan.

Oleh yang demikian, kementerian hendaklah mengenal pasti sumber asal ataupun *source of origin*, dengan izin, perkhidmatan pengkomputeran awan tersebut dengan memahami aliran dan *data residency* bagi memastikan tiada sebarang kuasa asing lain yang boleh akses maklumat dan data strategik negara tanpa pengetahuan dan kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, daripada penataan-penataan tersebut saya ingin menyatakan tiga persoalan. Pertama, soalan saya, apa sumber data ataupun *source code*, dengan izin dan data yang disimpan oleh MySJ atau *by MySJ* di dalam pelayan awam atau komersial yang dimiliki oleh AliBaba. Sekiranya betul, ini merupakan satu bentuk tanda tanya yang besar mengenai polisi *data sovereignty*, dengan izin, ataupun kedaulatan data seperti yang telah diputuskan oleh kerajaan.

Kedua, model pengurusan MySejahtera oleh MySJ Sdn. Bhd. mengikut model *Software as a Service* (SaaS) di mana kerajaan menjadi pengguna sahaja dan kos penggunaan adalah bergantung kepada bilangan rakyat yang menggunakan perkhidmatan MySejahtera. Soalan saya, adakah model ini menepati dan selari dengan Dasar Keselamatan ICT 2019. Kerajaan mesti bertegas untuk menolak pengurusan yang dicadangkan oleh MySJ dan melakukan runding harga untuk kerajaan membeli sistem MySejahtera dan membayar kos operasi yang tertunggak melebihi fasa CSR awal oleh syarikat yang membangunkan aplikasi.

Ini kerana, melalui maklumat yang kita dapat dan barangkali pihak Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan, MySJ ini akan membangunkan modul baharu. Ia juga akan menyelenggara *software* ini. Aplikasi dan data merupakan milik MySJ sedangkan kita mahukan kerajaan yang memiliki aplikasi dan data ini.

Soalan saya yang ketiga, adakah pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah dirujuk untuk mengkaji dan memastikan agar pemilikan sistem dan kedaulatan data- *data sovereignty*, dan segala tadbir urus yang berkaitan dengannya adalah selamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya secara peribadi mencadangkan agar Dewan yang mulia ini dapat memastikan agar pihak kementerian yang menjadi pemilik kepada aplikasi MySejahtera ini dapat memastikan agar aplikasi ini diselia sejajar dengan dasar dan polisi kerajaan mengenai data peribadi serta pengkomputeran awan. Sekian, saya mohon 'mencadangkan'. Eh, menyokong... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Menyokong. Jelas terdengar menyokong itu.

**Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** Petang sudah ini, Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin.

Akhirnya, Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

**5.56 ptg.**

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Sebagai pembahas terakhir, saya tidak berhasrat untuk mengulang panjang isu-isu yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan saya tetapi saya ingin memperingatkan Dewan ini dan Yang Berhormat Menteri bahawa sangkaan-sangkaan berat dan penzahiran kebimbangan ini adalah berdasarkan fakta dan maklumat yang terbuka. Reaksi rencam masyarakat terhadap isu ini termasuk barisan kepimpinan negara, pembangkang serta Dewan ini memaksa usul ini didebatkan dengan penuh jujur, telus dan integriti.

Tuan Yang di-Pertua, terdahulu saya mahu merakamkan ucapan terima kasih saya kepada sidang Jawatankuasa Kira-kira Wang (PAC) yang secara proaktifnya pada 24 Mac 2022 yang lalu telah membangkitkan persoalan tentang aplikasi pengesanan COVID-19 kepada sebuah syarikat swasta.

Saya rangkumkan semua kebimbangan saya dalam Dewan yang mulia ini mewakili seluruh segmen masyarakat yang tidak ada peluang berada di Dewan ini untuk bertanya sendiri kepada Yang Berhormat Menteri dengan empat soalan penting. *Are you with us*, Yang Berhormat Menteri? Okey. *Thank you*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, memandangkan tempoh CSR telah tamat pada 31 Mac 2021, adakah kos yang ditanggung oleh pihak vendor untuk lesen perisian bagi tempoh tamat CSR sehingga kini akan *discharge* kepada rakyat Malaysia.

Soalan kedua, adakah jaminan KKM bahawa aplikasi yang diwajibkan oleh rakyat bagi tujuan kawalan penyakit berjangkit ini tidak akan dibebani oleh, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua *scope creep* dengan pengenalan fungsi-fungsi baharu yang tidak ada kaitan dengan aplikasi ini dan mungkin bercanggah dengan mandat asal aplikasi di bawah Akta Kawalan Penyakit Berjangkit. Sebagai contoh, pembangunan sistem HIDE dengan kerjasama Bank Negara Malaysia dan pendaftaran pendermaan organ.

Soalan yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, selain daripada CSR yang ditawarkan oleh pihak KPISoft fungsi-fungsi lain dalam MySejahtera turut melibatkan vendor-vendor swasta yang lain. Bagaimana pemilihan vendor dibuat oleh KKM dan apakah implikasi kewangan terhadap pihak kerajaan. Sekiranya kesemua berbentuk CSR, adakah inisiatif-inisiatif CSR yang telah diterima oleh pihak KKM sepanjang tempoh pandemik dan adakah terdapat implikasi kewangan kepada rakyat pada masa hadapan.

Isunya Tuan Yang di-Pertua, kita bertegas dalam isu sistem tender terbuka. Dakwaan-dakwaan ini harus diteliti oleh kerajaan dan rakyat. Kita khuatir sekiranya ketelusan tidak berlaku integriti menjadi kecuaiannya apatah lagi dalam sistem runding terus. Ini ditambah dengan dakwaan bahawa penjualan MySejahtera kepada syarikat swasta menimbulkan kebimbangan seperti mana

yang dinyatakan oleh rakan-rakan saya tadi manipulasi storan dan pengurusan data yang mungkin mewujudkan penyalahgunaan maklumat kesihatan jutaan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, maka menjadi tanggungjawab Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan keaburan pada hari ini sehingga Dewan ini berpuas hati sepenuhnya. Di kesempatan ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat anjuran khas kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Tadbir Urus, Integriti, dan Anti Rasuah Dewan Negara agar bersidang dan memanggil entiti-entiti yang berkaitan dalam konteks memberikan penjelasan khusus kepada Jawatankuasa ini memfokuskan isu ini dari sudut pemantauan ketat, dan kita jemput semua Ahli Dewan Negara nanti, Tuan Yang di-Pertua untuk bersama dalam sesi ini kelak.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek dan atas anjuran supaya Jawatankuasa Pilihan Khas Tadbir Urus Integriti dan Anti Rasuah Dewan Negara itu mengambil berat. Kita akan teliti dan akan susul... *[Tepuk]*

Sampai sudah kita ke perenggan terakhir perbahasan ini, dan seramai 13 orang telah mengambil bahagian- menunjukkan bahawa pemerhatian dan fokus kita kepada isu ini memanglah menyeluruh.

#### ■1800

Daripada segi prosedurnya, walaupun secara am, kita terpaksa berhenti pada jam 5.30 petang tetapi dengan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 17(4) dan dibaca bersekali dengan Peraturan 89, maka saya membenarkan hal ini selesai hendaknya setelah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasannya.

Justeru, terus kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar untuk menyampaikan kupasan dan jawapan beliau. Silakan... *[Tepuk]*

#### 6.00 ptg.

**Menteri Kesihatan [Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar]:**

*Pahlawan Hang Tuah ke Indera Giri,  
Singgah berlabuh di Indera Pura,  
Putera Rembau mohon berdiri,  
MySejahtera akan diperjelas selindung tiada... [Tepuk]*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Keluarga Malaysia dan salam sihat sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana telah menerima dan membenarkan Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip berkenaan isu MySejahtera dibahaskan di Dewan pada hari ini.

Atas dasar ketelusan, Usul yang dibincangkan di platform Parlimen ini juga memberi ruang kepada saya, dan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjelaskan tentang isu dan kemelut yang sedang hangat dibincangkan oleh orang ramai.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tadi dan telah membangkitkan pelbagai isu berkenaan dengan aplikasi MySejahtera yang saya akan usahakan untuk menjawab sepenuhnya, *insya-Allah* pada hari ini.

Sebagai permulaan, izinkan saya terlebih dahulu menerangkan tentang latar belakang bagaimana aplikasi MySejahtera telah pun dipilih, dibangunkan dan digunakan sepanjang pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara ketika ini. Tuan Yang di-Pertua, latar belakang ini adalah penting sebab ia dapat menjawab sebahagian besar daripada soalan-soalan yang telah dibangkitkan dalam perbahasan dan memberi garis masa yang jelas tentang apa yang telah berlaku dari sudut pembangunan aplikasi MySejahtera.

Kes pertama COVID-19 di Malaysia telah disahkan pada 25 Januari tahun 2020 melibatkan tiga orang warga China yang telah tiba di Malaysia pada 23 Januari.

Seterusnya, dalam usaha untuk mengawal penularan penyakit ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Haji Md. Yassin telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa bermula 18 Mac 2020.

Kerajaan juga pada masa tersebut berpandangan satu aplikasi digital diperlukan bagi membantu dalam pengurusan pandemik COVID-19 dengan berkesan. Susulan itu, kerajaan telah menerima sebelas Kertas Cadangan aplikasi digital daripada pelbagai syarikat yang merangkumi sistem yang telah siap dan cadangan pembangunan sistem baharu.

Bagi menilai pelbagai cadangan tersebut, kerajaan telah menubuhkan Pasukan Petugas Pemboleh Daya Digital COVID-19 (PPPD) atau dikenali sebagai, dengan izin, *COVID-19 Digital Enablement Task Force*. Pasukan petugas ini dipengerusikan bersama oleh Majlis Keselamatan Negara dan Unit Pemodenan Pentadbiran Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan dianggotai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Berdasarkan penilaian ke atas pelbagai cadangan yang diterima tersebut, semua pihak telah bersetuju bahawa aplikasi yang dicadangkan oleh syarikat KPISOFT Malaysia Sdn. Berhad merupakan penyelesaian digital yang terbaik selaras dengan keperluan ketika itu. Asas utama pemilihan syarikat ini ialah sistem telah tersedia. Sistem itu sudah dibangunkan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua- *system was ready*, boleh *go-live* dalam tempoh dua minggu. Ditawarkan secara tanggungjawab *corporate social responsibility* (CSR) untuk tempoh satu tahun, dan berdasarkan rekod yang baik untuk kerja-kerja yang lepas.

Seterusnya pada 20 April 2020, aplikasi MySejahtera telah dilancarkan dengan- mula digunakan dengan tiga modul utama. Tiga modul dulu ya.

Satu- Penilaian Kendiri. Sama ada kita ada gejala, sama ada kita demam, batuk dan sebagainya. Itu modul pertama MySejahtera. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat masih lagi ingat.

Kedua- Pengesanan Kontak. Belum lagi imbasan kod QR. Itu kemudian. Pengesanan kontak ini lebih kepada 'sila tulis'. Siapa yang anda telah jumpa dalam tempoh masa tertentu untuk dihubungi mereka oleh Pejabat Kesihatan Daerah.

Ketiga- Penyampaian Maklumat, yang sahih kepada masyarakat. Berapa banyak kes setiap hari, gejala-gejala COVID-19.

Pada waktu itu, ramai yang tidak tahu tentang COVID-19. Pada peringkat permulaan, jangkaan penggunaan MySejahtera adalah untuk tempoh jangka pendek dengan anggaran pengguna hanya seramai 200 ribu orang sahaja. Kita tidak tahu sejauh mana pandemik ini akan merebak seluruh negara dan seluruh dunia.

Walau bagaimanapun, apabila pandemik berpanjangan, kes semakin meningkat dan pengguna semakin bertambah, kerajaan memutuskan supaya tambahan modul yang melibatkan fungsi yang lebih kompleks serta melibatkan penggunaan meluas di seluruh negara.

Jadi, hendak ulangi lagi, Tuan Yang di-Pertua. Ia mula dengan MySejahtera, fungsi tiga sahaja. Akan tetapi apabila pandemik ini menjadi sesuatu yang lebih kompleks, maka banyak lagi modul telah ditambah atas aplikasi yang asal.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh pandemik ini, aplikasi MySejahtera telah digunakan secara meluas bagi urusan kawalan COVID-19. Ini saya hendak jelaskan daripada segi penggunaan MySejahtera sebab ramai yang hanya memfokuskan kepada imbasan kod QR sahaja. Jadi, saya hendak jawab beberapa pandangan tadi berkenaan dengan apa kegunaan MySejahtera, apa faedahnya, apa yang digunakan data untuk Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sejak pelancaran- MySejahtera telah dimuat turun sebanyak 38 juta kali ataupun 38 juta di pelbagai platform mudah alih, *Google Play*, *Apple Store*, *Huawei* dan sebagainya. Manakala sebanyak 15 modul telah dibangunkan dalam masa dua tahun dan telah diiktiraf sebagai salah

satu aplikasi pandemik yang terbaik di dunia berdasarkan kajian yang dibuat oleh *App Intelligence*. Sebanyak 15 modul yang terdapat dalam aplikasi MySejahtera adalah seperti berikut:

- (i) penilaian sendiri harian;
- (ii) carian pengesanan titik panas. Dulu kita tengok *hotspots* di mana dan sebagainya. Sekarang di mana-mana sahaja;
- (iii) daftar masuk;
- (iv) pengembara;
- (v) vaksinasi;
- (vi) *MySj Trace*;
- (vii) laporan ujian sendiri;
- (viii) senarai fasiliti saringan;
- (ix) sistem tempahan;
- (x) pengurusan tanggungan;
- (xi) sistem pengurusan vaksin;
- (xii) *surveillance*;
- (xiii) notifikasi laporan makmal ujian; dan
- (xiv) modul kuarantin.

#### ■1810

Jadi pelbagai modul telah pun dibangunkan oleh MySejahtera. Dia mula asal tiga sahaja, tetapi kita tambah. Sebagai contoh, waktu saya menjadi Menteri Penyelaras bagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, daripada kita bina satu aplikasi yang baharu, saya minta supaya MySejahtera digunakan untuk simpan sijil vaksin kita dan sebagainya.

Sebagai contoh, bagi tujuan pengesanan kontak rapat dan kontak kasual, ini apabila kita ada kontak dengan orang COVID-19 positif, sebanyak lebih 20 juta notifikasi telah dihantar kepada pengguna aplikasi ini.

Selain itu, sebanyak 17 juta arahan pengasingan dan pemantauan secara *virtual* telah dikeluarkan. Ini kita ambil data contohnya- kita *check-in* ke sebuah tempat. Orang yang positif juga *check-in* pada tempat tersebut. Apabila kita dapati dia positif, kita akan hantar Notifikasi Kontak Kasual kepada orang yang ada di tempat yang sama dengan orang yang positif. Ini telah banyak membantu daripada segi pengesanan kontak rapat dan juga pengesanan kontak kasual. Kita juga ada lagi satu fungsi sebab kita tidak cukup dengan imbasan *QR Code* sahaja, kita telah bangunkan lagi satu fungsi iaitu *MySJ Trace*.

Ini yang dirujuk tadi berkenaan dengan aplikasi yang menggunakan *bluetooth* dan untuk *MySJ Trace* ini sebanyak 7.1 juta orang pengguna aktif menggunakan *MySJ Trace*. Ini kalau saya

on saya punya *bluetooth*, kalau contoh sebelah saya Yang Berhormat Paya Besar on dia punya *bluetooth* dan didapati bahawa salah seorang daripada kita- *nauzubillah*, positif nanti, seorang lagi akan dapat notifikasi bahawa anda sebagai “Kontak Rapat”, sila *check* status kesihatan sendiri. Inilah teknologi di sebalik MySJ Trace.

Jadi ada 7.1 juta orang pengguna aktif. Sebanyak 54,444 orang individu yang disahkan positif telah muat naik maklumat kepada MySJ Trace yang membolehkan 173,274 orang kontak kasual dikenal pasti. Maksudnya- dia diberitahu dan mereka sama ada melakukan penilaian kesihatan sendiri ataupun mereka melakukan *test* ujian sendiri. Kita memudahkan dengan adanya fungsi ini.

Ada satu lagi Tuan Yang di-Pertua, fungsi yang sangat-sangat penting kepada Kementerian Kesihatan pada waktu ini. Pada waktu ini, kes aktif COVID-19 yang sedang pulih di rumah merupakan 97 peratus daripada kes aktif. Dahulu banyak kes aktif COVID-19 dihantar ke hospital sebab tiada vaksinasi dan varian pada waktu itu, varian *Delta*, varian yang agak mengganas. Jadi sesiapa yang dapat COVID-19 mungkin pada tahun lepas, gejala dia teruk dan mereka terpaksa dirujuk ke hospital ataupun Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) seperti di MAEPS, Serdang.

Sekarang ini dengan liputan vaksinasi yang tinggi, dan dengan adanya kawalan sendiri yang lebih baik, 79 peratus daripada kes aktif sekarang ini pulih di rumah. Rehat di rumah, mengasingkan diri di rumah. Jadi apabila mereka mengasingkan diri di rumah, Kementerian Kesihatan Malaysia memerlukan satu aplikasi yang dapat memantau mereka, sebab ada mereka mungkin apabila mereka didiagnosis ataupun didapati COVID-19 positif, pada kategori satu- maknanya tiada gejala langsung, ataupun kategori 2A, gejala yang ringan sahaja. Akan tetapi ada yang merosot gejalanya dalam tempoh masa pengasingan di rumah itu.

Oleh sebab itu, kita bangunkan apa yang dikenali sebagai Kaedah Pelaporan Penilaian Kendiri secara digital dibuat melalui MySejahtera iaitu *Home Assessment Tool*, dengan izin, setiap hari dua kali kena isi- gejala, dan sebagainya. Di situ kita dapat tahu siapa yang merosot- siapa yang keadaan kesihatannya merosot yang boleh dirujuk ke hospital, yang boleh dibawa ke PKRC sebab kita hendak kurangkan bilangan *brought-in-dead* (BID). Mereka yang meninggal di luar daripada fasiliti kesihatan.

Oleh sebab itu, aplikasi ini sangat penting bagi kita untuk memastikan bahawa dalam fasa peralihan ke endemik ya Yang Berhormat, saya kena bangkitkan tadi, ramai yang kata fasa endemik. Esok kita bukan masuk ke fasa endemik, endemik ini jauh lagi. Esok kita masuk ke ‘fasa peralihan ke endemik’. Endemik ini maksudnya dia punya kes dia tidak terlalu tinggi setiap hari. Kita masuk ke fasa peralihan ke endemik ya. Berapa lama? Kita tidak tahu.



Akan tetapi dalam fasa peralihan ke endemik ini, kita melihat bahawa kita hidup dengan COVID-19, lebih ramai yang dapat COVID-19 akan pulih dan asing di rumah dan KKM perlu ada sistem pemantauan yang diguna pakai oleh MySejahtera. Setakat ini lebih dari dua bilion pelaporan *Home Assessment Tool* telah diterima setakat hari ini. Jadi ini adalah sesuatu yang sangat-sangat diperlukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Penggunaan MySejahtera juga telah membolehkan proses pengesahan kes positif yang diperoleh menerusi keputusan ujian sendiri RTK dipercepatkan. So, sekarang ini apabila kita rasa kita ada gejala, kita hanya buat ujian sendiri sahaja. Apabila kita dapati positif, kita lapor dalam MySejahtera terus dapat, dengan izin, *Home Surveillance Order* ataupun Perintah Duduk di Rumah ataupun perintah untuk mengasingkan diri di rumah.

Untuk rekod Tuan Yang di-Pertua, lebih 80 juta keputusan ujian sendiri RTK sama ada positif ataupun negatif telah dimuat naik menerusi fungsi ini. Jadi kalau hendak kata MySejahtera ini hanya untuk imbasan *QR Code*, tidak betul. Ini digunakan untuk banyak lagi kegunaannya.

Sejak bulan Mei 2020, lebih 13 bilion *check-in*- ini yang imbasan *QR Code* direkodkan melalui MySejahtera. Data ini telah digunakan untuk melancarkan sistem Notifikasi Kontak Kasual secara automasi bermula 1 Mac 2021 serta Sistem Pengesanan Hotspots (HIDE) bermula 20 April 2021. Sistem-sistem ini yang berasaskan data MySejahtera telah meringankan beban staf di lapangan dan membolehkan rakyat melakukan ujian saringan dengan lebih awal.

Selain itu, susulan daripada pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), aplikasi ini juga telah diperluaskan dengan pembangunan modul pendaftaran vaksin yang dirangkaikan dengan *Malaysian Vaccine Administration System* (MyVAS) iaitu sistem pentadbiran vaksin yang ditempatkan di semua pusat pemberian vaksin (PPV). Aplikasi ini juga turut telah dilengkapi dengan fungsi pengeluaran dan muat turun sijil vaksinasi COVID-19 yang terkandung dalam VMS. Penggunaan MySejahtera dalam PICK telah membolehkan 68,849,462 dos vaksin berjaya diberi dan direkodkan, melibatkan sejumlah 27 juta lebih penerima.

Manakala dengan bermulanya fasa peralihan ke endemik pada hari esok. Selain daripada fungsi-fungsi yang telah tersedia sebelum ini, aplikasi MySejahtera juga akan digunakan bagi tujuan pengurusan pengembara yang akan masuk ke negara kita. Ini termasuklah bagi tujuan pengesahan Sijil Vaksinasi oleh pengembara warga asing serta pemakluman protokol dan prosedur ujian COVID-19 apabila hendak ke negara kita.

Berdasarkan fungsi MySejahtera yang telah saya nyatakan ini, adalah terbukti bahawa aplikasi ini sememangnya telah banyak mempermudah dan membantu urusan kawalan pandemik COVID-19 ketika ini. Kementerian Kesihatan juga berpandangan masih terdapat keperluan untuk

terus menggunakan aplikasi ini menerusi fungsi-fungsi yang telah tersedia walaupun selepas ini negara akan memasuki fasa peralihan ke endemik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mungkin ada pencelahan boleh buat. Yakni, adakah Yang Berhormat Menteri menjawab apa-apa isu yang telah spesifik dibangunkan atau dikemukakan. Sahaja untuk mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Saya akan sampai ke banyak isu lagi, Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1820

Pangkalan maklumat aplikasi MySejahtera adalah antara yang terbesar di dunia. Oleh yang demikian, adalah sangat penting untuk terus menggunakan MySejahtera sebagai aplikasi. Malah, *Malaysian Medical Association* menyarankan supaya aplikasi ini terus digunakan sebagai perintis rekod kesihatan elektronik yang KKM sedang mengkaji. Ada fungsi seperti *check-in* imbasan kod yang boleh kita hentikan tetapi kita boleh *pivot* kepada fungsi lain dalam aplikasi ini.

Jadi saya hendak jelaskan di sini ada soalan tadi. Ya, memang kita sedang melihat bilakah masa yang terbaik untuk kita keluarkan SOP yang baharu supaya penduduk di Malaysia tidak perlu lagi mengimbas kod QR di premis-premis.

Saya telah menyatakan bahawa mungkin beberapa minggu selepas 1 April ini, bila kita dapati bahawa tiada peningkatan kes, dan kita melihat kepada data pergerakan ataupun mobiliti, maka kita boleh umumkan SOP yang baharu, *insya-Allah*. Kita tidak akan minta supaya rakyat terus melaksanakan perkara yang tiada keperluan lagi tetapi ada juga baiknya kita simpan fungsi ini, manalah tahu *nauzubillah* kalau berlakunya pandemik lagi, fungsi ini sudah ada bila-bila waktu untuk kita hidupkan semula.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Usul yang telah dibahaskan pada hari ini yang telah bertitik-tolak daripada laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang dikeluarkan pada 24 Mac yang lalu, telah wujud perbahasan di peringkat awam yang meragui dan mempertikaikan tentang isu pemilikan dan keselamatan data aplikasi MySejahtera.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah bangkitkan isu ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip memberi peluang kepada saya hari ini untuk jelaskan dalam Dewan, jelas dalam Dewan Negara ini lain daripada kita jelaskan dalam sidang akhbar. Darjatnya lagi tinggi... [*Tepuk*]

Berkenaan isu data dan maklumat peribadi pengguna aplikasi MySejahtera, ingin saya tegaskan bahawa sebelum kerajaan melancarkan aplikasi ini pada 20 April 2020, Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi pihak kerajaan telah memeterai Perjanjian Ketakdedahan- *Non-*

*Disclosure Agreement* atau NDA, dengan izin, dengan KPIsoft pada 1 April dengan terma-terma yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Jadi saya patah balik sekejap Tuan Yang di-Pertua, setelah komiti yang dipengerusikan bersama oleh MKN dan MAMPU menilai *proposal* yang masuk, mereka telah pilih syarikat ini. Dengan itu, syarikat ini telah memeterai satu NDA, Perjanjian Ketakdedahan- *Non-Disclosure Agreement*. Saya pun tidak tahu terjemahannya ialah Perjanjian Ketakdedahan. Hari ini saja, saya belajar juga dengan Tuan Yang di-Pertua hari ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, pakai sajalah terma itu dahulu... *[Ketawa]*

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Ya, *agreement* simpan rahsia. Antara terma utama yang terkandung dalam perjanjian NDA ini termasuklah berkenaan hak milik setiap data dan maklumat yang diperoleh menerusi penggunaan aplikasi MySejahtera.

Saya hendak sebut dalam Dewan Negara yang mulia ini, data dan maklumat yang diperoleh menerusi penggunaan aplikasi MySejahtera merupakan hak milik penuh dan mutlak Kerajaan Malaysia... *[Tepuk]*

Saya ingin memberi jaminan bahawa segala data yang tersimpan di dalam pangkalan data MySejahtera adalah terpelihara, dan hanya bagi tujuan kawalan pandemik oleh KKM sahaja. Dalam hal ini, penggunaan dan pengurusan data MySejahtera adalah tertakluk kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit, Akta Perubatan 1971 dan piawaian antarabangsa.

Saya juga ingin menjawab beberapa soalan yang ditanya tadi berkenaan dengan data, pelupusan data dan sebagainya.

Data *check-in*- imbasan QR kod ini akan dilupuskan selepas 90 hari, bukan sampai tujuh tahun. Kita tidak simpan, kita tak nak simpan pun yang mana rakyat Malaysia pergi. 90 hari dilupuskan secara *hard delete*, maksudnya tidak boleh di-*recover*, tidak boleh dicari semula. Sama juga dengan mereka yang ingin padamkan rekod MySejahtera. Kalau ada sesiapa yang hendak padamkan rekod MySejahtera, ia dilaksanakan secara *hard delete* dengan pemantauan daripada pihak MAMPU dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia.

Selain itu, transaksi data daripada aplikasi MySejahtera dimuat naik ke jaringan pelayan awan setiap hari dan hanya boleh diakses untuk kegunaan aplikasi MySejahtera serta aplikasi sokongan yang berkaitan dengan pandemik COVID-19 seperti modul vaksinasi dan sebagainya. Saya ingin jelaskan bahawa server, tadi banyak soalan berkenaan dengan server ini berada di luar negara dan sebagainya. Server ini berada di *AIMS Data Centre* Kuala Lumpur, Malaysia, berada di dalam negara kita dan bukannya di luar negara... *[Tepuk]*

Berhubung keselamatan, tadi ramai yang bertanya sama ada NACSA terlibat, sama ada MAMPU terlibat dan sebagainya. Saya hendak jelaskan di sini juga. Berhubung keselamatan aplikasi dan data pula, pihak MAMPU dan NACSA telah menjalankan pelbagai ujian bagi memastikan bahawa aplikasi ini selamat, pengujian penembusan dan kerentanan- *penetration and vulnerability test*, dengan izin, sebelum ia dilancarkan.

Selain itu, NACSA iaitu *National Cyber Security Agency*, dengan izin, juga telah menjalankan Audit Keselamatan Berkala setiap bulan dan melaksanakan ujian penembusan dari semasa ke semasa selain turut melaksanakan *audit trail* kepada server yang menyimpan data MySejahtera ini. Saya hendak jelaskan sedikit *audit trail* ini. *Audit trail* ini bermaksud Tuan Yang di-Pertua, kalau ada sesiapa yang cuba *log in*, ambil data daripada server kita tanpa kebenaran Kementerian Kesihatan Malaysia, kita akan kesan, kita akan tahu siapa yang masuk, *log in* dan ambil data tersebut. Hanya mereka...

**Dato' Nelson a/l Renganathan:** Mencilah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Nelson a/l Renganathan:** Akan tetapi boleh ambil gambar tak Yang Berhormat? Walaupun *you* tidak boleh *transmit the data*, boleh *you* ambil gambar dan gunakan itu? *Take a photo of that data- screenshot, screenshot*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** *Screenshot* itu juga menjadi kesalahan. Kalau itu berlaku dan kita dapat tahu ada *screenshot*, kita buat laporan *of course*. Akan tetapi itu juga terpakai untuk apa-apa aplikasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Akan tetapi yang penting ialah dia kena *log in* untuk dapat data tersebut. Jadi kalau dia *log in* dan *screenshot*, kita akan tahu bila dia, siapa yang buka itu, *entry point* dia. Okey.

NACSA melalui *Cyber Coordination and Command Centre* (NC4) memantau keselamatan secara berterusan ke atas aplikasi MySejahtera untuk mengesan sebarang pencerobohan.

Selain itu, hasil semakan juga mendapati syarikat pengendali aplikasi MySejahtera ini juga telah menerima piawaian ISO27001. Piawaian ini ialah spesifikasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk sistem pengurusan keselamatan maklumat meliputi dasar dan pengurusan keselamatan maklumat, keselamatan fizikal dan persekitaran keselamatan komunikasi dan keselamatan sumber manusia.

Berdasarkan fakta-fakta ini, saya ingin menekankan bahawa setiap data dan maklumat yang diperoleh menerusi aplikasi MySejahtera, merupakan hak milik kerajaan dan terjamin keselamatan dan kerahsiaannya... [*Tepuk*] Saya harap orang ramai akan terus menggunakan

aplikasi MySejahtera tanpa ragu-ragu. Kerahsiaan data orang ramai adalah terjamin dan KKM akan sentiasa memastikan aspek ini tidak dikompromikan.

Saya ingin maklumkan bahawa saya telah baca dalam berita bahawa saya dan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun dipanggil untuk memberi keterangan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

■1830

*Insya-Allah*, seperti hari ini, saya akan hadir, dan saya akan beri sepenuhnya maklumat kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pergi pula kepada aspek perolehan dan pemilikan MySejahtera.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Saya cuba *cover* semua yang dibangkitkan tadi *insya-Allah*.

Berhubung pemilikan aplikasi MySejahtera, seperti yang telah saya jelaskan tadi, antara asas utama pemilihan syarikat merupakan tawaran syarikat untuk memberi perkhidmatan secara CSR selama satu tahun. Tempoh setahun tersebut adalah mula 27 Mac 2020 hingga 31 Mac 2021.

Oleh itu, kerajaan tidak pernah membuat sebarang bayaran kepada syarikat sepanjang tempoh CSR tersebut. Sebenarnya sehingga hari ini kita tidak bayar apa-apa kepada sama ada kepada KPISoft, Entomo ataupun MySJ Sdn. Berhad, kerana saya akan jelaskanlah kita hendak bincang soal perjanjian ini.

Setelah tamat tempoh CSR tersebut, Jemaah Menteri pada 31 Mac 2021 bersetuju supaya perkhidmatan MySejahtera diteruskan kerana keteguhan dan keupayaan dinamik teknologinya. Jadi, di sini mungkin bangkit isu- kenapa Rundingan Terus? Kenapakah syarikat ini? Ini sebab apabila CSR itu sudah tamat, kita dapati bahawa lebih banyak modul telah pun diminta untuk dibina dan kita dapati bahawa daripada kita berhenti dan kita cari pengendali yang baharu, kita teruskan sahaja dengan pengendali yang sedia ada. Nanti saya akan huraikan apa yang telah jadi.

Sehubungan dengan itu, kerajaan meneruskan kerjasama dengan pihak syarikat dalam melaksanakan peningkatan fungsi MySejahtera sehingga ke hari ini. Apabila saya dilantik menjadi Menteri Kesihatan pada 30 Ogos 2021, dan meneliti tadbir urus di sebalik pengoperasian aplikasi MySejahtera, saya berpandangan adalah wajar untuk Kementerian Kesihatan mengambil alih pengendalian dan operasi MySejahtera memandangkan fungsi utama MySejahtera serta data yang diperolehi menerusi aplikasi ini merupakan data berkaitan kesihatan.

Sebelum itu ia di bawah MKN, ada arahan yang diterima daripada NACSA, MAMPU, MKN dan KKM, jadi, struktur tadbir urusnya tidak berapa kemas. Jadi, saya minta supaya MySejahtera ini dipindahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Oleh yang demikian, pada 26 November 2021, satu Memorandum Jemaah Menteri (MJM) oleh Jabatan Perdana Menteri, kementerian bertanggungjawab bagi Majlis Keselamatan Negara telah dibincangkan yang akhirnya bersetuju di peringkat Jemaah Menteri agar pemilikan aplikasi MySejahtera dipindahkan daripada Majlis Keselamatan Negara kepada Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertujuan memudahkan pengoperasian sistem, pemantauan dan pengesanan kontak dan memperkasa hebahan tentang kesihatan awam.

Di sini saya hendak jelaskan pemilikan- pemilikan MySejahtera daripada segi jenama, aplikasi, modul-modul yang saya bincangkan tadi, modul yang telah dibangkitkan selain daripada tiga modul awal- modul itu semua termasuk *source code*-nya, milik Kementerian Kesihatan Malaysia.

Apa yang ada pada syarikat adalah pengoperasian- pengoperasian platform macam disebutkan tadi, *software as a service* tetapi banyak daripada segi pemilikan IP, daripada segi *source code module* yang telah dibangunkan adalah milik Kementerian Kesihatan Malaysia. Ini yang saya perlu jelaskan di sini.

Kalau sekiranya contoh kita pergi ke *App Store*, *Google Play* dan sebagainya, kita akan tengok di situ MySejahtera milik Kerajaan Malaysia. Apabila kita hendak *download*, ia punya *owner*-nya bukan KPISoft tetapi Kerajaan Malaysia- *Malaysian Government*.

Saya juga selaras dengan keputusan Jemaah Menteri ini iaitu satu Jawatankuasa Pemandu telah ditubuhkan yang dipengerusikan sendiri oleh saya sebagai Menteri Kesihatan dan dianggotai oleh pelbagai agensi berkepentingan seperti MOSTI, NACSA, MCMC, MAMPU dan MDEC bagi tujuan mengadakan rundingan bersama syarikat pengendalian MySejahtera, syarikat yang mengoperasi *software platform* itu.

Justeru, saya ingin mengatakan dalam Dewan yang mulia ini, tidak timbul isu penjualan aplikasi MySejahtera kepada pihak swasta. MySejahtera jenama, *source code*, *module* semua milik kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebaliknya keputusan Jemaah Menteri pada bulan November lalu adalah bertujuan untuk membolehkan pemilikan MySejahtera dipindahkan sepenuhnya kepada Kementerian Kesihatan. *Just to be clear*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pemindahan ini bukan dari syarikat swasta kepada KKM tetapi dari agensi kerajaan lain kepada KKM sebagai *the sole custodian and owner*, dengan izin, *of MySejahtera*...

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Walaupun Yang Berhormat Menteri mengatakan tidak ada *single cent* telah bayar kepada KPISoft tetapi ada maklumat mengatakan MOSTI membayar kepada *National Cyber Security Agency (NACSA)*, dan NACSA itu bayar kepada KPISoft sebanyak RM10.4 *million*. Minta jelaskan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bilion atau *million*?

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** *Million*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Juta, juta?

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Pembayaran tersebut bukan untuk MySejahtera. Pembayaran tersebut antara lain untuk perkhidmatan yang diberi oleh *Google*. Contoh apabila kita isi alamat kita untuk tujuan pendaftaran vaksinasi apabila kita buat pendaftaran- kalau Yang Berhormat masih ingat, apabila kita letak sahaja "Jalan Setia", ia akan terus pergi kepada *Google Maps*. Itu yang dinamakan sebagai *Google API*. Itu ada kos dan perlu dijelaskan kepada *Google*. Pembayaran itu dibuat sebenarnya untuk *Google*- untuk membayar bagi perkhidmatan *Google API*, dan *SMS alert* yang dikendalikan oleh syarikat lain, dan bukan kepada KPISoft.

Jawatankuasa Pemandu ini juga akan membincangkan tentang hala tuju aplikasi MySejahtera selepas ini, lebih-lebih lagi selepas ini kita beralih ke fasa peralihan ke endemik dan seterusnya mencapai fasa endemik kelak.

Sekali lagi saya ingin tekankan bahawa kerajaan sehingga ke hari ini, selain daripada pembayaran ke *Google* dan SMS yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai, masih belum meluluskan atau membuat apa-apa pembayaran kepada pengendali aplikasi MySejahtera sama ada KPISoft, Entomo, MySJ, dan sebagainya.

Kerajaan dan Kementerian Kesihatan akan memastikan apa-apa keputusan berhubung pembayaran akan mengambil kira kepentingan negara dan rakyat. Tadi ada yang bangkitkan kosnya RM300, berapa ratus, Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah pun bangkitkan isu kosnya. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat semua bahawa rundingan masih berjalan ketika ini, dan akan diusahakan sebaik mungkin untuk mencapai situasi menang-menang yang seterusnya memastikan isu ini dapat mencapai kata putus.

Harga yang saya dengar di pasaran Tuan Yang di-Pertua sebanyak RM300 juta lebih. Saya boleh nyatakan di sini bahawa harga yang kita runding ini jauh kurang daripada RM300 juta. Kita akan dapat satu kos yang sebenar, yang menjaga kepentingan awam Yang Berhormat.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, sebab Yang Berhormat Menteri kata rendah daripada apa yang di-*viral*-kan. Jadi Dewan Negara hendak tahu, berapa sebenarnya? Boleh putuskan di sini ataupun tidak, lebih kurang daripada RM300 juta, kah, RM50 juta, kah?

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Saya tahu, saya tahu Yang Berhormat pun semua ingin tahu tetapi ini masih lagi dalam rundingan dengan pihak Perbendaharaan, dan apabila diputuskan dan dimuktamadkan nanti, kerajaan akan umumkan jumlah tersebut secara telus kepada semua. Itu komitmen saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat... *[Tepuk]*

Saya ingin sedikit sebab saya sebenarnya ...

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Mohon penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Tidak akan kita berunding, Yang Berhormat Menteri tidak ada harga lantai untuk kita runding?

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Ada. Ada.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Ini satu peliklah sedikit.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Akan tetapi Yang Berhormat Datuk Mohd Hisamudin, ini strategi perundingan ini kita jangan umum depan orang.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Itulah.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Kita pun ada strategi perundangan kita juga.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Masalahnya Yang Berhormat sudah setahun- minta mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong halakan soalan ke mari dahulu. Ya, ya.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Ya, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya itulah setahun tidak akan masih berunding lagi?

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Tidak, kita- terima kasih. Ya.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Itu yang kita hendak tanya. Ini soal integriti Yang Berhormat.

#### ■1840

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Ya.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Mohon penjelasan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Saya boleh jawab bahawa kita sudah dalam peringkat yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peringkat yang terakhir.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Sudah hampir sampai tahap hendak menandatangani kontrak, kebetulan isu ini keluar. Jadi... *[Disampuk]*

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri... *[Ketawa]* Okey, sedikit.



Ya lah, dengan apa yang sudah pun pihak sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator menyatakan ini, dan setakat dengan jawapan yang Yang Berhormat Menteri nyatakan, rasanya sebenarnya, kita masih tidak lega lagilah, dan hendak tanya... *[Disampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak lega kah, tidak puas hati?

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** *[Ketawa]* Tidak puas hati, dan kita hendak nyatakan- 'tidak ada angin, kenapa pohon bergoyang'? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada juga buruk menggoncang... *[Ketawa]*

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Saya baru hendak menjawab perkara tersebut Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang tidak ada angin tetapi ada monyet.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Yang Berhormat, saya tidak dapat hendak kawal spekulasi dan sebagainya. Ini lumrah dalam politik, spekulasi ini biasalah... *[Tepuk]* Saya hanya dapat datang, tampil dan jawab apa yang saya tahu, dan saya cuba jawab secara setelusnya kepada Yang Berhormat. Saya tidak sembunyikan apa-apa, dan malah perkara ini saya sudah sebut bahawa saya akan bantangkan kepada PAC sebab mengikut undang-undang kita kena dedahkan semua kepada PAC.

Jadi, apa pun perjanjian kita meterai nanti, ia akan sampai kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Saya cuma datang pada hari ini sebab saya tahu Ahli-ahli Yang Berhormat sangat prihatin kepada isu yang panas, yang hangat ini. Saya sebagai Yang Berhormat Menteri datang sendiri walaupun sudah agak lewat untuk menjawab satu persatu soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat... *[Tepuk]*

Cuma saya hendak jelaskan- *last*, sedikit Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan syarikat ini. Saya tidak mahu menjawab terlalu panjang lebar sebab patutnya syarikat ini yang menjawab. Akan tetapi, saya boleh sebut bahawa, Syarikat Entomo Pte. Ltd. yang berpangkalan di Singapura dahulu dinamakan sebagai KPISOFT, majoriti pemilik sahamnya merupakan rakyat Malaysia. Mereka membuat keputusan untuk berpangkalan di Singapura sebab seperti mana syarikat-syarikat teknologi yang lain dari Malaysia, mereka dapati bahawa lebih mudah untuk dapat pelabur-pelabur di Singapura dan sebagainya. Itulah sebab mereka telah berpangkalan di Singapura. Seperti mana kisah *Grab* suatu ketika dahulu.

Namun demikian, ini masih lagi syarikat yang majoriti pemiliknya rakyat Malaysia... *[Disampuk]*

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Razali bin Idris:** Ini satu lagi pendedahan terkini. Majoriti *shareholder* rakyat Malaysia, tetapi berpangkalan di Singapura. Jadi kita minta, Dewan Negara hendak minta Yang Berhormat Menteri hari ini supaya bagi arahan syarikat yang bermajoriti orang Malaysia, berpangkalan di Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya.

**Datuk Razali bin Idris:** Kita ada Cyberjaya yang begitu hebat, di serata dunia tahu. Jadi, ini satu perkara yang membuatkan 'pokok bergoyang' kata- ini memberi peluang kepada Netizen untuk memberi persoalan Yang Amat Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Saya setuju dengan saranan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Razali, sahabat saya juga. Oleh sebab ini, malangnya perkara ini banyak kali dibangkitkan dan banyak kali telah pun dijawab di Dewan Rakyat sebelum ini. Mungkin sebab itulah antara lain MySj Sendirian Berhad telah ditubuhkan, telah, dengan izin di *incorporate* pada 23 September sebagai sebuah syarikat Malaysia.

Syarikat ini ada satu perjanjian dengan Syarikat Entomo, di mana syarikat inilah yang akan bertanggungjawab untuk urusan MySejahtera dengan Kerajaan Malaysia. Syarikat ini juga ditubuhkan kerana syarikat ini hendak cari pembiayaan kewangan di Malaysia, dan bukan lagi di Singapura.

Akan tetapi, saya ambil positif apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Razali. Mungkin untuk akan datang, bagi aplikasi-aplikasi yang sensitif seperti ini kita minta mereka berpangkalan sepenuhnya di Malaysia supaya tiada salah faham dalam isu ini... [*Tepuk*] Saya faham *business decision* mereka, tetapi optiknya sangat-sangat tidak berapa kemas kalau mereka tidak berpangkalan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berusaha untuk menjawab sebahagian besar daripada soalan-soalan yang dibangkitkan. Ada detil mungkin boleh sama ada jawab secara bertulis ataupun saya menjawab apabila keterangan akan diberikan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Apa yang penting, sudah pasti cerita MySejahtera ini tidak tamat di sini. Akan tetapi, ini merupakan langkah pertama ataupun langkah yang awal untuk kita menjawab beberapa isu dan dengan harapan bahawa mungkin dengan kehadiran Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada hari ini yang telah menyatakan satu per satu ia akan menenangkan semula keadaan.

Seperti ungkapan di awal penggulungan saya, saya telah memberi jaminan bahawa tiada apa-apa yang hendak disembunyikan. Keputusan untuk mengadakan rundingan merupakan suatu usaha untuk memperbetulkan dan menyelesaikan masalah yang telah timbul sebelum ini. Saya dan KKM juga akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Prosiding PAC.

Saya berharap penjelasan yang telah diberikan dalam penggulungan ini dapat memberi kefahaman yang lebih jelas tentang apa yang telah dan akan berlaku dalam isu MySejahtera.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kepada semua Ahli-ahli Senator sekalian atas Usul ini. Terima kasih.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Alhamdulillah Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia sudah pun memberi jawapan.

*Jambatan besi ada di Tawau;  
Jambatan besi juga didirikan di Kota.  
Jawapan sudah pun diberi oleh anak Rembau;  
Yang juga Menteri Kesihatan kita... [Tepuk]*

Dengan itu, saya terasa bahawa kedua-dua pihak sudah pun dapat mendengar penjelasan masing-masing. Maka, lantaran kita kesuntukan masa sudah dan atas perkara-perkara yang telah menghalang kita daripada segi peraturan. Saya hanya menyatakan pada peringkat ini penghargaan kita kepada Kementerian Kesihatan menerusi Yang Berhormat Menteri dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat pembawa usul yang telah pun menerapkan nilai serta gesaan supaya kita bertanggungjawab... [Tepuk]

Berakhir sudah sidang kita, dan atas keadaan yang berada di Dewan ini tentu sekali suasana dan peristiwa ini membawa kita ke tahap yang lebih bertanggungjawab lagi di masa akan datang... [Tepuk]

Saya sendiri akan cuba membawa hal ini kepada beberapa pihak khususnya Jawatankuasa Pilihan Khas berkaitan dengan anti rasuah jika perlu didedahkan beberapa hal yang berkaitan dengan butir-butiran yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri... [Tepuk]

Saya berterima kasih sebab urusan kita dalam sidang ini sudah pun melalui satu bentuk rangka kejayaan.

Pertama, tujuh rang undang-undang telah sama-sama kita bahas dan telah pun diluluskan oleh Dewan Negara.

Satu Usul Menjunjung Kasih kepada Yang Di-Pertuan Agong berjaya kita ambil bahagian dan menyempurnakan tanggungjawab masing-masing.

Selain daripada itu, ingin saya mengambil peluang ini untuk merakamkan perasaan dan harapan semoga kita menghormati segala keputusan dan arahan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan berkaitan dengan SOP serta peraturan-peraturan wajib yang dikenakan.

Apabila Yang Berhormat kembali ke rumah tangga masing-masing, kampung halaman, semoga kita berada dalam keadaan selamat dan sihat. Maklumlah tidak lama lagi kita akan

bersama-sama berpuasa dan menjadikan Ramadhan sebagai tanggungjawab yang lebih berperanan terus.

*Perak dipakai;  
Suasa dibela.  
Gerak dah sampai;  
Puasa dah tiba.*

Atas keadaan itulah, kita akhiri Majlis kita, dan sidang kita pada petang ini ditangguhkan kepada satu tarikh yang tiada ditetapkan. *Walhamdulillah*, dan selamat kita meneruskan tanggungjawab di luar Dewan selepas ini. Majlis ditangguhkan mesyuaratnya.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.49 petang]***